

DOKUMEN LAPORAN INI BELUM DISEMAK

PARLIMEN KESEBELAS

PENGGAL KEEMPAT

MESYUARAT KETIGA

Bil. 28

Khamis

13 Disember 2007

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

- Mengangkat Sumpah (Halaman 1)
- Mengalu-alukan Ahli Baru (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

- Rang Undang-undang Perbekalan 2008 (Halaman 34)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
14. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
15. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
16. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
17. “ Datuk Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
18. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
19. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
20. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
21. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
22. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
23. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
24. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
25. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
26. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
27. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
28. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
29. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
33. “ Puan Mumtaz binti Md Nawli (Kelantan)

34. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy (Dilantik)
35. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
36. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
37. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
38. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
39. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
40. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
41. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
42. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
43. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain (Dilantik)
52. “ Dato’ Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Dato’ Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
57. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
58. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
59. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
60. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
61. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
62. ” Dato’ Wong Siong Hwee (Dilantik)
63. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
64. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA

Setiausaha Dewan Negara
Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)
Mund. Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS
PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Hajah Kamisah binti Sayuti
Sarimah binti Amran
Abd. Talip bin Hasim
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Nurul Asma binti Zulkepli
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor
Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri
Nur Hidayah binti Janudin

Nurul Shahida binti Haji Ahmad
Siti Khadijah binti Md Nor
Nooruanizam binti Nasir
Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
KHAMIS, 13 Disember 2007
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PEMASYHURAN OLEH TUAN YANG DI-PERTUA

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

- (i) Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir;
- (ii) Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed;
- (iii) Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah; dan
- (iv) Datuk Haji Roslan bin Awang Chik

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Panjang sedikit. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan pelantikan semula: Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir; Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed; Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah; dan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik selama tiga tahun lagi seperti mana yang diperuntukkan undang-undang. Saya turut berbangga kerana dapat bertugas bersama-sama Yang Berhormat. Sepanjang tiga tahun yang telah berlalu, Yang Berhormat-Yang Berhormat bersama rakan seperjuangan yang lain telah dapat menyerlahkan hakikat bahawa Dewan Negara khasnya sistem Parlimen dwidewan atau *bicameral* amnya lebih memungkinkan proses penggubalan undang-undang yang sempurna melalui peranan menegakkan prinsip *check and balance*.

Saya berdoa semoga pelantikan semula ini akan mendorong Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk berbakti dengan lebih gigih ke arah menyempurnakan tuntutan tugas mendukung Perlembagaan seperti mana telah Yang Berhormat-Yang Berhormat lafazkan sebentar tadi. Seperti Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, Perlembagaan merupakan undang-undang induk negara. Maka ianya didukung secara mutlak.

Namun negara kita Malaysia teristimewa kerana ianya lahir dari permuafakatan pelbagai kaum, keturunan dan kepercayaan perpaduan juga didukung secara mutlak. Kadang-kadang timbul pertembungan di antara dua. Di sinilah dituntut kebijaksanaan daripada Yang Berhormat-

Yang Berhormat malah seluruh rakyat jelata. Selamat mendukung tugas Ahli-ahli Yang Berhormat. Maka selesailah majlis mengangkat sumpah pada pagi ini.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara sekali lagi menyatakan penghargaan di atas kehadiran Yang Berhormat Menteri Kerja Raya.... [*Tepuk*] Di antara lain sekali gus menampakkan kesudian memaparkan akauntabiliti di Dewan ini juga. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Tuan Osman bin Bungsu.

1. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sejauh mana kejayaan pembangunan *Solar Hybrid System* 24 jam yang telah dilaksanakan dan adakah kementerian bercadang menyediakan peruntukan atau dana khas bagi memperluaskan penggunaan solar di kawasan-kawasan pedalaman.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]:
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat pagi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tenaga Nasional Berhad melalui peruntukan Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik (AAIBE) telah melaksanakan projek *Solar Hybrid System* 24 jam di Kampung Orang Asli Denai, Rompin Pahang pada tahun 2002 dan di lima buah pulau di daerah Mersing seperti Pulau Besar, Pulau Pemanggil, Pulau Aur, Pulau Sibu dan Pulau Tinggi pada tahun 2003. Sehingga kini, TNB telah menjalankan 21 projek solar hibrid yang melibatkan 15 projek atau 1,153 buah rumah di Semenanjung Malaysia yang bernilai RM30.65 juta dan enam projek atau 818 buah rumah di Sabah yang bernilai RM13.5 juta.

Di samping itu Tenaga Nasional Berhad juga sedang dan akan melaksanakan projek sistem hibrid solar angin dan diesel dan bateri di Pulau Perhentian dan Pulau Kapas, Terengganu serta Pulau Bangi, Kudat, Sabah bagi menampung keperluan bekalan elektrik penduduk pulau-pulau berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana menjawab soalan itu. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua izinkan saya mengalu-alukan rakan-rakan daripada UMNO bahagian Bukit Mertajam dan UMNO Jelutong yang memberi sokongan kepada Yang Berhormat Dato' Musa, Dato' Hajah Saripah Aminah, Datuk Haji Roslan dan Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah yang mengangkat sumpah untuk Penggal Kedua.

Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, sejak 50 tahun kita telah mencapai kemerdekaan sudah tentu rakyat mahu satu kemudahan asas yang perlu dinikmati terutama penduduk-penduduk di luar bandar. Soalannya, apakah strategi yang telah dikenal pasti bagi memastikan rakyat di luar bandar ini mendapat kemudahan asas seperti elektrik ini. Terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan memang berusaha untuk meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan-kawasan luar bandar sebab itu kita lihat apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan pertamanya apabila menyebut dari segi bekalan elektrik, pada tahun 2005 *coverage* dengan izin, di kawasan Sabah adalah sebanyak 72% dan kita mensasarkan pada penghujung Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu pada tahun 2010 kita mengharapkan supaya bekalan elektrik di Sabah akan meliputi sebanyak 90%. Ini merupakan satu peningkatan yang besar dan ini melambangkan bagaimana kerajaan begitu komited untuk memastikan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti bekalan elektrik sama ada di bandar dan di luar bandar tidak tertinggal dalam mengejar arus pembangunan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berlatarbelakangkan perubahan iklim yang menjadi krisis kepada dunia, tidakkah kementerian ingin menggunakan *solar energy* atau kuasa solar ini sebagai satu kuasa yang akan dipergunakan dengan secara menyeluruh bukan sahaja setakat di pulau-pulau dan juga tempat-tempat yang *remote* dan keduanya, kenapa apakah pandangan kita terhadap *coal fired power plant*, dengan izin, yang merupakan *plant* ataupun pengeluar kuasa yang sebenarnya menjadi satu pengeluar utama CO2 yang menyebabkan perubahan iklim ini.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat. Berhubung dengan solar, memang kementerian ini dalam mengambil langkah-langkah untuk memperbanyakkan lagi rumah yang menggunakan perkhidmatan bekalan elektrik daripada solar elektrik sebab itu kita ada program 1,000 rumah menggunakan tenaga elektrik tetapi masalah untuk menggunakan sistem solar ini adalah kerana bahannya untuk menerima cahaya matahari ini kosnya yang begitu tinggi dan sebab itu ramai pengguna tenaga elektrik masih lagi keberatan untuk menggunakan teknologi ini.

■1020

Maka kementerian ini telah meminta supaya dibuatkan lagi kajian-kajian supaya bagaimana boleh merendahkan kos ini supaya ianya menjadi lebih *economical* untuk digunakan oleh orang ramai di masa yang akan datang. Berhubung pula dengan arang batu, *generation plant* dengan izin, yang menggunakan arang batu, suka saya maklumkan kepada Yang Berhormat memang terdapat aduan-aduan kononnya yang mengatakan ia mengeluarkan CO2 dan ini boleh menjejaskan alam sekitar.

Ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa hari ini telah terdapat banyak teknologi-teknologi baru yang mana dipanggil *clean coal energy* yang mana CO2-CO2 yang akan dibebaskan itu tidaklah begitu memudaratkan dan tidak akan menyusahkan orang ramai dari segi alam sekitar. Untuk makluman, bukan sahaja negara kita yang menggunakan teknologi-teknologi ini malah negara-negara maju di dunia seperti di United Kingdom, seperti Perancis walaupun

terkenal menggunakan tenaga nuklear untuk membekalkan elektrik, mereka juga menggunakan *coal* ini untuk membekalkan elektrik kepada orang ramai. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. **Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik** minta Kementerian Pelajaran menyatakan, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian berhubung dengan pelajar-pelajar sekolah rendah yang tidak mampu untuk membaca dan berapakah jumlah pelajar berkenaan di seluruh negara.

Setiausaha Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan ujian pelepasan yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada November 2006 iaitu tahun lalu ke atas murid tahun satu seluruh negara mendapati 10.8% murid belum menguasai sepenuhnya kemahiran membaca dan menulis. Sehubungan itu Kementerian Pelajaran telah melaksanakan program KIA2M yang dirancang khusus untuk membantu murid tahun satu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

Kelas KIA2M ini bermakna Kelas Intervensi Awal Membaca Menulis bermula selepas dikenal pasti murid yang gagal melepasi syarat lulus KIA2M setelah menduduki ujian penapisan KIA2M yang diadakan serentak di seluruh negara dan wajib untuk semua jenis sekolah bagi menentukan sama ada murid mengikuti kelas biasa atau kelas KIA2M. Kelas intervensi dijalankan selama tiga bulan, enam bulan atau sembilan bulan mengikut keperluan. Melalui program ini, murid diajar mengeja, menyebut, membaca dan menulis pola suku kata, pola perkataan dan ayat tunggal.

Objektif akhir program ini adalah murid dapat menguasai kemahiran asas membaca dan menulis pada akhir tahun dan mampu mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap kebolehan diri sendiri. Setelah menjalani...

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mahu kah Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan?

Datin Paduka Komala Devi: Dua ayat lagi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Setelah menjalani ujian pelepasan tahap-tahap tersebut peratus murid belum menguasai sepenuhnya kemahiran membaca dan menulis adalah menurun. Bagi murid yang masih tidak menguasai kemahiran 2M setelah melalui kelas pemulihan yang disediakan, mereka akan dirujuk kepada pengamal perubatan bagi memastikan kebarangkalian murid berkenaan adalah murid berpendidikan khas. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Saripah Aminah, Tuan Lee Chee Keong dan Puan Mumtaz.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian diberi maklum...

Tuan Yang di-Pertua: Orang kawasan ada di sini kita bagi peluang untuk bertanya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian diberi maklum bahawa bukan sahaja murid-murid sekolah rendah di

luar bandar bahkan dalam bandar juga menghadapi dilema ini. Apakah Kementerian Pelajaran selain daripada memberi bantuan dari segala segi, juga memantau guru-guru yang mengabaikan tanggungjawab mereka serta guru-guru yang selalu keluar berkursus dan juga kerja-kerja persendirian. Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, di bawah PIPP atau Pelan Induk Pembangunan Pendidikan dari tahun 2006 hingga 2010, kementerian memberi banyak fokus kepada memartabatkan profesion perguruan melalui kursus-kursus kita dan maktab perguruan kita pun telah dinaiktarafkan menjadikan Institut Perguruan. Sekarang, melalui surat-surat pekeliling kita, guru-guru dan juga guru-guru besar tidaklah dibenarkan keluar daripada sekolah tanpa dengan mengadakan alasan yang baik.

Kami pun telah memberi cadangan dan juga galakan kepada semua PPD atau Pejabat Pelajaran Daerah supaya tidak mengadakan mesyuarat sebelum pukul 2.00 petang supaya guru-guru dan juga guru besar tetap ada di sekolah dan juga mengadakan kursus-kursus semasa waktu cuti sekolah. Jadi kami harap dengan langkah-langkah ini, kualiti P&P iaitu Pengajaran dan Pembelajaran di sekolah-sekolah akan dipertingkatkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah kementerian mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan murid-murid demikian yang lemah membaca dan menulis. Adakah disebabkan oleh kecacatan anggota kah kelemahan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah tanya jangan jawab pula.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, sukacita ingin dimaklumkan bahawa Kementerian Pelajaran dari semasa ke semasa menjalankan kajian termasuk juga untuk kaji apakah puncanya pelajar-pelajar kita lemah menguasai 3M ini. Antara faktor yang telah dikenal pasti oleh kementerian adalah tiada pendedahan awak seperti tidak menghadiri kelas pra sekolah, tadika atau memasuki sekolah pada usia yang telah lewat seperti yang berlaku di kawasan-kawasan luar bandar, pedalaman dan juga kawasan penempatan Orang Asli.

Nombor dua, murid daripada golongan sosioekonomi rendah terutama di kawasan-kawasan pedalaman dan nombor tiga juga terdapat kes-kes murid dengan ciri-ciri pendidikan khas seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sendiri atau kurang kemampuan kognitif yang belum disaring atau disahkan sebagai murid pendidikan khas. Untuk menangani masalah ini sekarang kementerian bukan sahaja mengadakan kelas intervensi ini di sekolah rendah tetapi juga di sekolah menengah, satu program baru yang dikenali sebagai PROBIM iaitu Program Bimbingan Membaca, Menulis dan Mengira untuk murid dari kelas peralihan sehingga tingkatan lima.

Matlamat program ini adalah supaya murid sekolah menengah dapat menguasai 3M sebelum menamatkan sekolah menengah. Program ini telah dijalankan secara rintis pada 2 Mei tahun ini di 32 buah sekolah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kelas pemulihan ataupun intervensi ini juga dibuat untuk pelajar-pelajar yang tidak mampu menguasai bahasa Inggeris di peringkat tahun satu dan Tahun dua dan apakah peranan PKG dalam menyelaraskan program pendidikan khas untuk pelajar yang tidak boleh membaca dibuat di peringkat PPD. Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini program KIA2M ini iaitu kelas intervensi adalah hanya untuk bahasa Melayu dan untuk memperkuatkan penguasaan bahasa Inggeris kita telah perkenalkan Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris dan dengan program ini kita dapati bahawa penguasaan bahasa Inggeris telah pun dipertingkatkan walaupun saya tidak ada maklumat terperinci buat masa ini. Soalan yang kedua saya tidak dapat faham.

Tuan Yang di-Pertua: Sila ulangi Yang Berhormat.

Datin Paduka Komala Devi: Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Peranan PKG dalam menyelesaikan masalah ini, Pusat Kegiatan Guru.

Tuan Yang di-Pertua: Peranan Pusat Kegiatan Guru dalam menyelesaikan masalah ini.

Datin Paduka Komala Devi: Pusat Kegiatan Guru buat masa ini berperanan sebagai satu pusat sumber dan kami galakkan semua guru untuk menggunakan pusat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terbukti Yang Berhormat menguasai subjek. Terima kasih Yang Berhormat.

3. **Dato' Lee Sing Chooi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, pendirian serta usaha Malaysia berkaitan dengan Myanmar selepas negara itu mengalami kesusahan dalam perjalanan ke arah sebuah negara demokrasi baru-baru ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab secara serentak soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook, Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin dan Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi memandangkan soalan-soalan yang dikemukakan menyentuh soalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Lee Sing Chooi telah pun jadi Dato' hari ini.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tahniah saya ucapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Kerajaan berpegang teguh dengan pendirian kita berkenaan proses pendemokrasian dan pendamaian nasional di Myanmar. Kita inginkan proses demokrasi di negara tersebut dilaksanakan dengan segera termasuk pembebasan Aung San Suu Kyi dan tahanan-tahanan politik yang lain dalam kadar segera dan semua pihak dari pelbagai lapisan masyarakat dan parti-parti politik termasuk parti-parti pembangkang dilibatkan dalam proses penggubalan perlembagaan baru negara tersebut.

■1030

Malaysia juga ingin menekankan kepada Myanmar di dalam mesyuarat-mesyuarat dua hala atau di peringkat serantau bahawa ASEAN dan masyarakat antarabangsa ingin melihat secara nyata langkah-langkah konkrit yang dilaksanakan dan kemajuan yang dicapai oleh Kerajaan Myanmar dalam melaksanakan proses pendemokrasian negara tersebut. Walau bagaimanapun, kita harus sedar bahawa kita berurusan dengan sebuah negara yang berdaulat. Kerajaan akan meneruskan dialog, perbincangan atau dengan izin *constructive engagement* dengan Kerajaan Myanmar tanpa melanggar dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Lee kemudian Dato' Yip kemudian Dato' Gooi yang telah mengemukakan pertanyaan tambahan.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, semasa rakyatnya berdemonstrasi dan kerajaannya mengambil tindakan dan Kerajaan Malaysia tidak menyokong tindakan Kerajaan Myanmar. Di Malaysia, kerajaan telah mengambil tindakan atas orang-orang yang demonstrasi baru-baru ini. Soalan tambahan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Nasib baik.

Dato' Lee Sing Chooi: ...Tuan Yang di-Pertua dengan *collective responsibility* dengan izin, yang dilaksanakan oleh kerajaan kita untuk menjelaskan situasi supaya rakyat tidak kekeliruan, apakah perbezaan antara demonstrasi di Myanmar dan di Malaysia sampai kerajaan mengambil tindakan yang sedemikian. Terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya sedar pertanyaan itu sebahagian besar darinya ialah di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dan bukan bawah bidang tanggungjawab kementerian Yang Berhormat tapi mendukung *collective responsibility* yang telah cuba dijawab sebaik mungkin.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tersebut kerana telah juga menjadi tanggungjawab Kementerian Luar Negeri untuk memberi penjelasan di negara-negara luar tentang persoalan-persoalan yang sama dikemukakan apabila beberapa tindakan dibawa di sini. Sudah tentulah berbeza apa yang berlaku di Myanmar dengan apa yang berlaku Malaysia. Di Malaysia, isu yang berkaitan dengan proses pendemokrasian dan soal hak

asasi manusia sudah berlarutan bukan setahun dua ini tetapi berpuluh tahun lamanya. Penahanan Aung San Suu Kyi pemimpin pembangkang mereka sudah berlarutan lebih daripada 12 tahun. Keputusan pilihan raya yang memberi kemenangan kepada parti yang didukung oleh Aung San Suu Kyi tidak diterima oleh kerajaan tersebut sedangkan di Malaysia, sekiranya ada orang yang ingin mencabar keutuhan kerajaan yang sekarang ataupun dari segi istilahnya legitimiti kerajaan kita sekarang tidak timbul kerana kerajaan sekarang ialah kerajaan yang didukung oleh rakyat dan diputuskan melalui proses pilihan raya yang diakui oleh dunia antarabangsa termasuk kajian yang dibuat oleh pihak Gallup Poll yang terkenal dengan kajian yang dibuat tentang isu sistem pilihan raya penerimaan orang tentang demokrasi dan sebagainya. Ternyata bahawa kerajaan kita ialah kerajaan yang *legitimate*, yang sah yang diterima oleh rakyat. Daripada itu kita merasakan bahawa tindakan-tindakan yang berasaskan untuk

Tuan Yang di-Pertua: Kerana perbezaan utamanya ialah pemerintah atau kerajaan di Malaysia sah atau..

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Begitu?

Tuan Yang di-Pertua: ... Kerana dipilih oleh kerajaan.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Dipilih oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Dipilih oleh rakyat.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Melalui proses demokrasi yang diterima dan kita ada sejarah bahawa keputusan pilihan raya diterima sama ada dimenangi oleh parti yang memerintah sekarang ataupun parti yang menjadi pembangkang satu ketika dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Sementara di Myanmar, pemerintah atau kerajaan tak tahu siapa pilih mereka lagi.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Ya dan mereka ada sejarahnya. Pernah ada pilihan raya diadakan tetapi junta tentera yang memerintah tidak boleh menerima keputusan pilihan raya tersebut dan meneruskan pemerintahan mereka dan menahan mereka yang bertanding dan memenangi pilihan raya tersebut. Itulah perbezaannya dengan apa yang berlaku dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi yang satunya kalau nak protes, protes melawan kerajaan yang sah yang dipilih majoriti rakyat dan satu melawan...

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kerajaan melarang orang menyatakan protes. Dalam negara kita, sejarah protes, sejarah demonstrasi banyak berlaku dan tidak semua tindakan-tindakan mereka mengadakan demonstrasi walaupun secara tidak legal, secara tidak mendapat kebenaran daripada polis misalnya, semuanya ditangkap. Ada kes-kes misalnya demonstrasi di depan Kedutaan Amerika di atas isu-isu yang tertentu. Tidak semuanya yang merupakan demonstrasi yang mendapat kebenaran polis dan sebagainya tetapi ada kes-kes yang tertentu dalam keadaan sekarang misalnya dikhuatiri bahawa

demonstrasi yang berlaku sekarang, ianya membiakkan fikiran-fikiran dan fahaman yang mencetus rasa benci pada kaum misalnya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf kerana menyebabkan Yang Berhormat memanjangkan jawapan. Sebenarnya apa yang saya nak sarankan ialah kalaulah kerajaan adalah yang *legitimate* dan yang tidak *legitimate*, maka protes pun ada yang *legitimate* dan ada yang tidak *legitimate*.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Saya setuju begitu Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa memadamkan jawapan saya tersebut.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada kementerian ini yang telah memberi jawapan yang cukup tepat, benar dan berani. Setelah dikuasai 19 tahun oleh *junta militer* dengan izin, mereka masih enggan menerima keputusan pilihan raya. Soalan tambahan saya, sama ada kerajaan kita sudah menerima *road map* dengan izin, sebagai satu usaha mereka dalam perjalanan ke arah demokrasi. Sekian, terima kasih.

Dato' Ahmad Shabery Cheek: Tuan Yang di-Pertua, mereka juga telah pernah menjanjikan pada kita tentang *road map* mereka yang tersendiri ke arah pendemokrasian. Sepatutnya tahun depan misalnya sudah terlaksana beberapa perkara yang dijanjikan tetapi yang menjadi yang menjadi kekusaran kita untuk mempertahankan Myanmar ialah kerana kita melihat bahawa perjalanan ke arah memenuhi *road map* pendemokrasian di Myanmar itu adalah terlalu perlahan. Ini membebankan Malaysia menjadi anggota ASEAN yang mana kita terpaksa berhadapan dengan dunia luar, bagaimana nak mempertahankan tentang hal-hal yang berkaitan dengan soal pencabulan hak asasi manusia di Myanmar, tentang soal pendemokrasian yang dijanjikan. Ia memberi kesan dari segi imej ASEAN itu sendiri. Ini yang menjadi masalah dan menjadikan kita terus menyuarakan atas konteks yang kita sebutkan *constructive engagement* yang kita sebutkan, kita tekan dan kita tekan, kita suarakan dalam apa juga forum yang dapat kita suarakan supaya proses pendemokrasian ataupun *road map* yang dimaksudkan itu dapat tercapai.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri... [*Tepuk meja*]

Dato' Gooi Hoe Hin: Tuan Yang di-Pertua, tiada soalan tambahan lagi memandangkan jawapan yang begitu lengkap dan tambahan pula saya ada soalan keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bercadang untuk menubuhkan Pusat Agihan Zakat mengikut zon berdasarkan kawasan Parlimen bagi memastikan agihan zakat dapat disalurkan secara lebih berkesan, profesional dan menepati kumpulan sasaran secara menyeluruh.

Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) sememangnya dalam usaha menubuhkan Pusat Agihan Zakat atau (PAZA) bagi memudah dan melancarkan lagi agihan zakat untuk disalurkan sepenuhnya kepada golongan sasaran. Ia bertujuan untuk membantu mereka yang memerlukan dan membangun masyarakat setempat untuk berurusan secara terus dan lebih cepat tanpa perlu pergi ke ibu pejabat MAIWP. Zakat di Wilayah Persekutuan dikutip oleh sebuah badan khas iaitu Pusat Pungutan Zakat, maka sewajarnya agihan dari hasil kutipan yang dikumpulkan itu juga perlu dikendalikan oleh sebuah agensi khas.

Maka PAZA atau Pusat Agihan Zakat ini boleh menjadi satu aktiviti promosi kepada MAIWP di mana masyarakat dapat melihat bagaimana hasil zakat diagihkan dan seterusnya mengekalkan kesetiaan pembayar-pembayar zakat untuk terus membayar zakat kepada MAIWP setiap tahun. Sehubungan itu, bagi merealisasikan hasrat penubuhan Pusat Agihan Zakat, MAIWP telah pun menubuhkan satu pasukan petugas atau *task force* untuk membuat kajian dan merangka modus operandi supaya operasi pusat ini nanti akan benar-benar mantap dalam membuat agihan hasil zakat kepada asnaf-asnaf yang berhak menerima. Terima kasih.

▪ 1040

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pusat pungutan zakat yang diberi kuasa untuk memungut zakat ini mengambil komisen daripada hasil kutipan zakat, dan berapa komisen yang telah diberikan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Pusat Pungutan Zakat ini tidak ada komisen tetapi di bawah lapan asnaf yang dibenarkan, salah satu daripada asnaf yang dibolehkan mendapat manfaat daripada zakat ini adalah Amil iaitu mereka yang membuat kutipan. Maka di bawah asnaf Amil tidak dikira sebagai komisen tetapi mereka boleh dibayar upah atas Amil. Terima kasih.

5. **Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah program yang telah dilaksanakan atau dirancang oleh kementerian untuk meningkatkan kualiti kemahiran keibubapaan kepada ibu bapa di negara ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti dan kemahiran keibubapaan di negara ini. Ini penting bagi membina keluarga yang berdaya tahan untuk mencapai visi dan misi kementerian iaitu memperkukuhkan sistem kekeluargaan bagi melahirkan generasi penduduk yang berkualiti.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui agensinya, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara atau LPPKN, telah memperkenalkan program keluarga@kerja atau *parenting@work*, dengan izin, mulai bulan April 2007. Program ini memberi fokus kepada golongan ibu bapa yang bekerja dan ia dilaksanakan di tempat kerja golongan sasar. Memandangkan pasangan yang bekerja sukar untuk meluangkan masa untuk mendapatkan ilmu kekeluargaan di luar pejabat, kursus ini diharap dapat memberi peluang kepada mereka untuk mendapat pengetahuan dan *tips*, dengan izin, mengenai keibubapaan. Secara tidak langsung, ia juga dapat menggalakkan penglibatan kaum lelaki mengikuti program ini.

Sejak dilancarkan sehingga November 2007, kursus ini telah dilaksanakan di 18 kementerian, jabatan, agensi di peringkat kebangsaan dan negeri. Bagi tahun 2008, program ini akan diperluaskan ke sektor swasta.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu menerusi Kursus Pra-Perkahwinan, *Smart Start* kepada bakal pengantin dan pasangan baru berkahwin yang diperkenalkan mulai 2004, aspek keibubapaan juga dititikberatkan. Dari tahun 2004 sehingga September 2007, sebanyak 391 Program *Smart Start* dijalankan di peringkat akar umbi dengan kerjasama Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri, dengan melibatkan 31,085 peserta. Sementara itu sebanyak 50 kursus *Smart Start* juga dilaksanakan dari bulan Mei 2006 hingga November 2007, dengan kerjasama NGO dan badan agama melibatkan 411 pasangan.

Program keibubapaan dan kebapaan juga dilaksanakan menerusi pakej modul kasih di seluruh negara melalui LPPKN negeri dan program perkongsian pintar dengan badan-badan NGO. Bagi tahun ini sehingga September 2007, sebanyak 240 program keibubapaan dan kebapaan telah dilaksanakan di seluruh negara yang melibatkan penyertaan 34,329 peserta.

Tuan Yang di-Pertua, LPPKN di peringkat ibu pejabat telah mengendalikan kursus ilmu@keluarga sebanyak tujuh pendidikan kekeluargaan telah diadakan yang melibatkan penyertaan 549 peserta.

Antara topik yang dibincangkan melalui program ini...

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat. Jemput pertanyaan tambahan. Tak mahu kah Yang Berhormat jemput pertanyaan tambahan?

Datuk G. Palanivel: Lagi tiga para, tiga ayat.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga para terlalu panjang Yang Berhormat.

Datuk G. Palanivel: Antara topik yang dibincangkan melalui program ini meliputi:

- nilai keluarga;
- bapak sebagai ketua keluarga;
- memupuk potensi anak;
- wanita dan kerjaya; serta
- pengurusan kewangan keluarga.

Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tengok ramai yang berminat... Datin Paduka, kemudian Puan Hajah Wan Ramlah, kemudian Datuk Yaakob. Sila.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih di atas Kementerian Pembangunan Wanita telah banyak memberi keterangan sebentar tadi. Cuma saya ingin mengetahui sama ada, ada tidak program spesifik ataupun khusus mengenai cara mengawal tekanan atau pun *parenting stress management* kepada ibu bapa terutamanya yang melibatkan anak-anak remaja bermasalah? Apakah usaha yang telah dilakukan oleh kementerian bagi menyahut saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mengadakan satu kaunselor, satu keluarga? Terima kasih.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ada program-program yang spesifik untuk anak-anak yang mendapat tekanan tetapi kita boleh rujuk anak-anak atau keluarga yang bermasalah kepada kaunselor-kaunselor yang bertauliah, yang berdaftar di bawah kementerian kita, dan Program Satu Kaunselor Satu Keluarga sedang dijalankan di seluruh negara secara berperingkat. Sekian. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan syabas dan tahniah kepada kawan-kawan yang dilantik semula. Soalan tambahan saya ialah, bagaimana sambutan yang diterima terhadap program-program yang telah dianjurkan? Sekiranya tidak memuaskan, apakah langkah dan strategi diambil untuk mengatasinya?

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklum balas yang diterima oleh semua pejabat LPPKN, di seluruh negara kita, maklum balas ialah sambutan baik untuk program kita tetapi yang penting ialah kita perlu kerjasama bukan saja agensi-agensi di bawah kementerian tetapi kita perlu kerjasama lain-lain kementerian dan agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta untuk menjayakan semua program *parenting*, bukan saja di jabatan-jabatan kerajaan tetapi juga di pihak swasta. Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Menyentuh dari segi fakta penceraian semakin bertambah, rokok di kalangan anak-anak muda dan kaum wanita semakin bertambah dan masalah dadah dan jenayah remaja semakin bertambah. Apakah strategi kementerian, dengan tanggungjawab dan bebanan yang semakin meningkat bagi menyasarkan negara maju pada 2020.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, saya tak dapat tangkap maksud yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Jika Yang Berhormat boleh ulang semula....

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tolong ulang, ungkapkan semula? Jadi kerana penceraian meningkat, wanita...

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Merokok meningkat...

Tuan Yang di-Pertua: Wanita merokok meningkat dan dadah meningkat, dan sebahagiannya dianggap masalah-masalah berkaitan *parenting*.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Adakah kementerian dengan tanggungjawab yang semakin membebankan, akan menjuruskan kepada pencapaian negara maju 2020. Terima kasih di atas bantuan Tuan Yang di-Pertua.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, semua rancangan kementerian ialah ke arah mencapai Visi 2020, dan saya harap kita tidak gagal dalam perjalanan ini. Saya ingat kita tidak gagal jika kita dapat kerjasama semua pihak iaitu pihak swasta, kerajaan dan pihak Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

6. **Datuk Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, mengapa tindakan diambil untuk mengharamkan pengimportan mulai 1 Oktober 2007 bagi sesetengah produk plastik terpakai.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membuat keputusan untuk mengenakan larangan pengimportan sisa plastik kod HS3915 berkuat kuasa mulai 1 Oktober 2007. Larangan ini meliputi semua *waste, and scraps of plastic* dan diletakkan di bawah Jadual 1 Bahagian I, larangan mengenai import, Perintah 1998, Akta Kastam 1967.

▪ **1050**

Larangan ini akan berkuat kuasa selama lima tahun dan akan dikaji semula selepas tempoh tersebut. Larangan pengimportan sisa plastik tersebut dikenalkan berdasarkan pertimbangan-pertimbangan seperti berikut:-

- (i) mengelakkan negara daripada menjadi destinasi bagi membersihkan dan memproses sisa-sisa plastik tercemar dari negara-negara luar;
- (ii) jumlah eksport sisa plastik di bawah kod HS3915 adalah melebihi daripada jumlah import bagi tahun 2003 hingga 2006 yang menunjukkan terdapat sisa-sisa plastik yang mencukupi untuk penggunaan dalam negeri;
- (iii) larangan tersebut tidak melibatkan pengimportan sisa plastik separa proses yang diklasifikasikan di bawah kod HS391 hingga 3914; dan
- (iv) pengimportan sisa plastik yang tidak bersih dan dicemari oleh sisa kimia bagi tujuan pemprosesan mempunyai potensi untuk memudaratkan alam sekitar, seperti sisa racun perosak serta tanah, dan bahan-bahan kimia berbahaya.

Sekian, terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, nampaknya kementerian telah ambil suatu tindakan dengan ungkapan bahawa pengimportan sisa plastik ini kebanyakannya tercemar. Soalan saya, sama ada kementerian telah membuat suatu kajian yang menyeluruh sebelum tindakan sedemikian diambil, dan berapa pengimportan yang terlibat daripada larangan tersebut?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, keputusan mengenakan larangan pengimportan ini adalah dibuat setelah beberapa mesyuarat diadakan antara beberapa kementerian termasuk DOE dan agensi-agensinya yang berkenaan. Dan sebelum itu, satu mesyuarat *consultative* pun telah diadakan dengan MAPMA iaitu persatuan *Malaysia Plastic Manufacture Association* berkenaan dengan isu ini. Setakat ini terdapat 27 syarikat yang berlesen untuk mengimport sisa-sisa plastik. Yang sebelum kita memberi lesen itu, iaitu lesen perkilangan, mereka sudah dikenakan bahawa mereka hanya dibenarkan mengimport sisa plastik, mereka hanya boleh mengitar semula *or recycle* sisa-sisa plastik daripada Malaysia sahaja. Dan mereka tidak dibenarkan mengimport sisa-sisa plastik dari luar negara.

Akan tetapi, terdapat syarikat-syarikat yang kecil yang tidak perlu mendapat lesen pengimportan sisa-sisa plastik sebab setakat ini kita masih belum ada undang-undang menghadkan sehingga hari ini. Setakat ini terdapat 250 syarikat yang beroperasi secara *backyard industry*. Dan kebanyakan mereka mengimport sisa-sisa plastik yang di bawah kod yang baru ini iaitu 3915

Yang berkenaan berapa syarikat-syarikat yang terlibat, yang merasakan kesan akibat larangan pengimportan ini, mengikut kajian yang kita buat, separuh atau lebih kurang 50% pengimport itu terlibat dalam pengimportan sisa-sisa plastik yang sekarang ini dilarang. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib.

7. **Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib** minta Menteri Pelajaran menyatakan, sejauh mana pihak pentadbir sekolah menggalakkan pelajar untuk menyertai pertandingan akademik antarabangsa bagi meningkatkan modal intelektual.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia meyakini sistem pendidikan negara sebenarnya dihormati dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Hakikatnya bahawa pelajar kita telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik dan kokurikulum, membuktikan bahawa produk pendidikan dan sistem pendidikan negara mampu bersaing dengan produk pendidikan mana-mana sistem pendidikan negara lain di dunia.

Dalam kajian *Trends in International Mathematics and Science Study* atau TIMSS secara ringkas pada tahun 2003 misalnya, pencapaian pelajar Malaysia di dalam subjek matematik meningkat dari tempat ke-16, ke tempat ke 10 dengan mendahului 40 buah negara lain termasuk negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Manakala bagi subjek sains pula, kedudukan Malaysia meningkat dari tempat ke-22, ke tempat 20 dan mendahului 30 buah negara lain termasuk Norway dan Itali.

Dalam bidang kokurikulum, pula selain pingat emas, perak dan gangsa yang dimenangi dalam pelbagai pertandingan Olimpiad, matematik, fizik, kimia, pertandingan robotik dan sebagainya, kejayaan pelajar-pelajar Malaysia mereka bentuk kereta terpantas dalam pertandingan peringkat antarabangsa *F1 Technology Challenge* tahun ini di UK, mengalahkan pelajar-pelajar tuan rumah, Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan Singapura, menunjukkan sistem pendidikan negara mampu melahirkan bangsa Malaysia yang pada bila-bila masa sahaja boleh bersaing dengan bangsa-bangsa lain di dalam dunia ini, di dalam apa juga bidang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib, kemudian Tuan Khoo Soo Seang.

Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib: Terima kasih. Kita sebenarnya mengalu-alukan setiap pelajar tidak kira di peringkat pra sekolah, rendah, menengah dan universiti terbabit secara aktif dalam aspek kesosialan, kepimpinan, keterampilan dan berpersatuan sebagai salah satu elemen meningkatkan personaliti ataupun *towering personality* dengan izin, terhadap diri masing-masing. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang menyediakan satu liga akademik di kalangan sekolah yang mengandungi 10 acara seperti bahasa dan kesusasteraan, seni muzik, sains sosial, ekonomi, matematik, sains, esei, temu duga dan pertuturan seperti *Decathlon Academic Amerika Syarikat* di mana ia merupakan satu pertandingan akademik utama bagi pelajar-pelajar sekolah tinggi di sana.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, memang *philosophy* pendidikan buat masa ini adalah untuk melahirkan pelajar bukan sahaja berilmu tetapi juga yang berakhlak mulia, bersikap positif dan berdaya, mampu fikir secara kreatif dan kritis. Buat masa ini, semua yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator telah dijalankan, bukan sahaja melalui kokurikulum tetapi juga melalui program-program kokurikulum. Kami di kementerian melihat kokurikulum itu bukan sahaja yang kurang penting daripada kurikulum tetapi sama penting dengan kurikulum, jadi kita panggilkan kokurikulum. Dan di samping sekolah-sekolah sukan, kita akan mengadakan dua sekolah baru iaitu sekolah seni dan cadangan Ahli Yang Berhormat saya akan bawa balik ke kementerian untuk kajian seterusnya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Khoo Soo Seang, lepas ini Datin Paduka Nor Hayati lah.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, adakah Kementerian Pelajaran menawarkan apa-apa galakan ataupun rangsangan kepada pelajar-pelajar yang sudah mengharumkan nama negara apabila mereka muncul sebagai pemenang di pertandingan-pertandingan peringkat kebangsaan? Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, sebagai ganjaran untuk penglibatan pelajar-pelajar kita dalam bidang kokurikulum termasuk juga sukan, kita akan ambil kira dalam pengiraan 10% untuk memasuki institut pengajian tinggi awam di Malaysia.

■1100

Dari aspek penglibatan dan pencapaian di mana mereka adalah johan ataupun naib johan sama ada di peringkat daerah, negeri, negara atau antarabangsa mereka akan mendapat ganjaran yang lebih. Jadi melalui upacara ini, kami akan memberi pengiktirafan kepada penglibatan dan juga pencapaian pelajar-pelajar tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datin Paduka Nor Hayati.

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya, adakah kementerian mempunyai maklumat mengenai berapa banyak pertandingan-pertandingan akademik antarabangsa ini yang diadakan pada setiap tahun, dan adakah kementerian bercadang untuk menubuhkan satu unit untuk memantau perkembangan intelek pelajar-pelajar yang berjaya dengan cemerlangnya dalam pertandingan-pertandingan ini, memandangkan mereka mempunyai potensi yang besar kerana telah berjaya membuktikan keupayaan intelek mereka di peringkat antarabangsa?

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, seluruh Kementerian Pelajaran berfungsi sebagai unit untuk mempertingkatkan kualiti intelektual di Malaysia ini. Di antara pertandingan akademik yang telah dijalankan sebagai contoh saya boleh bagi iaitu pertandingan:

- (i) *World Robotic Olympia* 2007 di Taipei, Taiwan;
- (ii) Pertandingan Raket 2005 di Fukuoka, Jepun;
- (iii) Pertandingan Raket di Bandung, Indonesia; dan
- (iv) Pertandingan Robot 2006 di Nanning, China.

Saya tidak ada senarai yang terperinci, tetapi saya boleh kemukakan secara bertulis. Terima kasih.

8. **Datuk Chew Vun Ming** minta Menteri Kerja Raya menyatakan, kes-kes kemalangan jalan raya semakin hari semakin meningkat. Kecuaian pemandu dan pengguna jalan raya hanya merupakan sebahagian dari punca kemalangan dari terus berlaku. Namun demikian, jalan yang gelap, air bertakung dan pembinaan jalan yang tidak sesuai juga merupakan salah satu punca kemalangan jalan raya terus berlaku. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi mengatasi masalah ini dari terus berlaku.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya telah mengambil tindakan menjalankan penyiasatan di lokasi-lokasi kemalangan dan mengenal pasti punca kejadian, membuat cadangan pembedaan serta pencegahan jangka pendek seperti memasang papan tanda amaran, membuat garisan jalan, menggredkan bahu jalan, membuat halangan, memasang lampu jalan dan sebagainya. Peruntukan penyelenggaraan yang telah diperuntukkan di bawah belanjawan untuk tujuan tersebut pada tahun 2007, adalah seperti berikut:

- (i) memasang papan tanda RM1,090,000;
- (ii) cat garisan jalan RM6,930,000;
- (iii) turap bahu jalan RM5,430,000;
- (iv) pasang bahu perabot jalan RM754,000; dan
- (v) baik simpang termasuk pasang lampu jalan, lampu isyarat iaitu RM9,000,000.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, Jabatan Kerja Raya juga melaksanakan projek naik taraf jalan persimpangan serta melebarkan bahu jalan sebagai tindakan pencegahan jangka panjang. Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Kerja Raya juga menjalankan aktiviti audit keselamatan jalan sebanyak lima peringkat untuk projek-projek jalan baru iaitu:

- (i) peringkat satu – perancangan dan kajian kemungkinan;
- (ii) peringkat kedua – draf reka bentuk awalan;
- (iii) peringkat ketiga – reka bentuk terperinci;
- (iv) peringkat empat – sebelum pembukaan; dan
- (v) peringkat lima – jalan sedia ada sedang beroperasi.

Tuan Yang di-Pertua, ini bertujuan untuk memastikan semua projek-projek jalan baru menepati piawai rancangan reka bentuk dan pembinaan dan pengiraan jalan dari aspek keselamatan jalan, apabila projek jalan siap dan sedia untuk beroperasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah bersetuju untuk meluluskan peruntukan sebanyak RM610 juta, di mana RM125 juta bagi memperelok 157 lokasi kawasan bahaya di jalan-jalan Persekutuan. Manakala RM485 juta bagi membina 323 kilometer lorong *motorcycle* berasingan bukannya di tepi jalan. Berasing daripada jalan besar seperti itu saya percaya Tuan Yang di-Pertua, orang yang menggunakan *motorcycle* tidak boleh masuk jalan-jalan besar yang sedia ada, dan ini akan dilaksanakan sepenuhnya memandangkan kekurangan syiling yang kita punyai sekarang, saya percaya perkara ini boleh dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan Separuh Penggal. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Chew Vun Ming, Datuk Haji Rizuan dan Dato' Haji Abdul Rashid Ngah.

Datuk Chew Vun Ming: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ini...

Datuk Chew Vun Ming: Soalan tambahan saya ialah adakah pihak kerajaan bercadang untuk mengubahsuai jalan-jalan raya ini bagi mengelak kemalangan daripada terus berlaku terutamanya di tempat-tempat yang selalu berlaku kemalangan? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya tadi sudah memasukkan semua jawapan-jawapan seperti apakah tindakan sedang diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki keadaan kemalangan di jalan. Bukan itu sahaja, kita sedang menjalankan beberapa penyelidikan untuk mendapat tahu, apakah sistem-sistem baru di mana kita boleh juga mengatasi masalah kemalangan di atas jalan.

Tuan Yang di-Pertua, jalan boleh diperbaharui dan juga beberapa kerja baru boleh dilakukan, tapi apa yang kita tidak boleh lakukan iaitu minda manusia tidak boleh dipindah. Kami tidak mempunyai kuasa atas kekuatan untuk memindah minda itu. Kerana apabila masuk sahaja atas jalan, jalan lebuhraya kah atau jalan, mereka sudah lupalah. Mereka tidak ingat dia ada dalam kereta dengan roda, tetapi mereka ingat dia terbang. Oleh kerana itulah, beberapa perkara yang telah berlaku. Dua hari yang lalu kita melihat tujuh orang meninggal dan 18 orang cedera parah, kerana kesalahan *driver*. *Driver* tak buka mata. Jalan terus sahaja di plaza tol. Tidak melihat ada satu *tanker* di hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, penumpang-penumpang separuhnya mereka terbang daripada bas itu, hentam kepada lori dan juga *tanker* yang ada di hadapan. Daripada itu kita boleh dapat tahu, berapakah laju yang digunakan oleh *driver* tersebut. Saya percaya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dato' Seri S. Samy Vellu: ...Dua-dua orang pun sudah meninggal. *First driver* sudah meninggal, *second driver* pun sudah meninggal. Kita tidak boleh mengambil tindakan atas siapa-siapa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus juga Yang Berhormat tekankan perkara ini kerana banyak pihak lupa bahawa keselamatan jalan raya mempunyai tiga komponen iaitu tiga 'E' - *engineering, enforcement and education*. Telah ditekankan bukan sahaja Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab dalam hal keselamatan jalan raya. Perkara itu benar. Datuk Rizuan kemudian Dato' Haji Abdul Rashid.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah keselamatan yang lebih ketat, yang perlu diperkenalkan di tol Jelapang ini supaya untuk mengelakkan lebih banyak nyawa yang akan terbang?

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, pada masa dahulu iaitu lebih dari 10 tahun, kita telah mempunyai 650 tempat atau lokasi di mana kita mengenal pasti berlaku

kemalangan tiap-tiap bulan tetapi selepas itu kerajaan telah mengambil tindakan dan telah membelanjakan lebih kurang RM165 juta, tambahan sekali lagi sebanyak RM60 juta. Dengan itu kita telah memperbaiki, kita telah mengurangkan beberapa kawasan, dan

▪ **1110**

Sekarang kita mempunyai kawasan iaitu 157 lebih. Untuk memperbaiki keadaan itu, kita telah memohon kepada kerajaan RM611 juta. RM611 itu sudah mendapat kelulusan, tetapi tidak ada siling di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Oleh kerana itu, kita harus menunggu sampai kita dapat kelulusan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Separuh Penggal tidak lama lagi.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penerangan Yang Berhormat tadi menunjukkan bahawa jalan-jalan boleh dibaiki tetapi minda manusia, payah, tetapi saya percaya Yang Berhormat sedar, ada iklan-iklan yang ada hubungannya dengan masalah kemalangan ini, yang diakhiri dengan ungkapan "*Anda mampu mengubahnya.*" Adakah ini bermakna iklan-iklan sendiri sebenarnya tidak berkesan dan patut diubah ataupun dibuat cara-cara yang lain untuk mencapai maksud bahawa minda manusia itu sebenarnya pada hakikatnya boleh diubah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kami sudah mengadakan beberapa papan tanda dan juga lampu. Malam-malam kita menunjukkan kepada mereka kawasan-kawasan ini kawasan yang berbahaya. Walau bagaimanapun, kemalangan terus berlaku. Jadi apakah tindakan kerajaan? Kita boleh juga mengadakan lebih seperti apa yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, memberi lebih ajaran kepada mereka menyediakan kempen. Ini sedang dijalankan oleh Kementerian Pengangkutan. Tugas itu bukan tugas kementerian saya. Tugas kami ialah membina, mengajar atau memberitahu bagaimanakah kita boleh menggunakan lebuhraya itu dengan lebih baik itu, ia terletak di tangan Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dewan Negara mengalu-alukan seorang lagi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri... [*Tepuk*]

9. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Tenaga Air dan Komunikasi menyatakan, adakah kementerian telah membuat kajian terperinci untuk mengetahui kecaciran (*wasted*) tenaga, dan berapakah jumlah disebabkan kecaciran tenaga mengikut negeri dan adakah kementerian telah menerima pakai prinsip-prinsip tenaga bersama (*common principles*) untuk negara. Kalau ya, bilakah akan dilaksanakan dan jikalau tidak, kenapa.

Timbalan Menteri Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya nyatakan di sini pembaziran ataupun kecaciran tenaga boleh diperhatikan daripada dua aspek. Aspek pertama melibatkan kehilangan tenaga dari segi penjanaan, penghantaran, pengagihan bekalan elektrik ke seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Aspek kedua melibatkan keciciran tenaga dari segi kepenggunaan tenaga oleh pengguna dari sektor industri, komersial, perumahan. Secara umumnya, keciciran tenaga di Malaysia adalah sebanyak 9% hingga 12% daripada bekalan elektrik yang dijanakan.

Bagi negara England, peraturan keciciran tenaga daripada tenaga elektrik yang dijana adalah sebanyak 10%, manakala untuk organisasi kelas dunia, peratus keciciran tenaga yang dikurangkan adalah sebanyak 8%.

Dalam pada itu saya ingin jelaskan, peratus keciciran tenaga dapat dibahagikan kepada tiga lokasi, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Sehingga akhir tahun 2006, pecahan kapasiti penjanaan elektrik adalah sebanyak 18,896 mega watt bagi Semenanjung Malaysia; 767 mega watt untuk Sabah; dan 956 mega watt untuk Sarawak. Maksudnya mengikut anggapan bahawa 12% daripada tenaga sebenarnya dijanakan akan dicirikan, maka jumlah pembaziran tenaga bagi bekalan elektrik yang dijanakan sebanyak 2474 mega watt. Adalah didapati pihak industri di Malaysia menggunakan tenaga secara tidak cekap yang mengakibatkan pembaziran tenaga. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah memperkenalkan elemen kelima dalam polisi campuran bahan api iaitu tenaga diperbaharui. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Apakah tindakan kerajaan untuk mengelakkan keciciran elektrik akibat kegiatan mencuri bekalan elektrik.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalah kecurian elektrik ini sentiasa cuba ditangani oleh pihak Tenaga Nasional Berhad, antaranya mengadakan kempen-kempen kesedaran kepada orang ramai dan juga melakukan langkah-langkah supaya tidak ada berlaku kes-kes kecurian terutamanya di negeri Sabah yang banyak berlaku masalah-masalah kecurian tenaga elektrik. Namun yang lebih penting daripada itu, kementerian ini dalam satu peringkat iaitu dalam mengubah peraturan, dalam Akta Bekalan Elektrik yang ada pada hari ini, yang mana kita mencadangkan bahawa untuk mengelakkan masyarakat menggunakan tenaga elektrik secara membazir, kita mencadangkan bahawa pengguna-pengguna elektrik yang menggunakan dengan banyak, seperti kilang-kilang simen ataupun hotel dan sebagainya, mereka perlu ada seorang yang dipanggil *manager electricity*, supaya mereka dapat mengaudit bagaimana penggunaan *electricity* di bangunan-bangunan ini ataupun kilang-kilang yang menggunakan bekalan elektrik yang banyak. Ini dilakukan oleh kementerian ini untuk memberi kesedaran kepada rakyat supaya menggunakan *electricity* secara berhemah di negara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengalu-alukan kehadiran ahli-ahli pergerakan Puteri UMNO Bahagian Kuala Nerus Terengganu yang terkenal dengan penyu-penyu.... [*Tepuk*]

10. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Perdana Menteri menyatakan, kewajaran penubuhan Suruhanjaya Kehakiman dan sejauh manakah Kes Video Lingam menjejaskan imej kebebasan kehakiman di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan iaitu bahawa Penubuhan Suruhanjaya Kehakiman adalah tidak wajar. Ini adalah kerana iaitu sistem ini telah pun berada dengan kita dan merupakan satu sistem yang telah pun diberikan kuasa oleh Perlembagaan Persekutuan negara kita, sudah 50 tahun. Saya selalu dengar juga iaitu bahawa ucapan-ucapan yang dibuat, yang mengatakan bahawa hakim-hakim di masa yang lepas adalah hakim-hakim yang baik, seperti Razlan, Sufian. Mereka-mereka yang baik ini juga adalah dilantik daripada sistem yang sama. Jadi masalahnya hari ini, kalau dikatakan bahawa hakim-hakim sekarang tidak begitu baik, saya rasa itu merupakan satu masalah di antara Majlis Peguam dengan hakim-hakim, individu yang tertentu.

Jadi adakah kita mahu oleh kerana masalah Majlis Peguam dengan hakim-hakim, individu, maka sistem yang telah berjalan begitu baik sejak 50 tahun dibuang. Sebab itulah kita rasa adalah tidak wajar. Sebenarnya apa yang berlaku pada hari ini adalah..., perkara ini hanya dibangkit oleh Majlis Peguam sahaja. Akhir-akhir ini ada banyak masalah di antara agama dan keengganan Mahkamah Sivil kita untuk mengambil keputusan supaya kes-kes yang melibatkan agama itu dibicarakan di Mahkamah Sivil menyebabkan mereka tidak berpuas hati kerana banyak keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Sivil kita, yang tidak mahu membuat keputusan untuk menghakimi atau mendengar atau membicarakan kes-kes yang ada kaitan dengan agama Islam, kerana kita mempunyai Mahkamah Syariah.

Jadi keengganan mahkamah ini, untuk tidak mahu mendengar kes-kes yang melibatkan kuasa Mahkamah Syariah, ini menyebabkan ramai kalangan peguam-peguam yang bukan beragama Islam dalam Majlis Peguam tidak bersetuju. Apa sahaja perkara yang dibangkitkan, untuk menunjukkan seolah-olah kehakiman kita sudah terjejas. Itu bukan perkara sebenarnya yang berlaku.

Keduanya berkenaan dengan video klip ini, kerajaan sudah bersetuju untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Siasatan bagi menyiasat kes klip video berkenaan.

Keputusan penubuhan Suruhanjaya Siasatan ini adalah berdasarkan kepada laporan Panel Khas bebas yang telah ditugaskan untuk melihat kesahihan klip video tersebut. Penubuhan Suruhanjaya Siasatan ini telah pun dibincangkan di Kabinet dan kerajaan telah mengumumkan nama anggota serta terma rujukannya pada 12 Disember 2007.

Sememangnya Badan Kehakiman Negara telah menjalankan tugasnya dengan baik selama ini. Ramai hakim yang telah melunaskan tanggungjawab mereka dengan penuh amanah adil dan saksama. Namun begitu tidak dinafikan bahawa sebarang isu atau kritikan yang terus

menerus yang ditujukan kepada badan kehakiman, tidak kira sama ada terbit dari rakaman video tersebut atau tidak, adalah sesuatu yang tidak sihat bagi badan kehakiman. Sudah tentunya ia akan menjejaskan imej kebebasan institusi kehakiman Malaysia walaupun tidak banyak, sedikit ada, tetapi Yang Berhormat pun tahulah, macam kes ahli politik, cukup sahaja orang tuduh pada kita, benar atau tidak benar, masuk dalam surat khabar, terjejas.

■1120

Begitulah saya kira badan kehakiman juga terjejas, bukanlah serius tetapi berdasarkan kepada tuduhan liar yang dibuat dan masyarakat yang mempercayai tanpa menyiasat tentang sesuatu laporan yang dibuat terhadap kehakiman. Ini semua dilemparkan kerana kritikan ini ada masanya tidak berasas juga dan didorong oleh permainan politik pihak-pihak tertentu. Kita tahulah siapa yang kuat, yang main politik tentang perkara ini.

Jadi adalah menjadi harapan kerajaan bahawa dengan tertubuhnya Suruhanjaya Siasatan ini, isu yang timbul itu akan diberi perhatian dan diselesaikan dengan segera. Kerajaan percaya imej badan kehakiman negara sebagai sebuah badan yang *credible* dan berintegriti akan dapat dipertingkatkan lagi hasil daripada usaha ini. Namun sekali lagi saya hendak menyebut adalah tidak wajar untuk kita hendak menubuhkan Suruhanjaya Kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Haji Mohd. Puad, Datuk Lee dan Tuan Ahmad Husin.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana hakim-hakim kita semakin bertambah ramai dan Suruhanjaya Kehakiman ini tidak wajar diwujudkan, sedangkan ada cadangan daripada Sultan Perak supaya kita memulihkan imej kehakiman di negara kita. Maka, apakah kerajaan akan melakukan satu *reform* bagaimana hakim-hakim yang ramai ini dilantik menjadi hakim-hakim kanan ataupun ketua hakim demi memulihkan imej ini, dan wajar kah dan bagaimana pemantauan dilakukan sebenarnya supaya hakim-hakim ini tidak bersosialisasi dengan tokoh-tokoh perniagaan terkenal atau *well connected people* yang berpengaruh, dengan izin, seperti V. P. Lingam. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menafikan iaitu bahawa imej kehakiman kita adalah teruk, sebab ini hanya merupakan tuduhan sahaja. Kalau betul ada tuduhan mengatakan iaitu bahawa hakim ini rasuah ke apa, mana dia buktinya. Mana dia? Tidak kiralah kalau yang bercakap itu pun Sultan ke, apa ke, tetapi benar tetap benar. Kalau begitu, bermakna sesiapa sahaja boleh bercakap mengatakan hakim semua rasuah. Tidak ada bukti.

Kalau ada betul bukti, beritahu kepada kita dan sudah tentu kita akan ambil tindakan. Ada caranya bagaimana kita hendak membicarakan hakim-hakim ini – kita buat panel kerana dengan izin, dia *can only be tried by the peers*. Jadi saya cuma sebagai seorang menteri dan peguam, saya hendak beritahu iaitu bahawa kalau perkara-perkara ini dibangkit tentang hakim-hakim, dia cuma hanya cakap-cakap sahaja di kedai kopi. Tidak kira datang dari siapa kerana kalau betul

ada, tampil ke hadapan untuk bagi bukti kerana saya juga fikirkan, iaitu bahawa hakim berhak untuk dibicarakan dengan secara adil dan sebenarnya tidak boleh samakan dengan kita – boleh dilontarkan dengan tuduhan yang liar dan terus kita percaya sebab dia hakim.

Nombor dua saya hendak sebut di sini, iaitu bahawa kita ada etika hakim-hakim yang saya percaya telah pun digubal dan saya hendak mengucapkan tahniah kepada ketua hakim yang baru ini, yang telah membuat ucapan yang memberangsangkan dan kita minta kepada beliau supaya etika hakim-hakim itu dilaksanakan terhadap hakim-hakim. Dengan itu kita akan lebih rasa yakin tidak terlibat dengan perkara-perkara itu.

Yang ketiga, kita kena ingat, Yang Berhormat, kita amalkan apa yang dikatakan *independence of the tree branches of the government*, kita tidak ada hak, kerajaan tidak ada hak, *part of the executives*, saya tidak ada hak untuk campur urusan dalam *judiciary*. Ini kalau pandai kita bercakap di luar tentang betapa perlunya *judiciary* mesti ada kebebasan, maka *walk our talk* lah. Jangan campur tanganlah. Pada kita, apa jua tindakan yang hendak diambil mesti datang dari hakim sendiri. Hari ini saya tengok Majlis Peguam macam ular lidah bercabang dan dalam satu masa yang sama, dia kata kehakiman adalah bebas. Dalam masa yang sama, dia suruh kita, eksekutif, ambil tindakan terhadap ketua hakim. Sebab itu saya kata dia ular. Saya sebut dalam Dewan ini. Dia memang ular lidah bercabang.

Kalau kita hendak betul-betul mengamalkan *independence of the tree branches of the government*, saya harap supaya dia faham, iaitu bahawa kita tidak ada hak untuk campur tangan dalam *judiciary*, melainkan kalau kita yakinkan kepada mereka untuk melakukan *training of the house*, kalau mereka setuju, pihak eksekutif bersetuju. Kita dalam legislatif tidak ada hak untuk..., dan saya tetap ingin menyatakan, iaitu bahawa saya tidak fikir iaitu apa yang telah disebut oleh orang ramai, khususnya *Bar Council* terhadap hakim-hakim itu adalah betul melainkan mereka telah didorongkan oleh perasaan marah, kerana keputusan-keputusan yang dibuat oleh hakim-hakim yang tidak mahu, iaitu bahawa kes ini ada kaitan dengan agama Islam itu mesti didengar oleh Mahkamah Syariah dan bukan Mahkamah Sivil. Terima kasih.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ada kes-kes yang berkuasa dibicarakan di Mahkamah Sivil tetapi tidak dibicarakan. Saya hendak tanya, soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mencari penyelesaian dan apakah status terbaru ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Status terbaru apa?

Dato' Lee Sing Chooi: Status berkenaan penyelesaian kes-kes yang berkuasa diadakan di *Civil Court*, tetapi tidak dibicarakan kes yang lama itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kes-kes tertunggak ya?

Dato' Lee Sing Chooi: Jawapan menteri kata tadi kes-kes yang berkuasa dibicarakan di Mahkamah Sivil tetapi tidak dibicarakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada, saya tidak cakap.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan tidak dibicarakan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya tidak ada kata, iaitu bahawa kes yang sepatutnya dibicarakan di Mahkamah Sivil tidak dibicarakan oleh Mahkamah Sivil. Saya tidak kata itu. Saya kata iaitu bahawa kes-kes yang ada kaitan dengan agama Islam, Mahkamah Sivil tidak mahu membicarakannya tetapi menyerahkannya kepada Mahkamah Syariah. Itu sahaja.

Dato' Lee Sing Chooi: Berkenaan pernyataan itu dan ada juga pihak-pihak yang tadi disebutkan, sesetengah pihak agak waswas dalam perkara ini dan juga pasti menjadi satu jalan penyelesaian supaya kebaikan untuk semua. Adakah langkah-langkah diambil oleh kerajaan untuk mengatasi situasi ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Bagi kes yang *legal*, kita ada jalan lain untuk kita menyelesaikan masalah itu. Bagi mereka yang tidak puas hati, kalau keputusan itu dibuat oleh Mahkamah Sesyen, boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi. Tidak puas hati lagi boleh merayu kepada *Court of Appeal*, muktamad. Bagi mereka yang kata keputusan itu dibuat oleh Mahkamah Tinggi, tidak puas hati, boleh merayu kepada *Court of Appeal*.

Kalau dia tidak puas hati dengan keputusan *Court of Appeal*, dia boleh merayu kepada *Federal Court* dan kalau *Federal Court* sudah buat keputusan dan dia tidak puas hati juga, dia tidak ada jalan lain lagi melainkan untuk menerima kerana keputusan mahkamah ini tidak boleh memuaskan semua pihak. Dia hanya boleh buat keputusan dan kalau paling muktamad sekali dia sudah buat keputusan, kita semua kena terima keputusan itu.

11. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, sejauh manakah kejayaan KADA dan MADA dalam meningkatkan pengeluaran padi negara serta mengurangkan import beras khususnya dari negara Thailand. Berapakah nilai import beras pada tahun 2005-2007 dan negara-negara utama yang terlibat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan pengeluaran padi negara, MADA telah melaksanakan projek peningkatan hasil padi atau dikenali sebagai Projek 10 Tan, di mana ianya merupakan projek utama MADA dalam sektor padi.

Pelaksanaan Projek 10 Tan telah memberi impak yang positif terhadap pengeluaran padi apabila ianya mampu meningkatkan purata hasil keseluruhan kawasan projek terlibat, iaitu daripada 4.4 sehingga 4.8 tan sehektar sebelum projek kepada 5.4 sehingga 6.9 tan sehektar selepas projek dilaksanakan.

■1130

Manakala KADA telah berjaya dalam meningkatkan pengeluaran beras negara, iaitu setakat lima tahun terakhir purata hasil padi telah meningkat dari 3.36 tan metrik sehektar kepada

4.38 tan metrik sehektar pada tahun 2006. Tahap sara diri negara ini dalam pengeluaran padi dan beras negara masih rendah, iaitu lebih kurang 70% pada tahun 2006 di mana kita menyasarkan 90% menjelang tahun 2010.

Oleh yang demikian negara masih memerlukan pengimportan beras dari negara luar untuk kegunaan stok penimbal dan menampung kekurangan beras di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Negara-negara luar yang menjadi pembekal beras utama ialah Thailand, Vietnam dan Pakistan. Kuantiti import beras dalam tahun 2005 berjumlah 794,482.47 tan metrik dengan nilai RM909,628,708.56. Manakala pada tahun 2006 berjumlah 834,118,000.12 tan metrik dengan nilai RM995,544,708.01 sen.

Setakat November tahun 2007 kuantiti import beras berjumlah 450,186.46 metrik tan dengan nilai RM650,706,330.84. Keseluruhan kuantiti beras yang diimport sejak tiga tahun terakhir iaitu tahun 2005 hingga tahun 2007 adalah 2,118,787.05 tan metrik dengan nilai RM2.566 bilion.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan membuat kajian sebab utama mengapa pengeluaran padi di kawasan Sekinchan adalah lebih tinggi berbanding dengan pengeluaran padi di kawasan KADA dan MADA. Sungguhpun benih padi dan subsidi baja yang diberikan adalah sama serta kesuburan tanah yang saya percaya juga adalah sama. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Memang kita ada membuat dari segi perbandingan dan menggalakkan ramai petani padi khususnya pergi ke Sekinchan.

Yang Berhormat, suatu yang ketara sangat ialah dari segi petani itu sendiri, memang rajin, memang berusaha atas daya sendiri dan mereka adalah satu kumpulan orang Cina ini memang mempunyai satu proaktif yang begitu tinggi dan memang sentiasa berusaha. Mereka tidak menunggu dari segi bantuan daripada pihak kerajaan dan kebanyakan mereka menjalankan usaha-usaha atas daya usaha sendiri sehinggakan mereka ada *research* sendiri, untuk maklumat dan tidak ada dari segi meminta bantuan daripada MARDI dan sebagainya. Ada pada suatu tahap di mana kementerian kena masuk campur juga sedikit sebanyak, mereka membawa benih-benih yang kita rasakan tidak berapa - *not the time* untuk membawa benih – dia ada berjenis-jenis benih. Sebab mereka ini proaktif, seperti saya katakan, sehingga mereka menjalankan kajian, mereka membawa masuk benih daripada luar negara, di mana prosedur untuk membawa benih daripada luar negara memang tidak dibenarkan kecuali melalui MARDI sebab kita kena buat kajian.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini kita baru hendak sampai ke Projek 10 Tan sehektar. Untuk makluman Yang Berhormat, di Sekinchan sudah sampai ke 14 tan. Saya tidak hairan kalau hari ini, dalam saya menjawab ini mereka sudah menjurus lebih banyak lagi daripada itu. Dari segi amalan pertanian baik, dari segi mekanisasi memang mereka telah membawa masuk

di dalam satu usaha mereka untuk menjadi *the lead player* dalam industri padi *especially* swasta. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah memandangkan keadaan petani Sekinchan jauh lebih baik daripada petani KADA dan MADA, apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu program pertukaran petani ataupun perkara-perkara yang dibuat oleh petani Sekinchan diajar juga kepada petani KADA dan MADA.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu memang saya katakan satu daripada pendekatan yang kita buat ialah lawatan sambil belajar. Bukan sahaja lawatan, *sometimes* kita minta mereka duduk di situ dan melihat apa perbezaan yang ada, yang dijalankan oleh petani-petani yang begitu maju di Sekinchan.

Di samping itu juga, kita tidak menafikan juga bahawa keadaan tanah di tempat-tempat lain seperti KADA dan MADA harus kita suburkan selalu. Oleh yang demikian kerajaan telah meluluskan subsidi-subsidi. Kita ini masih di bawah mentaliti subsidi, tetapi itu adalah untuk satu usaha di mana kita memberi RM240 sehektar untuk kita membantu dari segi baja tambahan dan juga jentera. Kita telah melihat bahawa satu masalah yang kita hadapi ialah ketidakcukupan jentera yang ada di kawasan KADA dan MADA, di mana petani selalu juga merungut dari segi harga sewa itu memang tidak menentu. Oleh yang demikian kita membantu. Kita dapati juga bahawa keadaan tanah, kita mesti suburkan semula. Oleh sebab itulah kita memberikan ruang kepada petani-petani untuk menggunakan baja-baja tambahan, selain yang diberikan oleh kerajaan untuk menyuburkan tanah mereka supaya dapat kita tingkatkan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi kawasan MADA, kita *concentrate* juga MADA sebab itu jelapang padi utama kita, kita menyasarkan mereka dalam tahun 2010 akan dapat mengeluarkan 7.5 tan metrik supaya kita dapat sampai kepada sasaran kita iaitu 90% *self sufficiency level*. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, kemalangan jalan raya berlaku kerana minda, *mind* tidak boleh ubah. Nampak gayanya petani-petani orang yang menanam padi pun kerana minda juga. Sekinchan, MADA dan KADA itu jelas yang ketaranya ialah minda mereka. Setakat membuat lawatan untuk melihat tidak mencukupi. Bagaimana untuk menggilap minda mereka supaya mereka menjadi produktif, bukan sahaja setakat memberi subsidi yang berlebihan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih, Yang Berhormat. Itu adalah satu *statement* yang sangat saya setuju. Terima kasih. Jadi, *in the mean time* memang program kementerian iaitu untuk kita meluaskan, membuka minda kita mengadakan juga perjumpaan, untuk kita bertanya apakah sebenarnya masalah yang melanda.

Seperti Yang Berhormat katakan memang kadang-kadang dirasakan subsidi ini ialah yang menutupkan minda sebab mereka tidak lagi hendak memikirkan yang lebih jauh. Oleh yang

demikian, sekarang ini kami sedang *experiment*, dengan izin, dengan konsep estet padi pula, di mana kita cuba mengadakan satu estet padi yang dijalankan oleh pertubuhan peladang di kawasan tersebut supaya kita melihat dari segi yang di dalam kongkongan minda, yang tidak berubah dengan mengadakan estet padi di mana segala urusan estet itu adalah di bawah pertubuhan peladang itu sendiri, di mana diketuai oleh 35 orang sahaja di dalamnya, iaitu supaya memudahkan mereka menjalankan suatu kegiatan ataupun sesuatu tindakan proaktif supaya 35 orang ini dapat membuktikan kepada kita, bahawa mereka juga boleh keluar daripada kepompong minda yang dulunya dengan subsidi sindrom, tetapi keluar kepada konsep estet di mana kita harap mereka dapat memberi satu bukti kepada kita, bahawa mereka juga boleh berjaya seperti yang ada di Sekinchan. Terima kasih.

12. **Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta Menteri Pelajaran menyatakan, apakah hasil yang dicapai dalam melaksanakan program percubaan seperti Program Protein (Program Membaca, Menulis dan Mengira), Program *Elite Literature Through English* dan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) dalam bahasa Melayu bagi murid tahun 1 serta impak sutnya untuk masa akan datang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Datin Paduka P. Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis atau KIA2M dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia khusus untuk membantu murid tahun satu menguasai kemahiran asas membaca dan menulis dalam bahasa Melayu.

■1140

Manakala Program PROTIM atau Program Pemulihan, membaca, menulis dan mengira untuk murid Tahun 4 secara rintis di 48 sekolah bermula 1 Februari 2007, serta PROTIM pasca UPSR dijalankan bagi murid Tahun 6 yang belum menguasai kemahiran, membaca, menulis dan mengira.

Saya ingin membuat pembedaan, bukan Program 'Protein', tetapi Program P-R-O-T-I-M. Program ini diadakan selepas peperiksaannya UPSR selama dua bulan bagi memastikan murid Tahun 6 menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira apabila mereka melangkah ke tingkatan satu. Dalam tempoh dua bulan ini, iaitu Program PROTIM Pasca UPSR murid diberi pemulihan dan latihan intensif, kemahiran membaca, menulis dan mengira.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan murid berperingkat rendah, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Program *Early Literacy Through English*, atau ELITE bagi Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Projek ini masih di peringkat rintis yang melibatkan 55 buah sekolah. Program ELITE merupakan satu program intensif selama satu tahun yang dirancang khusus untuk membantu semua murid tahun satu menguasai asas bahasa Inggeris dari segi kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan

menulis. Pada masa yang sama menyediakan murid untuk mempelajari sains dan matematik dalam bahasa Inggeris.

Di peringkat rintis ini Program ELITE telah menunjukkan keberkesanan bukan sahaja dalam mata pelajaran bahasa Inggeris, tetapi juga membantu dalam PPSMI. Laporan pelaksanaan Program ELITE akan didapati pada akhir tahun ini selepas berakhirnya tempoh ujian rintis.

Manakala untuk menanamkan kesedaran yang tinggi kepada murid berkaitan keselamatan jalan raya, murid-murid juga didedahkan dengan pendidikan keselamatan jalan raya secara merentas kurikulum dan juga melalui aktiviti kokurikulum. Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Jalan Raya sedang menjalankan program rintis pendidikan keselamatan jalan raya bagi murid tahun satu di sebuah daerah bagi setiap negeri, iaitu satu negeri satu daerah.

Program ini dicadangkan akan dilaksanakan ke seluruh negara mulai tahun 2008. Melalui kokurikulum ini murid-murid diberi pendedahan dari aspek pengetahuan dan kemahiran tentang keselamatan jalan raya. Oleh itu pengetahuan dan pengalaman murid seharusnya dapat meningkatkan nilai dan kesedaran serta membantu mereka menangani kemalangan jalan raya.

Perlu ditegaskan di sini bahawa semua program pendidikan yang disusun oleh kementerian adalah bermatlamat untuk melahirkan modal insan yang berkualiti seperti yang dihasratkan oleh negara. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Ramlah dan selepas itu Puan Wan Ubaidah.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, mengapakah program-program ini tidak dilaksanakan secara menyeluruh di sekolah rendah ataupun di sekolah menengah? Terima kasih.

Datin Paduka Komala Devi: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, program-program ini adalah merupakan program-program baru dan lepas kita buat kajian tentang keberkesanannya dan juga tertakluk kepada bajet kementerian, program-program ini akan diperluaskan di seluruh negara. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian juga mengadakan program-program pendedahan tentang bahaya antidadah di peringkat sekolah rendah, terutamanya secara berterusan dan bagaimana pula dengan program kesedaran kebersihan tandas, adakah program ini juga diadakan di peringkat sekolah rendah?

Datin Paduka Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini adalah luar daripada tajuk, tetapi saya akan jawab. Di kementerian kita juga menggalakkan gaya hidup sihat *healthy life style*, dengan izin. Di sini kami menggalakkan pelajar-pelajar kita menjauhi bukan dari dadah, tetapi juga daripada merokok dan lain-lain kegiatan yang mungkin menjejaskan kesihatan mereka.

Dari segi kesihatan dan kebersihan pula kita ada satu Jawatankuasa 3K iaitu kebersihan, kesihatan dan keceriaan dan jawatankuasa ini di setiap sekolah akan menjaga semua aspek

kebersihan di sekolah bukan sahaja tandas, supaya tidak ada air-air yang bertakung untuk mengelakkan wabak denggi dan sebagainya. Melalui Jawatankuasa 3K ini, kita bermatlamat dan juga berhasrat untuk pelihara kebersihan dan kesihatan di persekitaran sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah. Sebelum itu Yang Berhormat, sebagai panduan saya bercadang untuk meneruskan sampai ke soalan nombor 15.

13. **Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah negara-negara Islam lain mengambil contoh model Tabung Haji dalam menguruskan perkhidmatan ibadat haji untuk warga negara masing-masing.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, negara Islam yang mengambil contoh model Tabung Haji dan melaksanakannya di negara mereka adalah Bosnia. Adapun negara-negara Islam seperti Brunei dan Indonesia telah menghantar delegasi mereka ke Tabung Haji untuk lawatan sambil belajar.

Negara-negara lain yang turut membuat lawatan belajar adalah Singapura, Filipina, Afrika Selatan, Ghana dan juga Uganda. Ke tahap mana mereka mengguna pakai model Tabung Haji yang sedia ada tidak pula diberi maklum balas. Terima kasih.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya adalah, kita berbangga dengan pengurusan dan pentadbiran Tabung Haji selama ini.

Soalan tambahan saya ialah, adakah pihak kerajaan ada memohon untuk menaikkan lagi kuota sedia ada iaitu kira-kira 26 ribu jemaah haji sejajar dengan pertambahan rakyat Malaysia yang hampir 27 juta orang. Bolehkah Tabung Haji menghadkan pemergian seseorang jemaah yang pernah pergi mengerjakan haji untuk diberikan peluang kepada mereka yang belum pernah mengerjakan haji?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat, kepada soalan yang telah diajukan. Berkenaan dengan peruntukan kuota haji, suka saya maklumkan bahawa keputusan untuk mendapat kuota haji tambahan ataupun tidak, adalah merupakan hak mutlak kepada Kerajaan Arab Saudi. Mengikut apa yang telah kita diberikan adalah sebanyak 0.1% daripada jumlah rakyat dan Malaysia telah diperuntukkan sebanyak 26 ribu kuota pada setiap tahun. Selain daripada itu semuanya adalah terpulang kepada ihsan daripada Kerajaan Arab Saudi sendiri. Pun begitu kita sentiasa di pihak kerajaan mengekalkan hubungan yang baik dengan pihak Arab Saudi supaya memudahkan lagi jemaah-jemaah yang ada.

Menjawab pada soalan Yang Berhormat yang kedua, Tabung Haji memang mengekalkan dasar. Kita mempunyai dasar bahawa yang mendaftar dahulu akan didahulukan dalam pemilihan untuk menunaikan fardu haji. Pada hari ini pun barang siapa yang mendaftar, memasukkan

nombor ICnya, secara automatiknya dia akan mendapat kuota untuk mendapat haji pada lima tahun yang akan datang. Walau bagaimanapun dalam kes-kes tertentu sebahagian daripada jemaah memang diberi keutamaan. Misalnya walaupun dia mendaftar lewat, tetapi dia menjadi mahram kepada anak ataupun isteri yang telah mendaftar terlebih dahulu dan terpilih. Ataupun melaksanakan haji nazar, ataupun mengqada haji yang rosak dan begitu juga permohonan menunaikan haji telah diluluskan dan Tabung Haji setelah berpuas hati dengan penjelasan pemohon misalnya seperti membawa mahram yang uzur dan sebagainya yang terpaksa menjadi pembimbing kepada mereka. Dalam hal-hal ini memang diberi keutamaan. Terima kasih.

14. **Dato' Yip Kum Fook** minta Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi menyatakan, sama ada akan mempertimbangkan kenaikan tambang teksi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kali terakhir kadar tambang perkhidmatan pengangkutan awam bas dan teksi disemak ialah pada bulan Mei 2005 yang lalu.

■1150

Walaupun bagaimanapun, kerajaan telah membuat komitmen terbuka pada 29 Ogos 2007 yang lalu untuk menyemak semula had kadar tambang tersebut. Sehubungan dengan itu Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi sedang menjalankan kajian menyeluruh had kadar tambang tersebut, yang dijangka akan dapat disiapkan pada suku tahun pertama 2008. Untuk maklumat tambahan Yang Berhormat, kadar tambang adalah disemak setiap lima tahun sekali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook selepas itu Yang Berhormat Hajah Puan Hajah Wan Hazani. Sila.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan yang tidak dapat dinafikan bahawa teksi-teksi kita ini, khususnya di Kuala Lumpur ini mengenakan caj tambahan kepada penumpangnya. Ini telah menjejaskan imej negara kita khususnya kepada pelancong kita. Apakah tindakan penguatkuasaan sama ada kementerian akan meningkatkan lagi penguatkuasaannya? Sekian, terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini LPKP di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah pun mengeluarkan permit teksi sebanyak RM36,433 di seluruh negara dan di Lembah Klang sahaja sebanyak RM17,437 unit.

Kementerian dan LPKP memang menyedari apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, dan dalam beberapa jawapan yang telah kita beri sebelum ini telah menyatakan beberapa masalah-masalah yang dihadapi atau yang sering ditimbulkan dari aduan-aduan orang ramai.

Menekan kadar tambang berlebihan ini adalah salah satu daripada masalah-masalah yang berlaku sebenarnya, dan selain daripada menekankan kadar tambang ini, kesalahan-kesalahan yang kerap dilakukan ialah enggan mengambil penumpang, tidak menggunakan meter, mengenakan tambang yang lebih dan beroperasi di luar kawasan. Bagi mengatasi salah satu kesalahan-kesalahan yang dilakukan, iaitu dengan menerima aduan-aduan daripada orang awam sama ada melalui panggilan telefon, SMS ataupun datang berjumpa sendiri dengan pejabat-pejabat LPKP, maka tindakan yang diambil itu termasuklah amaran, gantung lesen, batal lesen, bagi kesalahan-kesalahan yang dimaksudkan.

Untuk tahun 2007 saya pernah menyatakan di sini juga jawapan iaitu sehingga bulan yang terbaru ini, LPKP telah pun membatalkan sebanyak 57 lesen permit teksi, menggantung enam lesen dan jumlah kes yang diambil tindakan pada tahun ini sahaja ialah 63 kes.

Kita akan mengambil tindakan proaktif dalam menangani masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan telah pun terjawab oleh Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kementerian yang telah menjawab soalan tadi.

Saya cuma ada tambahan, soalan saya ialah apakah kerajaan tidak bercadang untuk memberi permit teksi kepada tiap-tiap pemandu yang tulen, bermakna memang pemandu yang sebenarnya memandu teksi mendapat permit. Ini masalahnya, sebab pemandu ini terpaksa membayar untuk konsortium dan syarikat, bermakna mereka ini teraniaya oleh dasar kerajaan yang tidak memberi permit kepada mereka yang sebenarnya mencari makan untuk mengharungi kehidupan khususnya di kota. Sekian, terima kasih.

Tuan Samsu Baharun bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman, pengeluaran permit teksi telah pun dibekukan pada bulan April tahun 2006. Walau bagaimanapun, pembekuan ini ialah kepada syarikat-syarikat, tetapi bagi permohonan koperasi dan juga kepada lesen individu yang terutama kepada...

Kita menyedari bahawa ramai yang menyewa lesen daripada syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan itu, maka mereka ini kita berikan pertimbangan khusus dan untuk itu sekiranya Yang Berhormat ada kes yang macam ini silakan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui LPKP belum menutup seluruhnya, sebenarnya permohonan lesen ini. Cuma ditutup ialah pengeluaran lesen kepada syarikat-syarikat sahaja, tetapi kepada individu dan koperasi-koperasi masih dibuka. Terima kasih.

15. **Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, apakah mekanisme pemantauan pembahagian peruntukan R&D dalam memastikan peruntukan digunakan untuk tujuan sebenarnya dan selaras dengan dasar kerajaan, memandangkan perbelanjaan R&D dijangkakan sebanyak 1.5% daripada KDNK menjelang 2010.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat.

Kerajaan memang amat bersetuju bahawa mekanisme pemantauan amatlah perlu dalam memastikan peruntukan R&D dimanfaatkan dengan sebenar-benarnya dan dapat dicapai matlamatnya. Untuk tujuan tersebut kerajaan menerusi MOSTI telah mewujudkan dan melaksanakan beberapa mekanisme pengawalan dan pemantauan terhadap perbelanjaan R&D yang dikeluarkan. Antara mekanisme yang dilaksanakan:

- (i) memastikan pembiayaan hanya dikeluarkan secara berperingkat kepada penerima geran R&D berdasarkan pencapaian *milestone*, dengan izin, di setiap peringkat pelaksanaan projek;
- (ii) memastikan prestasi perbelanjaan projek R&D mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada kedudukan yang telah dikeluarkan sebelum peruntukan baru dapat disalurkan selanjutnya;
- (iii) mengadakan lawatan tapak secara berkala dan mengejut terhadap projek-projek terpilih bagi meninjau keberkesanan dan kemajuan projek-projek R&D yang dilaksanakan;
- (iv) mengadakan simposium dan seminar berkaitan R&D bagi memulihkan hasil penemuan dan pembangunan R&D dibentangkan dan dinilai oleh pakar-pakar dalam bidang berkaitan; dan
- (v) mewujudkan kerjasama erat antara kerajaan menerusi MOSTI dengan institusi penyelidikan dan menerima geran penyelidikan R&D bagi mengenal pasti sebarang permasalahannya yang wujud, dan mengatasi sebarang kelemahan dalam pemberian dana dan pelaksanaan projek-projek yang dibiayai.

Terima kasih.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Dalam Bajet 2008 nyata kerajaan begitu komited dan terus menyokong aktiviti R&D dan pengkomersialan, di mana dalam pembahagian royalti, pengkomersialan R&D, kadar pembayaran royalti kepada penyelidik meningkat kepada 80% dan baki 20% kepada institut penyelidikan.

Walau bagaimanapun, apakah langkah-langkah pihak kementerian untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti pengkomersialan R&D di universiti, dan bagaimanakah pihak kementerian membuat atau memandu tahap pengurusan universiti, melihat hasil R&D itu sebagai *intellectual*

property yang bukan sahaja dapat mengharumkan nama universiti tersebut di persada dunia, tetapi juga dapat menjana hasil untuk universiti. Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Benar, seperti yang telah dinyatakan bahawa pada masa sekarang ini royalti daripada mereka yang menemui penemuan baru ataupun reka bentuk adalah 80% diberikan kepada penemunya dan 20% adalah kepada institusi ataupun kepada kerajaan.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, RM1.5 bilion peruntukan diagihkan, diperuntukkan di bawah dana tekno. Dana tekno adalah merupakan yang bermatlamat untuk program membangunkan prototaip ataupun *pra commercialization*, bermakna kalau sebahagian besar daripada projek Rancangan Malaysia Kelapan yang telah menemui sampai prototaip di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita menggalakkan mereka memohon untuk projek itu ditambah nilai dan dibawa ke pasaran, berdasarkan dana RM1.5 bilion yang kita telah sediakan.

■1200

Selain itu, kita juga banyak insentif-insentif lain yang kita berikan kepada penyelidik-penyelidik oleh sebab agensi kita sekarang ada tabung *venture capital* dan sebagainya. Yang mana ini boleh digunakan sepenuhnya oleh penyelidik ataupun daripada institusi penyelidikan ataupun institut tinggi, *higher learning* ataupun institusi pendidikan tinggi supaya mengkomersialkan projek-projek itu menggunakan dana-dana *venture capital* yang sedia ada di MOSTI iaitu melalui MTDC. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Lee Sing Chooi.

Dato' Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, dana RND sudah diperbanyakkan. Saya hendak tahu, ada kes-kes salah guna atau kes-kes penyelewengan atau kes-kes penipuan atas peruntukan RND dikesan? Apakah tindakan-tindakan diambil? Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat yang saya ada maklumat, belum ada lagi sebarang kes-kes penyelewengan ataupun salah guna dana penyelidikan. Oleh sebab kita ada dua mekanisme dalam pemantauan.

Selain daripada kerajaan melalui MOSTI, Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi mempunyai Jawatankuasa Pemantau. Di institusi-institusi penyelidikan sendiri, seperti MARDI, FRIM dan PORIM dan juga di universiti-universiti, mereka juga mempunyai Jawatankuasa Pemantau untuk memastikan bahawa dana-dana penyelidikan yang diberi ini digunakan sebaik mungkin oleh penyelidik untuk menjalankan penyelidikan untuk menghasilkan produk-produk baru dan sebagainya.

Jadi, setakat ini kita tidak ada rekod menyatakan berlaku penyelewengan dalam dana-dana penyelidikan yang telah kita beri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan jawab lisan telah cukup.

Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[12 Disember 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain untuk menyambung ucapan.

12.02 tgh.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Setelah saya membincangkan begitu luas tentang Kementerian Pelajaran, izinkan saya meneruskan berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Kesihatan adalah harta yang tidak ternilai. Hak untuk kesihatan telah termaktub dan diiktiraf di bawah undang-undang hak-hak kemanusiaan, malah kesihatan adalah perkara yang utama dan perlu diberikan perhatian oleh sesebuah negara kerana rakyat yang sihat akan melahirkan negara yang lebih produktif dan maju.

Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri Kesihatan kerana memberi perhatian tentang bil-bil hospital swasta. Dicadangkan satu badan pemantau diwujudkan untuk memantau bil-bil yang dikeluarkan oleh hospital-hospital swasta. Saya juga ingin mencadangkan satu panel peguam disenaraikan bagi membantu kes-kes kecuaihan di hospital-hospital, bukan sahaja hospital swasta tetapi juga hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memfokuskan penularan penyakit tibi ataupun batuk kering di negara kita sejak akhir-akhir ini. Hanya dengan satu hembusan, kuman tibi mampu berpindah dan menjangkiti ramai individu lain seterusnya bersarang dalam tubuh terbahit bertahun-tahun lamanya. Ia diam dalam tubuh seseorang dan kuman ini akan menyerang dan merosakkan organ pesakit. Organ yang paling diminati kuman itu ialah paru-paru selain selaput otak, kelenjar leher dan tulang.

Tibi mampu menghasilkan kerosakan maksimum sehingga menyebabkan pesakitnya menemui maut. Menurut laporan sejarah penyakit itu di Malaysia, menyaksikan bahawa 1/3 daripada katil di hospital di seluruh negara diisikan oleh pesakit tibi sebelum tahun 1960.

Menyedari kuman ini cepat merebak, kerajaan memulakan langkah kawalan dengan memperkenalkan Program Kawalan Tibi Kebangsaan sekitar 1960, PKTK.

Empat pusat tibi diwujudkan iaitu di Kuala Lumpur, IPR, Hospital Permai dan Hospital Tanjung Rambutan. Dengan menyediakan program lawatan yang lebih berstruktur, pengawasan kewujudan kes tibi di seluruh negara menyediakan langkah kawalan penyelidikan makmal dan mengasingkan pesakit sepanjang rawatan. Penemuan ubat bagi mengatasi penyakit itu kemudiannya dikomersialkan manakala suntikan BCG bagi meningkatkan sistem imun badan dan mencegah serangan tibi pada organ luar paru-paru mula diperkenalkan kepada bayi-bayi, kanak-kanak berusia 7 dan 12 tahun.

Hasil penciptaan ubat dan program pengawalan yang dilakukan, ramai pihak mula menarik nafas lega apabila strategi graf jangkitan tibi mula menurun dan berkurangan untuk satu tempoh lama sehingga penyakit batuk kering seolah-olah hilang daripada ingatan penduduk. Walau bagaimanapun pada tahun 1995, penyakit tibi ini kembali dengan 11,778 kes setahun dan ia melonjak kepada 16,000 kes pada setiap tahun. Penyakit tibi juga dikenal pasti sebagai antara tiga penyakit berjangkit yang paling banyak direkodkan di negara ini setiap tahun selain malaria dan denggi.

Tibi juga disifatkan antara penyakit berjangkit yang menyebabkan banyak kematian selain denggi dan AIDS. Tibi menyumbang kepada kematian 1,500 penduduk ini dalam setahun dan peningkatan jumlah kes kadar kematian juga meningkat. Persoalannya, apakah imunisasi yang kita ada sekarang sudah tidak lagi boleh digunakan dengan kehidupan sekarang atau apakah rakyat kita gagal mendapatkan ubat ini?

Selain daripada itu, apakah kerajaan membuat penyelidikan atau kajian sama ada terdapat cara-cara yang terbaru bagi mengubati penyakit ini? Apakah rasionalnya Kementerian Kesihatan hari ini mengkategorikan pesakit tibi ini sebagai pesakit luar sedangkan mereka inilah merupakan orang yang bertanggung jawab menyebarkan penyakit ini kerana penyakit ini adalah penyakit berjangkit.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Pohon laluan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, memang benar dalam laporan WHO juga sebelum 1995, awal 90-an, tibi itu umpamanya sudah pun dihakis daripada Tanah Melayu, daripada negara kita ini. Apabila dalam pertengahan 1995, ianya meningkat dengan besar sekali.

Adakah pada pandangan Yang Berhormat, ini adalah juga laporan-laporan, kata-kata yang dikeluarkan bahawa dengan pendatang haram yang begitu ramai, maka penyakit tibi itu mula merebak semula oleh sebab pendatang haram, kita tidak ada mempunyai pemeriksaan khas, tetapi yang datang itu pun kadangkala laporan tentang penyakit mereka itu pun tidak betul.

Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Dr. Norraesah kerana telah begitu lama kita dapat mengawal tetapi akhirnya penyakit ini datang kembali. Ianya mesti melalui punca lain kerana semua anak-anak di Malaysia telah pun diberikan BCG untuk mengawal penyakit ini tetapi akhir-akhir ini, penyakit-penyakit ini datang. Saya yakin dan percaya kerana dalam kajian di *internet* yang saya dapat bahawa memang antara punca-puncanya ialah kerana pendatang asing ini.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat, antara tibi dengan kanser, bukankah kanser itu lebih bahaya? Sebab dia tidak ada ubat hingga ke hari ini terutamanya wanita yang berhadapan dengan ancaman kanser payudara ini. Seinggakan ada doktor yang mencadangkan supaya suami sendiri memeriksa payu dara isteri. Kita memanglah boleh.. *[Ketawa]* Minta maaf.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, inilah dia kata orang, sendiri cakap, sendiri rasa malu kerana yang dicakapkan tidak sepatutnya dicakapkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui bahawa kanser adalah satu lagi penyakit yang maknanya tidak ada ubat, tetapi yang saya hendak bangkitkan ini ialah penyakit berjangkit.

■1210

Kenapa..., kita dah tahu penyakit ini bahawa tibi ini penyakit berjangkit. Sekali dia batuk. Hak!... sahaja gitu, maknanya kuman dia boleh merebak kepada semua orang, tapi kenapakah hari ini Kementerian Kesihatan tidak membenarkan pesakit ini duduk dalam wad?

Kalau dahulu dia duduk wad yang berbeza walaupun dalam wad itu ada satu lagi bilik khas untuk pesakit tibi, tapi hari ini mereka hanya mendapat rawatan luar, dapat ambil ubat balik. Bukan hari ini ambil ubat hari ini baik. Sekali makan tak mungkin baik dan pesakit-pesakit tibi ini dia beri masa tiga bulan untuk makan ubat dia tanpa berhenti. Maknanya dia ini makan secara perlahan-lahan dan ianya membawa maut macam kanser tapi kanser tak berjangkit. Kalau isteri itu kena kanser payudara, suami itu periksa, tangan suami pun tak kena kanser Tuan Yang di-Pertua... *[Dewan gamat]...*

Tuan Yang di-Pertua, apakah kedatangan pekerja asing ini adalah faktor penyumbang ke atas peningkatan terhadap tibi di negara kita? Dilaporkan bahawa terdapat 15,201 pekerja asing yang disahkan menghidap hepatitis B, 10,569 menghidap batuk kering dan lebih kurang 3,937 pembawa sifilis dan 2,292 penagih dadah di kalangan pekerja asing.

Kita telah membelanjakan kos yang cukup tinggi untuk menghantar semula pekerja-pekerja yang telah diluluskan pemeriksaan kesihatan di negara asal mereka tetapi didapati gagal dalam pemeriksaan di negara kita.

Dalam tahun 2006, terdapat 45,430 orang daripada 1.32 juta pekerja asing gagal dalam pemeriksaan kesihatan apabila dibawa ke Malaysia, sedangkan sijil pengesahan negara asal mereka telah diluluskan. Lebih kurang 78,000 daripada 320,000 pekerja asing dari Indonesia sebenarnya tidak menjalani pemeriksaan yang disyaratkan. Pemeriksaan kesihatan ini sangat penting untuk mengelak penyakit berjangkit seperti tibi, HIV, hepatitis B dan lain-lain merebak di negara ini. Jadi....

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan.

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:Apakah tindakan kerajaan dalam hal ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat mengambil berat tentang kesihatan dalam negara kita ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kita dok bercakap pasal penyakit berjangkit tibi dan sebagainya.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa kadang-kadang kita sendiri cari penyakit. Saya bagi contoh, kita tahu menghisap rokok itu membahayakan kesihatan kita yang boleh memudaratkan seseorang. Kadang-kadang bukan kepada diri dia, malah rakan-rakan yang tak hisap rokok. Kalau kawan dia hisap rokok kawan-kawan lain menghidu asap rokok itu. Jadi pada bajet yang lalu yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya tak nampak cukai dinaikkan untuk harga rokok dan minuman keras iaitu arak.

Jadi apa pandangan Yang Berhormat kalau kita minta kerajaan kerana rokok dan arak ini adalah perkara yang membahayakan kesihatan manusia di seluruh dunia. Jadi kita cadangkan kepada kerajaan supaya oleh kerana benda-benda ini membahayakan nyawa manusia, maka kita cadangkan kepada kerajaan bahawa rokok dan arak ini harus kita naikkan cukai untuk pendapatan negara 100%. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, bab cerita rokok ini saya sukalah sebab suami saya sudah tak ada. Dahulu dia hisap rokok saya tak boleh cakap banyak. Kali ini saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali. Maknanya sepatutnya cukai rokok ini dinaikkan dan harga rokok ini naik. Orang Singapura sekarang menyeludup rokok daripada Malaysia pasal di sana rokok dia lebih kurang 10 dolar. Di Malaysia baru RM8 atau RM7. Lebih kurang begitulah Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya setuju dengan Datuk Wira Syed Ali. Sebenarnya benda ini hendak saya bawa tapi oleh kerana sudah diperkatakan ini, saya tak payah bawa lagi. Jadi saya setuju supaya kerajaan mengkaji balik cukai rokok dan rokok ini hendaklah dinaikkan sehingga taraf tak mampu beli oleh pelajar-pelajar sekolah.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Yang Berhormat ini garanglah sehari dua ini tak tahu pasal apa. Saya

hendak tanya Yang Berhormat sebelum Yang Berhormat cadangkan kenaikan harga rokok ini, berapakah peratusan orang yang meninggal kerana rokok dan orang yang meninggal tidak merokok? Terima kasih.

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta maaf dan mohon ampun dengan Dato' Musa dan tahniah kerana diberi ruang dan peluang untuk dilantik semula... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya belum jadi menteri. Jadi saya tidak ada data dan insya-Allah saya percaya dan yakin Kementerian Kesihatan sila jawab soalan yang dikemukakan oleh Dato' Musa.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian wajar peka kepada keadaan ini dan mencari jalan penyelesaian serta bertindak dengan serta-merta. Saya juga mencadangkan supaya ditubuhkan jawatankuasa atau satu badan yang memantau pemeriksaan kesihatan dari negara asing ini bagi mengelakkan penipuan. Dengan pemantau tersebut peruntukan kewangan untuk menghantar pendatang asing ini balik ke negara mereka kerana membawa penyakit dapatlah disalurkan kepada pembangunan kesihatan masyarakat dan rakyat negara ini bagi melahirkan masyarakat dan rakyat yang sihat dan proaktif.

Selain penyakit tibi, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan HIV/AIDS. Kes HIV/AIDS yang pertama dikesan pada tahun 1986, selepas 10 tahun angka peningkatannya sangat ketara iaitu 76,389 di mana 12,505 daripada mereka adalah berpenyakit AIDS dan seramai 9,150 telah meninggal. Lebih kurang 88 kes AIDS setiap hari dikesan di negara kita.

Sekiranya usaha memerangi penyakit ini tidak dirancang dan dilaksanakan dengan sewajarnya, dianggarkan pada tahun 2015 seramai 300,000 akan dijangkiti penyakit AIDS. Antara faktor penyebab kepada penularan HIV/AIDS ini adalah kerana sikap stigma dan diskriminasi terhadap pesakit HIV/AIDS ini. Masyarakat kita sukar untuk menerima realiti dan menerima HIV/AIDS sebagai satu masalah yang perlu ditangani bersama. Ini kerana penyakit HIV/AIDS ini adalah berpunca daripada perbuatan perkara yang tidak bermoral dan dilarang oleh agama dan masyarakat.

Walaupun melihat daripada statistik sekarang peningkatan yang ketara ke atas penyakit ini menunjukkan bahawa penyakit ini bukan sahaja membawa ancaman kepada rakyat tetapi ancaman kepada negara. Justeru semua pihak perlu tampil mengambil bahagian dalam memerangi HIV/AIDS ini, kita perlu menerima bahawa HIV/AIDS merebak dan merupakan ancaman kepada negara kita dan perlu dibendung.

Persoalannya setakat manakah program-program dirancang oleh kerajaan sampai ke masyarakat dan golongan sasarannya? Apakah sasaran kejayaan program tersebut untuk tahun ini? Setakat manakah *feedback* daripada golongan sasaran ini? Saya ingin mencadangkan kepada badan NGO yang ditubuhkan oleh kerajaan hendaklah mendekati keluarga penghidap

AIDS ini, memberikan motivasi kepada anak-anak mereka dan kepada mereka yang menghidap HIV/AIDS adalah disebabkan dadah hendaklah badan-badan NGO ini yang diberikan peruntukan khas oleh kerajaan berdamping dengan mereka ini dan maklumkan kepada mereka bahawa inilah najis negara.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Mohon laluan Yang Berhormat. Yang Berhormat, baru-baru ini Kementerian Kesihatan ada menyebut dan mencadangkan supaya penjualan kondom ini tidak hanya dibuat di kedai-kedai sebab dia kata mungkin masyarakat Malaysia ini hendak beli kondom dia malu yang banyak dijual di 7eleven dan sebagainya. Jadi ada cadangan untuk memasang mesin-mesin kondom di tandas awam. Apakah Yang Berhormat setuju dengan cadangan ini? Apakah itu sesuai, perlu atau patut untuk kita mengatasi masalah HIV/AIDS ini?

■1220

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, masalah kondom ini sebenarnya ada baik dan tidak baiknya. Baiknya seolah-olah kita menggalakkan orang yang bersifat normal untuk bila nampak sahaja kondom dia teringin hendak pakai. Jadi takut dan kita bimbang dia menyalahgunakan. Jadi saya cadangkan kepada Kementerian Kesihatan buat kajian yang sedalam-dalamnya adakah perlu mesin-mesin kondom-kondom ini diletakkan di tandas-tandas awam... *[Ketawa]* Kalau hendak cari pembekal, saya ingat Yang Berhormat Dr. Puad boleh jadi pembekal dia tidak?

Tuan Yang di-Pertua, Hari AIDS Sedunia pada tahun ini yang disambut pada 1 Disember baru-baru ini menekankan peranan ketua dalam menangani gejala HIV/AIDS ini. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan dan NGO serta mereka-mereka yang bergelar ketua ini lebih proaktif dalam menangani masalah HIV/AIDS dengan menumpukan kepada pendidikan tentang AIDS kepada semua peringkat masyarakat terutamanya wanita dan kanak-kanak kerana menghalang itu lebih baik daripada merawat. Ini termasuk memastikan kanak-kanak dan golongan muda mempunyai pengetahuan dan kemahiran untuk melindungi diri dan orang-orang lain daripada HIV. Motivasi dan penjagaan yang bersesuaian tambahan lagi pendidikan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar jika dibandingkan dengan rawatan.

Penurunan penghidap HIV/AIDS dikesan daripada isu berkenaan diselitkan dalam khutbah-khutbah Jumaat. Berdasarkan statistik sebanyak 2.5 juta pesakit HIV/AIDS di dunia adalah terdiri daripada kanak-kanak berumur di bawah 15 tahun. Pendidikan berkenaan haruslah ditumpukan kepada kanak-kanak dan golongan wanita di negara kita kerana kanak-kanak inilah adalah generasi pewaris bangsa kita di masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan pekerja asing. Kebanjiran pekerja asing yang cukup ramai di negara kita, bilangan pekerja asing yang telah mencapai dua juta lebih pada 30 September 2007 tidak dinafikan bahawa kedatangan mereka ini mengisi kekurangan tenaga kerja di negara kita dalam sektor tertentu khususnya sektor pembinaan,

pertanian dan pembantu rumah. Kemasukan mereka ini ada kesan positif dan negatifnya. Yang positif kita terima tetapi yang negatif yang menimbulkan masalah, kita cari jalan penyelesaian.

Kemasukan pekerja asing ini hendaklah melalui prosedur dan garis panduan yang telah ditetapkan oleh undang-undang dan dipantau oleh Kementerian Sumber Manusia dan lain-lain jabatan. Saya juga ingin menyentuh tentang adanya agen yang membawa masuk beribu-beribu pekerja asing sekali gus hanya kerana inginkan keuntungan dengan menjual orang hingga melupakan ketetapan yang dibuat oleh kerajaan bahawa setiap orang yang hendak mendapatkan pekerja asing dikenakan bayaran RM2,500, tetapi hari ini agen-agen mengenakan sejumlah RM6,000 bagi mendapatkan satu pembantu rumah ataupun pekerja asing.

Jadi saya mengharapkan kerajaan...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Menyentuh berkenaan dengan agen-agen ini, Yang Berhormat kata tadi dia orang bawa masuk pendatang ataupun pekerja-pekerja asing ini berleluasa menjual orang. Tidakkah agen-agen ini telah mendapat kebenaran daripada pihak kementerian untuk membawa masuk seberapa banyak yang depa minta kelulusan, barulah boleh bawa masuk.

Kalau sekiranya tidak manakan boleh dia bawa masuk begitu punya ramai. Apa pendapat Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak salahkan agen ataupun hendak salahkan pihak yang telah meluluskan kelulusan beberapa orang pekerja yang untuk dibawa masuk itu?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi ada agen-agen yang tidak bertanggungjawab. Mereka membawa masuk pekerja-pekerja asing ini tanpa ikut keperluan kerana pada mereka, agen ini peniaga dia hendak cari untung sahaja tetapi bila tanya dia tidak pernah ada untung. Bermakna dia hendak cari untung dan mungkin dokumen tipu dia buat dia kata orang ini hendak orang itu hendak, ladang ini hendak ladang itu hendak. Malahan hari ini pihak ladang boleh terus mengambil tidak melalui agen dan sebagainya. Jadi inilah antaranya mungkin pertindihan kuasa yang diberi yang menyebabkan lambakan pendatang-pendatang asing ini.

Ini pendatang-pendatang asing, maknanya yang diberikan permit. Oleh sebab bila agen sudah kenakan RM6,000 terpaksa masuk ikut tongkah, maknanya termasuk jalan belakang pasal apa yang hendak beli RM6,000 ini tidak mampu tetapi memerlukan. Jadi kita harap penguat kuasa yang telah pun termaktub ini hendaklah dilaksanakan oleh pegawai-pegawai yang telah diberikan tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua....

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: *[Bangun]*

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua mohon laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya bab ini kena bagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada dua orang Yang Berhormat bangun ini. Siapa dulu Yang Berhormat hendak bagi?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Yang Berhormat di atas kesudian memberi laluan. Isu pendatang asing sama ada sah ataupun tidak sah menjadi isu negara. Yang tidak sah melebihi satu juta dan yang sah sekitar 2.1 juta. Soalan yang menjadi perhitungan kita pada hari ini ialah beberapa sektor memerlukan tenaga tidak dapat dinafikan. Cuma cara pemantauan atau penyelarasan yang dibuat yang melibatkan dua kementerian. Satu Kementerian Sumber Manusia dan satu lagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Bagaimanakah pandangan Yang Berhormat, apakah strategi yang harus dibuat oleh kementerian kerana pihak Kementerian Sumber Manusia yang boleh menentukan keperluan berapa ramai tenaga asing yang diperlukan untuk semua sektor yang memerlukan. Manakala di satu kementerian yang meluluskan mungkin tidak mendapat apa-apa maklum balas daripada Kementerian Sumber Manusia. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang isu ini tentang kerjasama di antara dua kementerian.

Apakah ciri-ciri ataupun kriteria yang harus ada pada Kementerian Sumber Manusia? Bagaimanakah cara mereka memberitahu, memberi maklum balas kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri agar wujud keseimbangan dari segi keperluan-keperluan sumber tenaga dalam sektor-sektor yang memang diperlukan. Kita tidak dapat nafikan usaha-usaha untuk penghantaran balik tenaga asing ke negara asal mereka telah menimbulkan satu keributan, kekalutan baik dalam sektor pembinaan mahupun dalam sektor pembantu rumah. Jadi keperluan tidak dapat kita nafikan memang kita perlu, cuma cara penyelarasan harus dibuat.

Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara itu?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan pandangan Datuk Yaakob tadi. Kalau tanya diri saya sendiri, pada saya Kementerian Sumber Manusia ini tidak payah buat ini semua. Fasal pada saya kita mengehadikan pekerja-pekerja asing ini di beberapa bidang sahaja. Umpamanya bidang pembinaan, bidang perladangan dan cukup dengan bidang pembantu rumah. Bidang perkilangan ini semua tidak payah atau sebenarnya bukan kita tidak ada orang hendak bekerja tetapi oleh sebab kita membuka ruang, kita memberikan laluan kepada kementerian-kementerian ini meluluskan pengambilan pekerja-pekerja asing ini ke bidang perkilangan. Sebab itulah pekerja-pekerja kita bukan tidak hendak kerja tetapi dia orang majikan ini hendak gaji murah, dia ambil pekerja-pekerja asing ini, dia duduk dekat rumah kotai itu. Maknanya rumah yang tidak berapa sempurna dan sebagainya.

Sebenarnya inilah punca-punca kenapa ramai rakyat Malaysia tidak bekerja di kilang kerana skim-skim yang dibuat kepada pekerja asing ini lebih menyenangkan ataupun mengayakan majikan-majikan ini.

Jadi saya tidak tahu saya boleh jawab atau tidak tetapi kalau ikut peribadi saya, saya rasa Kementerian Sumber Manusia dia tidak payah buat kerja-kerja ini semua, biar kita beri kepada satu kementerian sahaja....

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Sikit sahaja Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya tidak boleh habis kalau sampai tengah hari ini pun Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau begitu, jangan bagi lah Yang Berhormat.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Kalau Tuan Yang di-Pertua bagi, sehingga malam pun saya sanggup.

■1230

Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn: Sikit saja Yang Berhormat. Saya hanya nak tanya, tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa pembayaran kita mendapatkan pembantu rumah melalui agen ini seharusnya diselaraskan pembayarannya. Sekarang ini ada RM2000, RM4000, RM6000, RM8000. Tidakkah rasanya kementerian seharusnya mengambil tindakan supaya penyelarasan pembayaran kepada agen disamakan harganya? Terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Yang Berhormat sahabat saya. Tuan Yang di-Pertua, tentang penyelarasan ini saya rasa kita dah baca di akhbar. Saya nampak sendiri, Datuk Najib sendiri yang mengumumkan RM2500 dah di campur, ambil dekat sana, kesihatan sana, permit sana, permit sini dah di campur semua, itulah had dia RM2500.

Baru seminggu yang lepas saya nak ambil pembantu rumah baru, dia nak kenakan saya RM6000, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengharapkan kepada kementerian yang bertanggungjawab dalam perkara ini, hendaklah menguatkuasakan, cari agen-agen ini. Kalau tak ada, pergi semua rumah. Pergi semua rumah, mesti ada pembantu. Khasnya rumah yang suami dan isteri mereka bekerja. Ada pembantu, siasat dengan dia. Hantar borang kaji selidik umpamanya. Untung berapa banyak dia ambil hari ini. Benda ini pasti boleh tangkap kalau kita nak tangkap dan kalau kita nak laksanakan tanggungjawab kita.

Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Wong Siong Hwee: Yang Berhormat, minta laluan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: *[Ketawa]* ...Boleh kah Tuan Yang di-Pertua? Okey.

Dato' Wong Siong Hwee: Tuan Yang di-Pertua, jadi bincang hal pendatang asing itu ataupun apa yang saya nak tanya itu, yang saya nak..., bersama tentang pembantu rumah. Apa

Yang Berhormat kata tadi, bayaran ditetapkan RM2500. Sepatutnya bayaran RM2500 tetapi bayaran lebih daripada RM2500 Yang Berhormat cerita tadi sampai RM6000.

Jadi, kita bincang kata, apa ramai masuk mari kerja di Malaysia pendatang asing itu, ini satu lagi yang saya nak tanya, nak tahu dan bertukar pendapat tentang gaji yang kita bayar kepada pembantu rumah. Saya pun ada pembantu rumah, kesian kat mereka. Kerja siang malam untuk kita. Jadi lima bulan mereka tak dapat gaji, gaji itu beri kepada agen-agen itu.

Jadi saya rasa tidak adil sebab mereka ke mari ini untuk cari kerja dan lima bulan gaji pun telah diberi kepada agen-agen tersebut. Bagi saya, apa selama ini saya dah ramai dah menggaji pembantu rumah, tapi gaji daripada bulan pertama sampai akhir, sampai dia habis tempoh, saya bayar. Itu kerana mereka mari untuk cari nafkah, untuk cari kerja.

Maka saya nak tanya apa pendapat Yang Berhormat tentang apa yang saya kata tadi, lima bulan yang mereka kerja tak dapat gaji itu. Gaji itu dah diberi kepada agen-agen tersebut. Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kalau tanya pendapat saya, senang saja. Tangkap saja agen itu! Dia dah ambil RM6000 *plus five*. RM6000 dengan izin, campur lima. Ataupun dulu RM4500, campur lima. Lima bulan dia perah, dia suruh kita perah tenaga, kita suka tak suka, kita perah, lima bulan kita bagi dia. Ini perkara yang harus dikuatkuasakan.

Izinkan saya sambung balik Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum pada itu Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa lagi masa Yang Berhormat perlukan untuk menghabiskan ucapan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Kalau ikut saya Tuan Yang di-Pertua, saya ada lagi tiga lagi perkara yang nak saya bawa. Kalau ikutlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau boleh Yang Berhormat ringkaskan.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Saya cuba seberapa daya. Tuan Yang di-Pertua, dengan kemasukan tanpa ikut keperluan, sedar kah agen-agen bahawa sebahagian besar pekerja asing ini telah mendirikan kediaman di dalam hutan atau di tanah-tanah rakyat kita secara haram. Sebahagian mereka ini telah melakukan jenayah untuk hidup dan mencari makan. Persoalannya, apakah peranan kerajaan dalam menangani perkara ini? Apakah kerajaan mengambil tindakan tegas seperti menarik balik lesen agen-agen ini atau apakah agen-agen ini terdiri daripada orang-orang aku?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan bahawa hari ini dengan lambakan kerana banyak sangat agen, banyak orang dia nak masuk, banyak duit dia dapat, maka hari ini bila kita pergi hotel pun, hotel pun dah bukan cakap Melayu. Dia cakap, bahasa Indon dia lain,

Myanmar nya lain dan sebagainya. Ini hotel, *receptionist* yang kita datang, kita nak pergi. Cakap Orang Putih pun dia tak pandai. Seolah-olah kita pula kena cakap bahasa dia.

Jadi saya mengharapkan kepada kementerian, perkara ini tak seharusnya berlaku dan hari ini di hotel dah dia punya. Macam dia punya *control*, macam negara dia pula. Kemudian, kalau kita tengok di kedai-kedai makan, kedai-kedai makan segera ini, saya tak ingat kedai mana yang saya pergi. Saya terus takut nak makan sedangkan saya tahu selama hari ini saya makan halal tapi bila saya tengok pada pekerja-pekerja, semuanya bangsa lain. Sedangkan kita tahu negara kita adalah negara Islam tapi kalau pekerja itu bukan Islam, semua di situ, walaupun dia kata ayam itu disembelih, kita takut nak makan. Hari ini, masyarakat-masyarakat warga asing ini, pada mereka, orang Islam tak boleh makan babi tetapi mereka tak kata orang Islam tak boleh makan ayam dan kambing walaupun sebenarnya dari segi agama kita, ayam, kambing dan lembu ini boleh dimakan setelah disembelih. Jadi pada dia "*Oh tak apa, boleh makan. Ayam tak apa, kambing tak apa*" kerana dia tahu sensitif ataupun budaya kita...

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: [*Bangun*]

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Kejap, kejap. Bagi saya habis dulu. Bila kita masuk, semua Myanmar. Kita tahu hari ini negara Arab semua turun ke Malaysia, bercuti di Malaysia. Pelancong-pelancong kita ramai kerana mereka rasa terjamin makan di negara kita tapi kalau orang-orang ini semua kita tempatkan di semua restoran, di KFC nya, di Ayamas nya, Starbuck nya ataupun Secret Recipe yang kita pun takut nak makan, ini pula dia.

Sekarang hari ini di negara-negara orang putih sendiri, dia dah mula memberikan subsidi kepada siapa-siapa yang nak buka masakan halal di negara dia tapi untuk bersaing dengan kita, untuk mendapatkan pelancong-pelancong dari Arab ini. Bila kita membiarkan restoran-restoran di negara kita ini dipenuhi oleh mereka-mereka yang menjadi pelayan, tukang masak yang bukan datang daripada aslinya Malaysia kerana dalam Malaysia, kita dah berbilang bangsa, kita dah hidup lama dalam negara kita. Kita dah tahu sensitif antara satu kaum ke satu kaum yang lain.

Silakan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Inilah Yang Berhormat, kalau kita tengok negara kita Malaysia ini, kita dah terlalu makmur. Orang-orang kita dah tak nak kerja. Seperti apa Yang Berhormat kata, nak jadi *waiter* pun, nak cari *waitress* pun dah tak ada dah orang Malaysia. Terpaksa import mai daripada Indonesia, Filipina, Myanmar dan sebagainya.

Jadi, budaya macam ini Tuan Yang di-Pertua, adalah satu macam budaya penjajah. Dia bawa masuk mai ramai-ramai pekerja asing. Hari ini kita ada daripada Indonesia, kita ada Nepal, kita ada Bangladesh, Burma, Thailand, Vietnam dan sebagainya. Sekiranya kerajaan tak kawal betul-betul kemasukan pekerja-pekerja asing ini, kita khuatir satu hari nanti kita ada perkampungan-perkampungan pekerja asing.

Saya nak bagi contoh Yang Berhormat, di kawasan Cheras, kawasan saya ini, saya dapat satu kompelin bahawa pekerja-pekerja Myanmar, dia sewa satu rumah Tuan Yang di-Pertua, dia duduk 25 orang. Macam mana satu rumah 25 orang duduk di situ? Ini sudah tentu akan menyulitkan penduduk-penduduk di kawasan setempat. Jadi saya harap kerajaan pun dia pantau. Bila dia orang masuk ini, duduk di mana kita kena tahu, jangan perosok 25 orang, 30 orang satu tempat dan kita kluatir perkara-perkara yang tidak diinginkan akan terjadi. Apa pandangan Yang Berhormat?

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Datuk Syed Ali. Saya tak nampak sebenarnya kenapa rakyat Malaysia tak nak kerja di sektor-sektor perkilangan, hotel dan sebagainya. Sebenarnya bukan dia orang tak nak kerja, kalau kita sanggup pergi cari agen, pergi Indonesia bayar mahal-mahal untuk mendapatkan pekerja luar, kenapa tak kita masuk segala ceruk ada dalam Malaysia ini?

Pergi masuk Sabah, pergi ke Sarawak, pergi ke Gua Musang umpamanya, pasti kita jumpa orang-orang yang boleh bekerja di situ tapi kita juga harus mengharapkan kementerian supaya guna pakai Akta Pekerja ini. Kadang-kadang oleh kerana lambakan pekerja asing ini, jadi dia nak gunakan macam pekerja asing kata gaji RM400. Dia pun ikut orang Malaysia pun dia nak bayar gitu sehinggakan dia lupa orang ini ada sijil, ada kelayakan, ada kepandaian. Bila sebut gitu tambah pula sekarang dia nak ambil pula tenaga profesional daripada luar negara. Kalau taraf profesional betul, tak apalah juga, yang pelabur-pelabur tapi kalau setakat tenaga profesional yang hanya akauntan saja, berlambak kat Malaysia ini.

■1240

Jadi maknanya benda ini sebenarnya pusing-pusing kiri kanan tolak tepi pastinya yang kena betulkan ini ialah pelaksana kerana perancang telah membuat tugas yang sebaik mungkin. Pelaksanalah yang harus melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya khasnya dalam kerja-kerja penguatkuasaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sepatutnya memantau agen-agen ini agar perkara sebegini tidak berlarutan. Perbelanjaan bagi menangani isu pekerja asing ini adalah tinggi. Contohnya negara belanjakan RM1.169 juta sehari untuk menahan hampir 24 ribu pendatang tanpa izin di 54 penjara dan 15 pusat tahanan. Walhal wang yang ada itu sepatutnya boleh digunakan untuk perkara-perkara yang lebih manfaat untuk pembangunan serta memajukan rakyat dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dari hujah-hujah yang di buat oleh semua kawan-kawan tadi, maka satu penguatkuasaan yang begitu mantap dan satu tanggungjawab yang seikhlas-ikhlasnya hendaklah dilaksanakan oleh kementerian-kementerian yang telah dipertanggungjawabkan oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi ke Kementerian Pembangunan Wanita dan Masyarakat, kementerian *favourite* saya. Dasar kerajaan berkenaan wanita adalah utama yang mana objektifnya kesamaan dan dalam pengagihan sumber dan maklumat. Peluang dan manfaat pembangunan kepada wanita, integrasi wanita di kesemua sektor pembangunan nasional bagi membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan peluang pendidikan bagi wanita. Memberi perlindungan undang-undang kepada wanita terhadap diskriminasi, menambahkan peluang yang sama bagi wanita di bidang pekerjaan.

Kejayaan rancangan dasar dan pelan-pelan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ialah pelaksanaan dasar-dasar undang-undang dan peraturan kerajaan bagi wanita. Program-program dengan kerjasama NGO dan sektor swasta dan pencapaian pada tahap antarabangsa di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan Program Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal diperkenalkan untuk meningkatkan kemahiran ibu tunggal. Kerajaan telah memperuntukkan dana bagi program pembangunan kapasiti dan kemahiran wanita khususnya ibu tunggal bagi Bajet Tahun 2008.

Saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana banyak program-program yang telah dapat dilaksanakan dan kesannya amat baik kepada seluruh rakyat tidak kira golongan yang mana. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan kepada kementerian baru-baru ini satu program yang begitu baik, Jejari Bestari telah diperkenalkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. Harapan saya kalau boleh program ini dapat membuktikan bahawa di setiap program yang dianjurkan oleh kementerian hendaklah dipilih lima *target* bagi satu kumpulan. Jadikan mereka ini sebagai model kepada program-program yang akan datang.

Maksud saya Tuan Yang di-Pertua, Program Jejari Bestari ini ialah program untuk kemahiran sama ada mengajar wanita itu menjahit, buat labuci, jahit labuci semua yang berkaitan dengan wanita yang baik-baiknya; yang boleh mendatangkan hasil dan pendapatan untuk mereka menampung keperluan keluarga mereka. Namun, kalau program itu setakat tiga hari berhenti di situ, maka matlamat kementerian untuk menjadikan wanita itu seorang usahawan yang berjaya dan berkemahiran hanya tinggal impian dan kenangan sahaja.

Dari itu saya mengharap kepada kementerian supaya pilihlah kalau kita buat lebih kurang banyak 30 kali 100 program yang dilaksanakan lebih kurang 3,000. Dalam 3,000 pilih lebih kurang 20 persen yang terbaik, bimbing mereka daripada awal hingga ke akhir dan kita harap supaya perbelanjaan peruntukkan wang kerajaan tidak disalah gunakan. Ini kerana hari ini kerajaan cuba membimbing usahawan-usahawan kecil tetapi tidak kesampaian Tuan Yang di-Pertua.

Ini kerana kadang-kadang pengusaha kecil ini dia dah berniaga, dah ada mesin, mesin dia kecil hendak minta yang besar sikit dengan peruntukkan sama ada melalui geran ataupun pinjaman. Dapat yang besar sikit, minta tiga mesin bagi satu mesin, macam nama hendak maju?

Mesin perlu tiga tapi bagi satu, kerana jawapan kementerian bahawa benda ini hendak agih-agihkan.

Matlamat kita tidak sampai kerana sesuatu itu makna dia sempurnakan sorang dibimbing bila dia dah mahir kita tinggalkan dan dia juga akan menjadi mungkin pengajar kepada rakan-rakan yang lain. Jadi saya harapkan pada kementerian bahawa kalau dapat satu Parlimen lahirkan lima usahawan yang benar-benar yang boleh menunjukkan bahawa sebenarnya Program Jejari Bestari ini nampak kesan dan kebaikannya. Kalau dapat berikan satu dana, jangan bagi duit maknanya mesin-mesin dia, tenaga, kemudian kalau ada maknanya daripada KIBM maknanya daripada Institut Kemahiran Belia yang boleh buat amali-amali maknanya bawa dia dan sebagainya. Maknanya pada saya bimbing daripada awal sehingga akhir.

Jangan sampai kata orang sekerat-sekerat jalan. Jadi jangan sekerat jalan sahaja, inilah harapan saya supaya Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat ini lebih nampak terserlah dan lebih baik khasnya kerana ianya dipegang oleh menteri wanita.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi saya hendak cuma secara rambang sahaja. Tentang permasalahan, bukan permasalahan sebenarnya tentang ke manakah sebenarnya peserta-peserta Giat Mara ini hari ini? Ke manakah sebenarnya peserta-peserta Giat Mara, kerana hari ini kita tahu bahawa program-program yang dilancarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan bahawa program Giat Mara ini bukan baru dua tiga tahun dah berpuluh-puluh tahun sebelum saya habis sekolah lagi dah ada.

Namun, di manakah kejayaan peserta-peserta Giat Mara ini? Sama Juga seperti Kementerian Pembangunan Wanita tadi yang saya katakan maknanya kalau bantu, bantu terus. Kementerian Pembangunan Usahawan ini lagi mudah, dia ada vendor dia dekat situ juga kementerian dia. Francois juga dekat situ, hendak pinjam duit pun ada kementerian itu. Hendak memajukan pun ada dekat kementerian itu dan sebagainya,, latihan kemahiran pun ada.

Jadi begini juga kita tidak mahu Giat Mara ini dijadikan tempat hanya kerana emak bapa daripada anak itu merayau saja masuk kelas, masuk Giat Mara. Dapat latihan kemahiran dua tiga tahun, setahun ke, enam bulan ke lepas itu pergi kerja kilang. Akhir-akhir ini pula pekerja-pekerja kilang dah diambil warga asing dah tidak ada kerja pula. Kita tidak hendak maknanya pertumbuhan pengangguran berlaku di dalam negara kita.

Jadi saya mencadangkan Kementerian Pembangunan Usahawan supaya tengok-tengoklah budak-budak ini jangan dia duduk belajar, penat-penat belajar lepas itu habis begitu sahaja. Jadikanlah mereka ini usahawan yang berjaya.

Tuan Yang di-Pertua satu perkara lagi yang hendak saya katakan ialah berhubung dengan sekolah sukan dan sekolah seni di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekolah sukan, sekolah seni ini saya hendak tahu berapa ramai mereka-mereka ini yang telah diberi peluang untuk mewakili negara; sejak daripada tertubuhnya sekolah sukan ini berapa ramai?

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya hendak sekolah sukan, sekolah seni tidak payahlah hendak cari 5A atau yang 3A, dah tahu 5A, 3A di masuk universiti. Di tidak payah masuk sekolah sukan tetapi hendaklah mereka yang ada *basic*. Maknanya dah ada awal-awal dah ada. Kalau saya pun, kalau saya dululah, kalau saya sepuluh tahun dulu di latih menjadi seorang pemain bola jaring di tempat di sekolah sukan. Saya percaya dan yakin sekarang saya dah jadi pemain antarabangsa. Maknanya kita didik daripada bawah masuk daripada *Form 1*, saya percaya yakin bila cukup dia mesti dia hebat.

Hari ini nampak, bila kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa yang diadakan Malaysia ini tidak ada apa-apa. Macam sekolah sukan ini wujud dengan tidak wujud. Jadi kita minta peranan sekolah sukan ini dapat melahirkan atlet-atlet negara yang lebih jaguh lagi. Saya harap satu kajian yang dibuat supaya benda ini mestilah benar-benar mereka ini yang betul-betul minat sukan yang pada dia makan bola, tidur bola, baring bola pada dia itu. Jadi dia tidak ada ingat lain sebab itu tidak pandai tidak pandai dalam pelajarannya. Janganlah disyaratkan akademik itu antara syarat-syarat yang diperlukan seperti 3A dan sebagainya.

■1250

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ucapkan syukur kepada Ilahi kerana negara kita dikurniakan pemerintah yang sangat mengambil berat dan sangat prihatin terhadap rakyat, berbagai dasar dan rancangan telah pun dibuat. Dah hilang pula Tuan Yang di-Pertua.

Walau bagaimanapun untuk mengekalkan kemakmuran, kestabilan, kesejahteraan negeri ini yang penting ialah permuafakatan itu membawa berkat. Dan saya mengharapkan segala perancangan yang telah dibuat oleh negara kita hendaklah dapat dilaksanakan oleh mereka yang telah diberikan tanggungjawab untuk melaksanakan supaya kita dapat lebih maju pada tahun 2057. Dengan kata-kata itu, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat nampak boleh berbahas dengan lebih baik dengan tidak membaca daripada membaca tadi. Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee.

12.51 tgh.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Bajet 2008. Jadi hari ini adalah ucapan sulung saya, saya sebagai orang baru. Sepatutnya saya berucap pada hari pertama, bahas, saya segan sebab saya tengok orang lama dan hendak belajar. Jadi teguran yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua tadi kata kalau boleh jangan baca teks, teks saya banyak ni, sejam tak habis teks saya ini. Masa amat suntuk maka saya terpaksa pendekkan ucapan saya pada hari ini. Sekiranya saya terkeluar loghat-loghat Kelantan, minta maaf.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan pada kali ini, ramai di antara Yang Berhormat-Yang Berhormat sebut tentang hal BERSIH. Saya tidak faham apa yang BERSIH sedang menuntut pada hari ini, selepas BERSIH, Hindraf. Bagi pendapat saya BERSIH dan Hindraf ini sama sahaja. Hindraf adalah anak syarikat kepada BERSIH, BERSIH adalah anak syarikat kepada saya tak mahu cerita itu, saya rasa Yang Berhormat-Yang Berhormat semua pun tahu. Jadi apa yang dibangkitkan oleh BERSIH tentang keadilan, bermakna SPR tidak adil mengendalikan pilihan raya tidak telus dan berat sebelah. Jadi apa yang saya tidak faham ialah saya sebagai rakyat Kelantan, semenjak pilihan raya yang kelapan ..

Timbalan Yang di-Pertua: Rakyat Kelantan atau rakyat Malaysia yang berasal daripada negeri Kelantan.

Dato' Wong Siong Hwee: Anak jati Kelantan, rakyat Malaysia. Jadi semenjak tahun 1990, Kelantan dipimpin oleh PAS. Jadi BERSIH ini, PAS ada di dalam ini sebenarnya. Jadi apa yang saya tidak faham ialah semenjak tahun 1990 sampai sekarang dah empat kali pilihan raya, tak pernah BN menang, empat kali pilihan raya BN kalah dan PAS menang. Jadi apa yang dikatakan oleh BERSIH bahawasanya SPR tidak adil, tidak telus, mengendalikan pilihan raya secara tidak adil, berat sebelah. Saya tidak berapa setuju Tuan Yang di-Pertua.

Kalaulah SPR tidak adil, berat sebelah, mustahil PAS boleh menang empat kali pilihan raya di Kelantan. Tahun 1990, BN kena 39 - kosong; tahun 1995 BN dapat menang lebih kurang lima, enam Kerusi; tahun 1999, BN menang dua kerusi; dan baru-baru ini tahun 2004, BN dapat menang 21 Kerusi. Jadi apabila BN banyak menang di Kelantan maka dia kata SPR tidak adil sebab banyak menang.

Jadi apa yang saya nak kata hari ini, kalaulah SPR itu tidak adil, berat sebelah, mustahil PAS boleh memerintah pada pilihan raya 2004. Sebab di beberapa kawasan di beberapa DUN, ada saya catat di sini lima DUN, majoriti PAS yang menang iaitu 34 undi, dua undi di Kemuning, 43, 75 dan 105 undi. Lima kawasan kalau kita menang, kalau SPR berat sebelah pada kita makna kita dah memerintah. Itu menunjukkan SPR amat adil, dia tidak berat sebelah, dia mengendalikan pilihan raya itu secara adil.

Saya tidak faham sebab apakah yang kumpulan BERSIH ini mengatakan SPR mengendalikan pilihan raya tidak adil, tidak telus. Jadi salah satu daripadanya pula, satu negeri iaitu Terengganu tahun 1999 dia menang di Terengganu, dia memerintah Terengganu. 2004, dia kalah so dia kata SPR tidak adil. Saya tidak faham sebenarnya Tuan Yang di-Pertua.

Jadi sepatutnya kumpulan-kumpulan ini pergi ke Kelantan, sebab apa pergi ke Kelantan? Sebab Kerajaan Negeri Kelantan pada hari ini memang tidak adil. Sebab apa saya kata tidak adil? Tanggungjawab mereka tidak ditunaikan, dari segi pembangunan, dari segi kemudahan asas, tidak buat langsung. Apa kerja mereka? Kerja mereka cuma pandai terbang balak. 17 tahun Tuan Yang di-Pertua, tak ada kerja lain PAS, saya rasa di Kelantan sampai hari ini 17 tahun PAS tak pernah

pun buat satu jalan tar. Ada buat bukan tak buat, lorong belakang rumah. Kalau BN buat jalan, dia sibuk nak jalan, tapi lorong...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Ada satu lagi Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak yang dibuat oleh kerajaan PAS Kelantan iaitu dia membotakkan bukit-bukit untuk menambahkan kecantikan tapi dia ambil kayu balaklah. Terima kasih, betul kah itu?

Dato' Wong Siong Hwee: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Apa yang saya dimaklumkan ada satu lagi yang kerajaan PAS buat di Kelantan iaitu dibotakkan bukit-bukit, diambil kayu balak. Jadi betul ke itu?

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang hutan Kelantan sekarang semua sudah botak dah. Soalan saya bantangkan untuk Dewan ini ada tujuh soalan semua hal hutan. Baru-baru ini saya ada satu soalan dia kata lombong emas, kerajaan negeri Kelantan sedih sebenarnya. Jadi apa yang dihadkan, maksud saya catuan. Setiap negeri ada catuan untuk tebang balak, untuk membukakan kawasan-kawasan simpan, hutan simpan.

Jadi kerajaan pusat menghadkan tiap-tiap negeri, makna Kelantan mendapat catuan tahunan sebanyak 6,900 hektar setahun, yang boleh buka cuma 6,900. Jadi kerajaan negeri Kelantan dia cerdik, sebab kalaulah mengikut kaedah-kaedah yang hari ini maka dia tidak ada peluang sebenarnya untuk membuka banyak kawasan-kawasan untuk pembalakan. Apa yang saya amat dukacita sekali ialah kalau kawasan itu buka untuk tender terbuka, saya amat setuju. Namun apa yang dibuat, apa yang dilakukan oleh kerajaan Kelantan pada hari ini bukan cara tender, cara anugerah.

Kerajaan negeri cuma dapat sedikit sebanyak premium misalnya, ini tahun 2007. Kerajaan negeri dah buka kawasan untuk ladang, tebang untuk jadi ladang, kawasan hutan simpan kekal, hutan rizab yang sepatutnya tidak boleh dibuka sebab kayu besar-besar. Oleh sebab agenda politik, oleh sebab politik nak jaga anak-anak buah dia sebab pilihan raya tak lama dah maka terpaksa buka kawasan untuk ladang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa dah cukup. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang ini.

Dato' Wong Siong Hwee: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Wong Siong Hwee menyambung ucapan.

2.32ptg.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang untuk saya menyambung perbahasan saya. Tadi saya ada sebut bahawasanya Kerajaan Negeri Kelantan. Jadi membuka hutan sesuka hati. Apa yang saya hendak sebut hari ini adalah tentang pembukaan hutan simpan ataupun hutan rizab. Dia ada dua perkara yang kerajaan negeri yang tidak ikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Perhutanan Negara.

Salah satu daripada hutan yang luas yang dibuka oleh Kerajaan Negeri Kelantan iaitu Kerajaan Negeri PAS iaitu untuk perlombongan emas. Keluasan yang dibuka lebih daripada 50,000 ekar. Sebenarnya di kawasan-kawasan tersebut tidak mempunyai emas cuma taktik PAS kerana untuk mengambil balak sahaja. Sebab apa saya kata begini, oleh kerana sampai hari ini kawasan tersebut telah dibuka semenjak 2002. Sudah lima tahun. Jadi kerja-kerja perlombongan tak dimulakan. Usahkan satu kilo emas, satu tahil pun tak ada. Kawasan-kawasan tersebut, kayu sudah keluar. Semua kayu-kayu balak di kawasan tersebut telah dikeluarkan.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, heboh masuk dalam TV, dalam surat khabar tentang isu Lojing. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, Lojing itu kecil sahaja. Sebenarnya ada lebih teruk dan lebih berat lagi yang Kerajaan Negeri Kelantan rosakkan alam sekitar di negeri Kelantan. Syarikat-syarikat yang dapat untuk kerja-kerja perlombongan sudah tiada lagi di negeri Kelantan. Semua cabut balik dah. Sebab kawasan-kawasan tersebut bukan orang Kelantan yang minta, yang membohong. Semuanya daripada negeri-negeri lain. Lepas habis balak, semua cabut. Jadi saya mencadangkan kepada kementerian berkenaan iaitu Kementerian Sumber Asli supaya mengambil perhatian serius tentang masalah yang saya sebutkan tadi. Jadi apa yang dijawab oleh kementerian, bahawasanya Kerajaan Pusat tak ada kuasa, cuma kuasanya ada, adalah nasihat.

Selain daripada perlombongan yang saya sebut tadi, lepas habis lombong, kayu balak habis diwartakan sebagai kawasan lombong iaitu hutan simpan kekal iaitu hutan rizab, tidak ada lagi kawasan-kawasan belukar dia buat satu perancangan untuk ladang hutan. Semenjak tahun lepas sampai hari ini, kawasan-kawasan adalah hutan. Iaitu kawasan-kawasan hutan simpan kekal juga, hutan rizab, hutan yang cantik, yang kaya dengan kayu telah diluluskan oleh pihak kerajaan kepada syarikat-syarikat dan boleh dikatakan syarikat tersebut semuanya orang dalam.

Jadi sepatutnya untuk dijadikan ladang hutan mestilah dari kawasan-kawasan yang tidak berkayu. Di Kelantan, saya rasa di seluruh negara pun serupa, hutan ini sebenarnya tidak semuanya berkayu. Dia ada tiga jenis hutan. Kategori nombor satu adalah hutan diterokai, telah diterokai. Kedua adalah hutan yang tidak berkayu. Kayu itu kerana baja, kemungkinan baja tak

cukup apa sebagainya, kawasan tinggi dan sebagainya. Maka itu kita panggil hutan miskin. Kategori yang ketiga adalah hutan kaya. Hutan kaya, banyak kayu.

Jadi, kerajaan negeri memberi peluang kepada syarikat-syarikat yang memohon untuk mengambil kawasan kaya. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, matlamat mereka adalah untuk membalak. Jadi selepas balak, keluasan yang telah di anugerah, anugerah bukan tender, anugerah. Tahun lepas lebih 1,000 ekar telah dianugerahkan kepada syarikat-syarikat yang saya sebut tadi. Orang dalamlah tu. Jadi kalau kawasan itu di tender, kerajaan negeri tender kawasan itu. Pendapatan kerajaan negeri mengikut pasaran hari ini lebih pada RM500 juta. Banyak perkara-perkara yang boleh dibuat RM500 juta. Namun, kerajaan tidak tender. Kerajaan cuma ambil sikit sebanyak royalti. Premium, sikit sahaja itu.

■1440

Jadi saya juga bercadang kepada kerajaan supaya cari jalan untuk menyekat. Ini adalah masalah yang besar sekali. Sebenarnya pagi ini saya tidak berapa ada *mood* sebab telefon tidak berhenti-henti, banjir besar dia kata di Kelantan. Pada hari Ahad baru-baru ini, sebelum saya ke sini, saya sudah beri bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di kawasan saya. Lebih kurang 400 keluarga menjadi mangsa banjir. Saya ingat sudah beri bantuan air sudah surut, *no problem* lah. Selesai masalah. Selepas dua hari, tiga hari banjir pula.

Banjir itu bukan oleh sebab hujan lebat ke apa, sebab kawasan-kawasan hutan telah dibuka begitu meluas sekali. Tiada tempat air hujan itu untuk takungan. Sebab apa? Kawasan tadahan air, semuanya habis binatang-binatang gajah, harimau semua sudah tidak ada dalam hutan, semua masuk kampung. Kalau Tuan Yang di-Pertua, atau Yang Berhormat-Yang Berhormat di kawasan Jeli, harimau baham orang.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd Nor: Minta laluan. Yang Berhormat, apa pandangan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata hutan ini adalah anugerah. Setahu saya semua yang diberi, kalau kata hendak buka hutan, buka ladang ke, kita bagi dalam RM5,000, ini tidak 27 ribu hektar satu-satu syarikat. Tidak kata ladang, kata hutan sahaja, ladang SEDC satu-satunya ladang Sungai Terah, 16 ekar yang saya pernah terlibat sama semasa pembukaan, mula-mula buka ladang Sungai Terah. Separuh daripada ladang itu dijual, dan tanah di tengah-tengah bandar dan strategik dijual, seolah-olah macam negeri hendak *bankrupt*.

Apa tujuan dan saya pun tidak faham dengan cara pentadbiran kerajaan Kelantan. Anak rakyat Kelantan yang diberi itu semuanya orang luar, bukan orang dalaman, bukan kata orang negeri Kelantan, semuanya adalah orang luar dari negeri Kelantan. Apa akan jadi kepada anak cucu orang Kelantan yang hendak buka tanah 1000 ekar, 500 ekar. 50 ekar pun tidak ada tanah. Apa pandangan Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Wong Siong Hwee: Terima kasih Yang Berhormat dari Gua Musang. Sebenarnya saya mengenali Yang Berhormat Hajah Wan Hazani Nor sudah lama, tahun 70-an saya kenal dia.

Benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, sebab pembukaan kawasan Estate Sungai Terah itu. Pada masa itu suami kepada Yang Berhormat sebagai *manager*, pengurus pada masa itu. Jadi Yang Berhormat, apa sahajalah di Kelantan apa yang boleh dijual, jualkanlah. Dia tidak kira, tambah-tambah lagi tak lama lagi kemungkinan boleh tumbang. Apa yang mendukacitakan saya ialah Kerajaan Persekutuan iaitu Kerajaan Pusat di bawah kementerian telah menegur termasuk pengarah perhutanan.

Masa itu telah menegur kerajaan negeri cukuplah, jangan buka lagi, sudah lebih sudah lebih kuota. Cukup, tetapi nasihat itu tidak dipedulikan oleh pihak berkuasa di negeri Kelantan. Jadi dua baru itu, satu lombong, satu ladang hutan. Ada lagi yang kecil-kecil ini dan anugerah yang diberi kepada ketua-ketua cawangan, ketua-ketua kawasan kepada penyokong-penyokongnya, 50 ekar anugerah *free* sahaja bagi. Cuma bayar sedikit-sedikit sahaja pada kerajaan, itu pun sudah lebih daripada 50 ribu ekar. Pasal apa yang disebut tadi, hutan Kelantan sudah habis. Saya rasa Kelantan tidak lama jadi macam Mesir itu, padang pasir.

Kemungkinan dijadikan padang pasir, hutan habis ditebang, sungai jadi cetek, ikan habis mati di sungai. Dahulu di Kelantan kalau kita hendak makan ikan sungai misalnya ikan Kelah, ikan Kelah tersohor di Kelantan, senang untuk makan. Sekarang hendak cari atau hendak makan apa yang disebut tadi susah, sebab ikan sudah lari ke Pahang. Banyak ikan kelah di Pahang. Kelantan sudah tidak ada sebab air cetek, sungai sudah cetek. Tidak ada tempat untuk ikan duduk dalam sungai itu. Ini pun saya berharap kalau Kerajaan Pusat, betul-betul untuk mengawal ataupun nasihat, betul-betul nasihat.

Jangan *just* lari dari surat khabar, lari dari media, jangan. Kita ada Majlis Perhutanan Negara. Apa yang saya bimbang adalah *future*, dengan izin. Saya bimbang anak-anak cucu kita tidak kenal hutan. Apa itu hutan, apa itu kayu. Dahulu satu lori muatan balak tiga batang empat batang penuh. Sekarang 50. Besar songkok Yang Berhormat, sudah tebang. Tidak sempat. Licin, kosong dan tidak kira tidak ada air, sungai semua hentam. Jadi saya rasa tidak patut kerajaan negeri buat begini. Tambah-tambah lagi slogan kerajaan negeri "Membangun Bersama Islam". Betul-betul *damaged*, dengan izin, Kerajaan Negeri Kelantan.

Jadi selain daripada itu saya ingin sentuh mengenai dengan luar bandar. Jadi di Kelantan, luar bandar, di kampung penduduknya kaum bukan Melayu. Sebanyak 124 kampung, mereka terdiri daripada orang Cina, orang India dan Orang Siam. Di Kelantan kita mempunyai 124 kampung, dalam hasil yang saya sebut tadi kerajaan sudah tender kawasan itu. Dapat membantu untuk membuat sesuatu untuk kampung, *that's very good*. Amat baik sekali, buat jalan, buat longkang dan sebagainya. Namun langsung tidak buat kerana kampung-kampung yang saya sebut tadi tersisih. Sekarang mula masuk kampung, sebab tidak lama lagi kita akan menghadapi pilihan raya, kempen.

Jadi saya hendak mencadangkan kepada kementerian yang berkenaan iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar supaya mengambil perhatian apa yang disebutkan tadi, untuk membuat sesuatu kepada kampung-kampung yang saya sebut tadi. Buat jalan, longkang, dewan serba guna, dan sebagainya. Di Kelantan itu pelik sedikit, orang Cina kampung-kampung dia di tepi sungai. Orang-orang Siam di tepi laut, orang India di dalam *estate*.

Jadi saya berharap kementerian yang bertanggungjawab membuat sesuatu untuk kampung-kampung yang saya sebut tadi untuk Negeri Kelantan. Kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pembangunan Kaum Bukan Melayu Negeri Kelantan sedang merangka satu pelan induk untuk pembangunan ekonomi dan sebagainya untuk kaum bukan Melayu di negeri Kelantan.

■ **1450**

Pelan induk tersebut sedang dirangka sekarang. Kita hendak bawa perkara ini kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional peringkat negeri, selepas itu peringkat negeri, bawa kepada peringkat pusat. Jadi saya berharap Kerajaan Pusat di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Pak Lah kita memberi perhatian serius perkara-perkara yang saya sebut tadi. Jadi kerana pada hari ini ada sepuluh lagi hendak berbahas, sebenarnya banyak lagi saya hendak cerita di sini tetapi oleh kerana hendak beri laluan kepada kawan-kawan kita, maka saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas, perbahasan sulung saya ini. Juga terima kasih kepada kawan-kawan saya dan kita sama-sama bertukar pendapat untuk diajar kepada saya sebagai orang baru. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam senarai yang telah dikemukakan kepada saya, di sini saya lihat ada lebih kurang sepuluh lagi Ahli-ahli yang bercadang untuk berbahas yang terdiri daripada Dato' Haji Idris Buang, Dato' Omar Faudzar, Dato' Gooi Hoe Hin, Tuan Ahmad Husin, Tuan Rawisandran, Datuk Hajah Azizah, Puan Siw Chun, Dato' Haji Tajul Urus, Tuan Osman Bungsu dan Dato' Haji Kamarudin Ambok. Silakan Dato' Haji Idris Buang, dan selepas itu saya minta Dato' Gooi untuk bersedia.

2.52 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut berbahas di dalam menyokong Rang Undang-undang Perbekalan iaitu Bajet 2008 yang telah dibentangkan baru-baru ini di Dewan Negara.

Saya sebagai seorang Ahli Dewan Negara yang dipilih oleh DUN Sarawak bagi pihak rakan saya juga dari Sarawak, sama-samalah dengan Dato Sri Empiang Jabu dan juga rakyat Sarawak yang dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Tan Sri Abdul Taib Mahmud ingin merakam setinggi-tinggi terima kasih kepada pucuk pimpinan Kerajaan Barisan Nasional yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi kerana telah memberi Sarawak bajet yang begitu baik bagi tahun 2008. Kita telah diberi lebih daripada RM4 bilion. Nampak sekali pihak Kerajaan Persekutuan begitu prihatin

kepada rakyat di Sarawak dan juga kepada kerajaan negeri yang kini sedang gigih merencanakan lagi pembangunan di peringkat negeri, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar.

Seperti yang kita tahu Sarawak ini besar, mencabar keadaan geografinya dan walaupun rakyatnya 2.4 juta lebih sedikit dewasa ini tetapi oleh kerana tempat berselerak di seluruh negeri Sarawak, maka cabaran pembangunan begitu getir dan susah untuk dicapai dalam masa yang singkat kalaulah dibandingkan dengan tempat-tempat lain di Semenanjung, keadaan infrastruktur masih memerlukan hubungan yang lebih baik, taraf dan kualiti yang lebih baik lagi. Terima kasihlah Pak Lah, terima kasihlah Kerajaan Pusat.

Di dalam Dewan Negara ini saya telah mengikuti beberapa perbahasan bajet dan juga sebelum itu dan saya tidak dapat tidak dan mestilah menyentuh sedikit perkara, pertamanya tentang apa yang berlaku selama ini. Saya telah mendengar banyak rintihan daripada rakan-rakan daripada Barisan Nasional, baik dari golongan Ahli Parlimen di Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini. Kita khuatir sejak keadaan di negara kita dari segi keharmonian, dari segi perpaduan negara mungkin terjejas. Akan tetapi oleh kerana kita yakin pihak yang berwajib selalu berpandu nasihat Pak Lah yang sangat sabar, sangat pandai untuk memikirkan apa yang terbaik, pihak yang berwajib seperti pihak polis dapat mengatasi beberapa cabaran yang telah dilontarkan begitu baik sekali tanpa terjadi merebaknya keadaan di luar kawalan. Jadi terkawallah keharmonian negara, terkawallah perpaduan kita dan keselamatan rakyat.

Tidak ada gunanya kita untuk membuat pembangunan, untuk membuat yang terbaik untuk rakyat jika tidak ada perpaduan. Melihat negara-negara yang hidup tanpa perpaduan, hidup tanpa kestabilan, hidup di dalam suasana susah, suasana sentiasa berkelahi, berperang sesama sendiri walaupun tidak mempunyai berbilang bangsa di dalam kewarganegaraan mereka tetapi mereka hanya satu warna kulit ataupun satu bangsa sahaja, mereka lebih tertekan daripada kita.

Formula Barisan Nasional yang telah dipelopori oleh tokoh-tokoh bangsa kita seperti Perdana Menteri kita yang pertama, kedua, ketiga dan keempat, haruslah kita sambungkan, hidupkan dan kita jiwai sepenuhnya pada bila-bila masa. *Social contract* yang telah termaktub sebelum kita wujud sebagai satu negara yang berdaulat selepas kemerdekaan haruslah diteruskan, dijaga – kalau boleh dengan izinnya saya menggunakan perkataan dijaga, *zealously guard, social contract*. Itu tanggungjawab kita. Tiap-tiap warganegara mempunyai tanggungjawab itu dari peringkat rakyat biasa hinggalah peringkat tanggungjawab yang paling tinggi termasuk kita di Dewan Negara. Kita tidak boleh mengambil enteng perkara ini. Tidak ada negara dalam dunia boleh menjalankan negara mereka dengan baik, mentadbir negara mereka dengan baik, membawa pelancong, membawa pelabur masuk jika mereka hidup dalam kucar-kacir.

■ 1500

Saya tidak payah sebutlah negara mana tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat semua sangat mengetahuinya sebab informasinya begitu mudah untuk didapati. Saya lihat perkembangan

dewasa ini mungkin terjadi kerana rakyat yang luar daripada Dewan kita ini mungkin tidak diberi informasi yang terbaik. Umpamanya kita di Dewan Negara ini kita mempunyai peranan sebagai *law makers* dengan izin. Tiap-tiap rang undang-undang di bentang kita berdebat, kita berbahas, kita memberi hujah-hujah, kita memerahkan minda kita, kita bersengkang mata, *midnight candle*, untuk memberi cadangan, memberi *proposition* yang baik-baik belaka.

Saya kecualikan diri sayalah, tetapi saya lihat yang kita ini dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga dipilih DUN masing-masing oleh tiap-tiap Ahli Yang Berhormat itu memilih kita tentu ada sebab yang membolehkan kita berdiri di sini. Kita tidaklah hendak duduk, berdiri di sini berbincang sesama kita sendiri dan pulang ke rumah. Undang-undang di bawa keluar, diluluskan dan kemudian itu diimplementasikan oleh agensi-agensi yang tertentu, itu sahaja. Tidak. Kita mahu rakyat faham semua proses ini dan mendengar hujah-hujah kita bagaimana sesuatu rang undang-undang ataupun perkara ataupun isu di bincang dengan baik.

Saya rasa Hindraf, BERSIH ini lahir kerana mereka mempunyai *opportunity* untuk memesongkan, untuk menyeleweng pemikiran rakyat yang kurang informasinya tentang perbahasan, perbincangan dan pertembungan idea-idea yang baik yang boleh disalurkan kepada mereka seperti yang ada di Dewan Negara ini. Saya hairanlah kenapa liputan media dan elektronik seperti televisyen mahupun majalah-majalah kurang mengambil perhatian perbincangan di Dewan Negara. Saya bukan merayu kepada mereka, tidak. Saya hanya menyatakan fakta yang sebenarnya. Kalaulah perbincangan kita yang baik-baik ini, kita tidak berpolitik di negara ini, tidak. Alhamdulillah, pihak yang ada, Yang Berhormat daripada Kelantan pun *constructive* pada kebanyakan perkara. Alhamdulillah.

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara terdiri daripada pelbagai manusia, maksud saya pelbagai laluan hidup sampai ke tahap ini. Tentu ada sebab Duli Yang Maha Mulia mengambil berat untuk melantik kita di sini. Di Dewan Negara kita tidak berpolitik. Maksud saya kita tidak ada *shouting match*. Kita menjaga *decorum* kita dengan baik. Kita menjaga bahasa, peraturan kita dengan baik, ketertiban kita dengan baik. Kehalusan bahasa dengan begitu murni sekali. Jiwa kita di sini bersih. Untuk meluluskan tiap-tiap rang undang-undang ataupun isu-isu di sini kita bincang dengan ikhlas dan jujur. Maka rakyat berhak untuk mengutip, untuk meraih hasil daripada pertembungan idea-idea perbincangan kita.

Ramai yang membuat *research* mereka sendiri. Takkan *research* itu sia-sia sahaja. Saya rasa, kita lebih baik daripada *House of Lords* di *England*... [Tepuk] Kita lebih murni daripada mereka kerana apa? Saya telah pergi ke sana. Mereka di sana macam-macam rupa juga tetapi kita lebih baik daripada mereka kerana kita prihatin. Kita daripada rakyat biasa. Kita bukanlah daripada *peer-peer*. Saya tidak mahu sebut keadaan di Dewan-Dewan Negeri ataupun di Dewan Negara tetapi perkembangannya tidak begitu baik. Pada saya anak-anak sekolah yang bercita-cita

hendak menjadi *law makers* macam kita mungkin keliru kalau mereka melihat sedutan-sedutan yang ada diberi mengenai *shouting matches* dan sebagainya. Saya rasa perkembangannya tidak baik. Banyak perkara harus dilihat oleh pihak yang sepatutnya bersama-sama menyuburkan lagi keadaan di dalam proses perundangan kita.

Saya rasa Parlimen di tubuh dan Dewan Negara di dalamnya tentu ada sebab dan motifnya adalah baik iaitu untuk rakyat. Kalaulah ahli-ahli yang mengikut perarakan-perarakan Hindraf dan BERSIH itu ada mendengar kita, mungkin mereka tidak turun padang. Ramai yang telah bercakap tentang perpaduan. Ramai yang telah bercakap tentang sayangnya kita menjaga negara kita yang kecil ini. Tidak ada tempat lain lagi yang hendak kita jaga, hendak hidup. Kita hidup di sini. Di sini bumi Malaysia ini. Di sini kita berpijak maka kita harus mendukung undang-undang kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa harus ada perubahan dari segi peranan pihak yang mempunyai kuasa untuk menyebarkan apa yang kita buat di Dewan yang mulia ini. Tidak guna kita meluluskan undang-undang, tidak guna juga kita luluskan apa jua perkara dan bincang isu-isu itu kalau tidak sampai ke telinga, minda dan nurani rakyat. Kita tidak mahu suara kita tidak kedengaran atau kita tidak mahu suara kita terlalu sikit didengar, sia-sia sahajalah peranan kita.

Izinkan saya juga beralih kepada isu yang lain. Saya ingin menyentuh tentang krisis tenaga. Saya telah mendapat tahu daripada beberapa cerdik pandai tentang kuasa ini, *energy*, dengan izin. Tidak berapa lama lagi kita akan kehabisan minyak dan gas. Rizab kita tidak begitu banyak lagi. Masa depan kita tentang perkara ini tidak begitu menyenangkan. Maka apakah tindak tanduk negara kita untuk mengatasi perkara ini. Saya dapat tahu Kerajaan Negeri Sarawak dengan kerajaan bekerja rapat tentang binaan kuasa daripada Sarawak disalurkan ke Semenanjung.

■ 1510

Mungkin Sarawak masih ada peluang untuk menjana fasa elektrik menerusi hidro atau *hydropower* dan sebagainya, kerana kita banyak sungai dan tadahan air ataupun hujan dan boleh kata cukup baik. Hidro adalah satu cara untuk menjana kuasa yang lebih murah daripada cara-cara lain. *One of the cheaper to generate energy*, dengan izin.

Kalau minyak dan gas habis ataupun kurang, kita jadi pengimport bahan ini. Tentu sekali rakyat kita akan menderita mengganggu kos yang tinggi. Selain daripada itu ramai mungkin tidak mampu untuk membuat aktiviti lebih besar yang mereka mahu. Maka dengan sendirinya negara kita akan mengalami *slow down* dalam apa jua proses pembangunan.

Jadi, mungkin masanya telah tiba untuk semua pihak, mungkin masanya telah tiba untuk kerajaan memimpin kita untuk membawa rakyat-rakyat berfikir ke arah bagaimana mengatasi situasi yang menyukarkan nanti. Apakah kita harus mencari jalan selain daripada *hydropower* tadi,

selain daripada *oil and gas*? Menyalurkan tenaga *renewable energy* yang lain seperti *wind, solar* dengan izin, dan biofuel.

Ada cerita mengenai tumbuhan yang digelar jatropha. Mungkin ianya telah disebar di media. Pokok jarak saya pun tidak tahu, tapi saya dengarlah. Kononnya buah ini *viable* daripada kelapa sawit kalau hendak dibuat biofuel kerana ia tumbuh macam pokok betik saya dengar dan buah-buahnya yang tertentu, ada bijinya dapat diguna untuk membuat minyak. Buahnya tidak boleh dimakan oleh binatang atau manusia kerana ia beracun. Jadi dari segi kos efisiennya, dari segi keselamatannya, dari segi apa jualah yang penanamannya, risikonya mungkin kurang. Mungkin rakyat jelata dapat mengambil langkah-langkah tertentu dengan panduan daripada kerajaan untuk sama-sama memikir ke arah itu. Kita dapat pekerjaan untuk rakyat dan kita pun daripada *energy* daripada itu.

Jadi saya rasa itu satu daripada jalan, mungkin ada jalan-jalan yang lain untuk kita mengatasi keadaan yang akan menyukarkan nanti. Secara sekali gus juga kalau kita menggalakkan penggunaan biofuel, biomass dan solar kita akan menyumbang kepada dunia, menyumbang lebih oksigen kepada dunia dan menyahut panggilan untuk menjaga dunia daripada mengalami *global warming*.

Saya mohon supaya pihak yang berkenaan, pihak yang berwajib memberi penekanan seawal-awalnya kepada rakyat sehingga ke kampung-kampung, luar bandar supaya mereka bersedia tentang perkara ini dan mereka dipimpin dengan baik. Mereka yang menganggur pun boleh kita atasi pengangguran mereka kerana dengan adanya perkara seperti ini, kita mungkin mempunyai ruang atau memerlukan tenaga kerja yang lebih banyak.

Timbalan Yang di-Pertua: Panjang lagi ucapan Yang Berhormat?

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Sikit saja. Jadi saya rasa kalaulah kerajaan awal-awal lagi memberi penekanan ini, janganlah nanti bila sudah terlalu lewat mereka sudah tidak ada kesempatan, rakyat-rakyat biasa maksud saya. Jadi ketinggalan oleh negara-negara lain pula. Biarlah kita yang menjadi pemimpin di dalam penjanaaan *renewable energy* ataupun *biofuel* ini.

Tuan Yang di-Pertua, integrasi nasional masih saya rasa perlu sokongan dan kerja-kerja susulan daripada semua pihak untuk membuat integrasi nasional ataupun integrasi negara lebih kukuh. Ini kerana di dalam suasana kebelakangan ini, saya rasa kita tidak boleh ambil enteng juga tentang integrasi nasional.

Integrasi nasional dalam semua aspek sama ada di antara negeri-negeri kita membuatnya ataupun antara satu ras dan satu ras yang lain dari semua aspek harus diperkukuhkan. Saya khuatir kerana ramai juga rakyat di Semenanjung tidak berkesempatan hendak pergi ke Sarawak dan Sabah kerana kos kapal terbang yang meningkat, tiada jalan lain hendak pergi dan mesti melalui laluan udara. *Not everybody can fly*, dengan izin. Jadi mungkin caranya berbeza sedikit sekarang. Tidak payahlah pergi ke sana mungkin secara elektronik. Jadi saya mohonlah kalau

boleh kementerian yang berkenaan memberi lebih ruang kepada kita di Sabah dan Sarawak untuk ketengahkan lagi bahan-bahan kita dari sana. Mungkin dari segi warisan, kesenian dan kebudayaan kita dapat memberi sumbangan yang baik supaya rakyat kita mengambil kira semuanya bangsa di dalam Malaysia ini.

Satu masa nanti mereka tidak mengira sama ada dari Sabah, dari Sarawak, tidak. Supaya satu hari nanti yang berpakaian seperti pakaian kebudayaan daripada Sabah dan Sarawak ini adalah sebahagian daripada kita di Selangor ataupun di Kelantan ataupun sebaliknya begitu juga. Saya rasa harus diperkukuhkan. Mungkin kementerian yang berkenaan, Kementerian Penerangan termasuk memberi lebih ruang bahan-bahan daripada Sabah dan Sarawak. Cerita mengenai kisah kehidupan rakyat kita yang berbangsa Iban, atau orang hulu di dalam satu rumah panjang dan sebagainya mungkin tidak tersiar sangat.

■ 1520

Mungkin kisah keluarga daripada hujung kampung Santubong tidak diketahui macam mana mereka hidup dan merasai jadi rakyat Malaysia, tidak kedengaran, tidak kelihatan oleh saudara kita dari Johor ataupun dari Kelantan ataupun di Pahang.

Jadi saya mintalah kementerian berkenaan *more creative, more smart* buat ini kerana yang menguntungkan kita nanti adalah perpaduan yang erat sama-sama dan anak-anak kita sekarang ini mereka bergantung kepada apa yang kita dedahkan, jadi tidak cukup! Kalau berita dari Sabah dan Sarawak hanya lima minit tidak cukup. Mungkin itu terpulanglah kepada mereka merangka bagaimana tetapi saya syorkan tidak rugi kalau diberi lebih ruang.

Sebelum saya mengakhiri, saya ingin berkongsi beberapa ungkapan kata-kata. Tuan Yang di-Pertua, dan sebagai Ahli Dewan Negara selama dua tahun saya rasa saya hanya ada satu tahun lagi entah sambung entah tidak kalau boleh sambung alhamdulillah, kalau tidak disambung pun saya bersama Dewan Negara hingga ke akhir hayat saya. Kita tidak mahu rakyat dipesongkan, orang-orang yang tertentu tadi. Jadi di Dewan Negara kita selalu berbincang fakta, apa bukan fakta kita buang kita ambil fakta sahaja. Jadi ungkapan atau oleh seorang cerdik pandai Kellan J. Henry berkata, fakta berbicara lebih nyaring daripada kata-kata., "*a fact speaks louder than words*". Dengan izin. Ada lagi ungkapan yang berbunyi, "*Fakta menjadi tidak bermakna kecuali difahamkan dengan betul, dikaitkan dengan betul dan ditafsirkan dengan betul*". Maka itu kita buat di Dewan Negara. Ujian sebenarnya untuk kebenaran adalah bukti, itu seorang yang bernama Walter Rotter bercakap dan *he said 'to test of truth'* itu yang kita buat di Dewan Negara.

Juga ada ungkapan yang berbunyi, akhir sekali '*A good conversationalist is not one who remembers what was said, but says what someone wants to remember*' dengan izin, John M. Brown. Jadi, *the last one*, dengan izin, ialah kata-kata dari Jonathan Swiss yang berkata '*Kata-kata yang tepat di tempat yang tepat*' adalah takrifan yang sebenarnya daripada gaya bahasa dia. Saya rasa Ahli Dewan Negara yang ada di sini *we pass the test* termasuk saya dan semua ini

dengan izin. Saya harap tugas kita proses kita menjalankan tugas kita, semua perkara yang ada di sini *all this legislative business of Dewan Negara* diketengahkan tempat yang betul, saluran yang betul, bahkan dapat maklumat betul dan mereka tidak dapat dipesongkan oleh sesiapa sahaja termasuk Hindraf, BERSIH yang boleh nyah, sekian. Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin.

3.25 ptg.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya bermula ingin saya bersama-sama Yang Berhormat turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Musa, Yang Berhormat dari kampung saya Bukit Mertajam, Yang Berhormat Datuk Sharifah dari negeri saya di Pulau Pinang, Yang Berhormat Datuk Roslan dan khasnya Yang Berhormat ayahanda Datuk Rashid atas pelantikan semula. Semoga kita bersama-sama terus memartabatkan lagi kemuliaan Dewan yang mulia ini.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran diberikan untuk saya bersama-sama berkongsi pandangan dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk menunaikan tanggungjawab bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008, yang memohon pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi RM100,575,000,140.

Saya telah berkesempatan mengupas ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan ketika membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan ini di Dewan Rakyat pada 7 September 2007 bersama-sama juga ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semasa membentangkan rang undang-undang di Dewan yang mulia ini pada 10 Disember. Saya dapati bajet ini cukup besar ertinya kerana kita sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka telah dapat mencapai suatu kemakmuran, kemajuan, keharmonian, perpaduan dalam tempoh lima tahun ini. Perlu kita bersama-sama sebagai satu bangsa Malaysia merasa bangga dan kagum erti kata lain Malaysia telah berjaya dalam pelbagai aspek dan kita tidak perlu segan-segan mempamerkan kejayaan ini di mata dunia.

Kita semua faham, kita semua akui tidak sesebuah kerajaan itu 100% sempurna termasuk juga negara-negara barat, yang penting, yang mustahak, Malaysia negara kita yang kita semua cintai. Bumi yang cukup bertuah ini kita semua takdir secara acuan Malaysia juga demi kesejahteraan rakyat. Dalam tempoh 50 tahun sejak kemerdekaan petunjuk-petunjuk sosioekonomi semuanya jelas, jelas menunjukkan kita menuju ke depan mencapai Wawasan 2020.

Syabas dan tahniah sekali lagi kepada kerajaan yang telah seperti kebiasaan sentiasa membentangkan suatu bajet yang mesra rakyat serta memberangsangkan pertumbuhan ekonomi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memang konsisten dalam menguruskan kesinambungan

pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan yang berteraskan Misi Nasional Bajet 2008. Seperti mana yang terkandung dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Cukup ertinya Bajet 2008 yang bertemakan bersama membina negara dan menikmati kemakmuran.

Saya cuba memahami secara lebih mendalam lagi, guna otak saya tanpa fikiran saya, apa makna, apa tujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perkataan 'bersama' bukan saya, bukan dia, 'bersama' bermakna kita! Membina bukan menghancurkan bukan konfrontasi, menikmati kemakmuran negara.

▪ **1530**

Ini adalah kata-kata yang cukup bermakna kalau kita halusi, sebelum saya berusaha beralih kepada perkara-perkara khusus, adalah eloknya ingin saya menekankan, membangkitkan di Dewan yang mulia, sebagai pedoman, sebagai satu kompas, supaya kita bersama-sama dalam meraikan ulang tahun kemerdekaan ke 50 dan ke 44 penubuhan Malaysia, serta pencapaian dan kemajuan kita selama ini. Kita perlu bersedia untuk terus mara ke hadapan dengan menuju masa hadapan yang lebih memberangsangkan lagi serta mencabar.

Namun begitu, juga perlu menoleh ke belakang dan belajar dari berbagai-bagai dugaan dan pengalaman, pahit atau manis masa lalu. Kita pernah menghadapi ancaman dari luar dan juga bencana alam. Sekarang banjir. Oleh sebab kita mempunyai kepelbagaian etnik, agama, budaya dan bahasa. Maka terdapat perbezaan pendapat terhadap isu-isu berkaitan bidang ekonomi dan pendidikan serta berkaitan kaum dan agama. Perbezaan ini ada kalanya menimbulkan perbincangan hangat dan menyemarakkan api kemarahan. Meningkatkan ketegangan tindakan dan reaksi terburu-buru. Terburu-buru sehingga berlaku rusuhan. Mengancam perpaduan, kestabilan dan jalinan sosial kita. Akan tetapi, setiap kali kita berjaya mengatasi, menanganinya, mengapa? Kerana kewarasan, kerana kepekaan, kerana sikap toleransi, kerana muhibah mengatasi segala-galanya. Berunding dan bukan konfrontasi adalah caranya. Jalan penyelesaian selalu ditemui. Bertolak ansur walaupun tidak diterima sepenuhnya oleh semua pihak dan memangnya bukanlah seratus peratus sempurna.

Apa jua pun, kita semua harus bersyukur kerana dengan apa cara jua, kita kekal selamat. Kita kekal berkembang sebagai sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Oleh yang demikian, saya berpendapat kita semua harus sedar bahawa selain dari kematangan fikiran dan sikap muhibah yang membimbing kita selama 50 tahun yang lalu, ianya juga berdasarkan dan berasaskan semangat prinsip bahkan rangka dan program yang termaktub dalam empat dokumen negara yang...

Dato' Ismail Kassim: Pohon laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Sila.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat yang dikasihahi sahabat saya Dato' Gooi. Saya ingin bertanyakan pandangan Yang

Berhormat, adakah perkara-perkara yang berlaku ini disebabkan oleh segelintir manusia yang menghuni bumi Malaysia ini, mereka ini buta sejarah. Bukan setakat buta mata, pekak telinga, bisu mulut, tetapi buta sejarah yang menyebabkan mereka tidak dapat menghayati dan juga memahami bahawa kalau kita tidak berhati-hati, biasanya sejarah akan kembali berulang. Yang boleh menyebabkan seperti mana hujah Yang Berhormat bangkitkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung ini?

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Yang Berhormat Ismail. Sebelum saya sambung, Yang Berhormat sudah baca minda saya. Jadi saya akan jawab tetapi biar saya sambungkan. Empat dokumen negara yang amat penting iaitu Perlembagaan Persekutuan, Rukun Negara yang diisytiharkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, pada 31 Ogos. Wawasan 2020 yang diisytiharkan oleh Yang Amat Berhormat bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir pada 28 Februari 1991 dan kesinambungannya Misi Nasional yang dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 30 Mac 2006.

Sekarang saya jawab, saya percaya keempat-empat dokumen ini akan terus menjadi asas. Asas bagi kenegaraan kita dan merupakan panduan. Panduan untuk pembangunan negara serta penyelesaian masalah dalam masyarakat majmuk. Oleh yang demikian, saya pohon supaya yang pernah saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Pelajaran meneliti bagaimana asas-asas keempat-empat dokumen penting kenegaraan menjadi sebahagian daripada *syllabus* dan kurikulum sekolah-sekolah mahupun di peringkat rendah ataupun di peringkat menengah. Supaya semoga dengan asas kenegaraan ini disemai dan ditanam di hati sanubari anak-anak kita, supaya mereka memahami asal usul dan landasan permuafakatan kepada kita. Bolehkah itu jawapan?... [Ketawa].

Kini saya akan putarkan balik dan berhujah berkisar secara dasar, secara am walaupun kadangkala nampaknya seolah-olah menyoal kritikan tetapi ianya pada hemat saya membina. Seperti yang saya dapat dengar hemat-hemat Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah agar permaidani ini selalu indah permai tanpa kekotoran. Sementara Yang Berhormat Loga Chitra begitu emosi untuk mempertahankan maruah kaumnya. Ini semua melambangkan percintaan yang tidak terhingga. Bukan percintaan buta tetapi adalah kesetiaan. Kita mesti setia membela mempertahankan negara ini daripada dirampas permaidani ini oleh perosak-perosak ini.

Kononnya, menegakkan demokrasi. Kononnya membersihkan, kononnya ini, kononnya itu. Kononnya apatah lagi saya pun tidak boleh faham. Saya terlintas dalam fikiran, Mandela. Seorang yang telah dipenjarakan 27 tahun begitu kerana untuk melawan apartheid, tetapi apabila dia keluar dari penjara, dia tidak pergi kononnya itu, kononnya ini. Tidak ada. Dia cuba mencari permuafakatan bagaimana membangunkan negara yang dicintai.

Akan tetapi sebaliknya seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Dr. Norraesah, kita ada Joseph Goebbels yang hendak menjadi Hitler. Yang menyatakan ini semua salah. Dalam otak

manusia ini, apabila seribu kali pembohongan itu dijalankan, akhirnya kita cakap, "Oh, itu betullah". Dengan izin, *one thousand lies, repeated again and again, become the truth.*

▪ **1540**

Itulah kita mesti berhati-hati. Joseph Goebbels atau Hitler ini ada di kalangan luar. Ini adalah yang orang Cina kata hantu bukan macam hantu, orang bukan macam orang. Ha, Datuk Wira Syed Ali dia faham. Siapa itu kita semua tahu. Kita simpan dalam hati. Sementara kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh membangunkan negara meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam keadaan sekeliling yang amat mencabar, amat menyulitkan tetapi kita masih dapat mencapai 6.7% pertumbuhan ekonomi dalam suku tahun yang ketiga dengan inflasi terkawal. Imbangan negara yang sihat dan simpanan negara yang kian bertambah.

Saya ulang lagi di Dewan yang mulia ini, perosak-perosak ini, menular sebagai ular yang bisa untuk meracuni rakyat, mengaburi mata rakyat dengan bermacam-macam helah, beraneka ragam namun saya yakin rakyat akan menjadi hakim dan rakyat sememangnya penuh kebijaksanaan dan mereka mengetahui kebenaran.

Balik kepada agenda sebenar, saya ingin menyentuh perkara yang cukup mustahak, yang menjadi perjuangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu pembasmian kemiskinan. Kita semua faham dan kita sedia maklum dasar pembangunan ekonomi negara telah dirumuskan berasaskan komitmen kerajaan memastikan manfaat pertumbuhan ekonomi dikongsi secara saksama oleh semua rakyat Malaysia. Komitmen ini dibentuk, diwujudkan, dibina atas kesedaran bahawa agihan pendapatan saksama dicapai melalui membesarkan kek Malaysia. Tidaklah berasaskan kepada rampas Ah Chong untuk diberi kepada Ahmad, Ahmad diberi kepada Kitingan, Kitingan diberi kepada Ah Seng, tak ada macam itu tetapi satu prinsip yang amat baik dan telah diterima oleh semua pihak.

Kita tahu, kita sedia maklum tiada semuanya Ahmad miskin, tiada semuanya Ah Chong kaya-raya, tiada semua Mutusamy miskin termasuk Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, tetapi kemiskinan itu tiada batasan, kemiskinan itu tiada warna, kemiskinan itu tetap kemiskinan dan kita sama-sama miskin lawan sebagai satu kumpulan, sebagai manusia insan untuk bagaimana kita kurangkan kemiskinan. Saya masih teringat-ingat iaitu pembangunan ekonomi semenjak tahun 70an adalah berdasarkan kepada dasar ekonomi baru dengan strategi serampang dua mata iaitu pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi. Cukup cantik, cukup molek yang saya selalu cakap dan kita percaya daripada peratusan lebih daripada 57% sampai terkini 5.7%. Tidak perlu saya huraikan pencapaian setakat ini kerana pembasmian kemiskinan ini merupakan satu usaha yang berterusan. Tak boleh habis tetapi saya hanya ingin menarik perhatian beberapa sektor yang mana saya lihat dengan mata saya sendiri yang mana sesuatu yang lebih bersepadu perlu diambil tindakan segera di mana di samping itu di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan

telah pun dikenal pasti kumpulan-kumpulan berkenaan seperti di Sabah, seperti di Sarawak, Orang Asli, nelayan, pekerja estet, kita perlu memberi tumpuan.

Dewan yang mulia ini harus merakamkan syabas dan tahniah atas beberapa usaha dan langkah lestari serta berterusan yang dijalankan oleh FELDA. Saya baca buku FELDA dengan teliti, kertas statut 208 tahun 2007 iaitu Laporan Tahunan 2006 FELDA dan saya dapati usaha murni yang dijalankan oleh FELDA amat-amat kita bangga, sepintas lalu FELDA menjalankan pusat literasi keluarga, pusat pemulihan dalam komuniti, skim tuisyen FELDA, pusat tuisyen bahasa Inggeris wilayah, Asrama Semai Bakti, bantuan dan pinjaman pendidikan, bantuan pelajaran tinggi, skim pinjaman pelajaran tinggi, biasiswa kumpulan FELDA sebab itu kini kita ada gagasan kedua FELDA. Anak-anak telah keluar daripada cengkaman kemiskinan. Program motivasi dan seminar pendidikan begitulah caranya. Begitulah usaha dan langkah untuk memastikan pekebun-pekebun kecil FELDA menikmati kemakmuran bersama.

Di sebaliknya, malangnya, sedihnya, pahitnya, kesalnya walaupun banyak kali saya telah memberi pandangan tentang bagaimana kita harus bersama-sama membantu, menolong kumpulan pekerja-pekerja estet dalam belunggu kemiskinan tetapi saya tidak dapat cahaya dalam terowong yang agak gelap ini. Mungkin kini Sime Darby yang menjadi syarikat perladangan yang terbesar boleh menjadi cahaya. Boleh menjadi cahaya untuk menembusi terowong gelap ini dengan menunjukkan tanggungjawab *social corporate* dengan mengikut sedikit-sebanyak jejak langkah FELDA.

Oleh yang demikian, tiba masanya kerajaan mengambil tindakan tegas terhadap syarikat-syarikat perladangan, mengambil tanggungjawab bersama dengan benar-benar dan ikhlas menjaga kebajikan pekerja ladang. Mereka sejajar dengan Misi Nasional iaitu menangani masalah ketidakseimbangan sosial ekonomi secara bina dan produktif seperti yang terkandung dalam strategi Bajet 2008, itu menjamin kesejahteraan rakyat. Kumpulan nelayan kita harus tidak dilupakan. Mengikut objektif Jabatan Perikanan Malaysia, salah satunya ialah memastikan pendapatan golongan nelayan melebihi paras kemiskinan.

Saya ingin mengambil peluang di Dewan yang mulia ini untuk pohon untuk bertanya sejauh manakah objektif ini telah tercapai dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh jabatan serta tindakan-tindakan konkrit dirumuskan untuk menikmati sasaran objektif berkenaan sebab selalu saya pergi Panchor nampak PPRT, nelayan itu kais pagi, makan malam tak ada. Kadangkala makan pagi pun tak ada apabila ribut datang. Jadi apakah itu? Saya hendak tahu. Yang kedua, dasar pekerja asing. Saya faham.

▪ 1550

Tuan Osman bin Bungsu: Minta laluan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Orang Asli saya ada cakap?

Tuan Osman bin Bungsu: Belum lagi, itu bukan Orang Asli, minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi Yang Berhormat telah membangkitkan isu pembangunan di FELDA. Itu terancang, baik, ramai yang menjadi jutawan hasil daripada perancangan yang begitu strategik. Apakah pada pandangan Yang Berhormat tentang tanah-tanah yang dibangunkan oleh RISDA dan FELCRA. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat sudah lencong kepada RISDA, saya cakap FELDA, *you* wujud RISDA. Saya tidak baca RISDA tetapi belum baca, saya balik saya akan baca tetapi hakikatnya RISDA juga ditubuhkan untuk menolong, membantu pekebun kecil dulu dalam 60an, 70an. Bagaimana meningkatkan pendapatan pekebun-pekebun kecil di RISDA Kebanyakannya berjaya, itu jawapan saya. Jadi tumpuan khas sekarang saya nampaknya dari segi orang Asli, pekerja estet dan nelayan kalau kita sama-sama gerak, semua boleh beres. Saya balik kepada pekerja asing....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: *[Bangun]*

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat saya minta laluan sekali lagi, tentang nelayan ini Yang Berhormat. Kita tahu nelayan-nelayan di kawasan pantai ini kebanyakannya bekerja purata sebulan 13 hari, ditolak dengan cuacanya, ombak. 13 hari sudah tentu tidak akan dapat cukup makan berbanding dengan 13 hari juga kepada nelayan-nelayan yang mempunyai peralatan yang besar. Jadi pada saya, perlukah nelayan kecil ini dinaikkan taraf supaya setanding dengan nelayan yang ada infrastruktur yang tertentu. Umpamanya, nelayan kecil disatukan, diberi peruntukan khusus untuk seperti laut dalam di mana pendapatannya lumayan pergi 13 hari, balik pun boleh bagi RM2,000 - RM3,000 seorang. Jadi apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Ismail Kassim: Mohon laluan, hendak tambah sikit.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya ingat saya bagi sahabat karib kampung saya Yang Berhormat Dato' Musa, selepas itu Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi tentang nelayan. Saya ingin bawa satu lagi perkara tentang kebajikan nelayan Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang sendiri iaitu di Batu Maung. LKIM telah pun diswastakan, menubuhkan satu syarikat MITP. Saya telah pun bercakap di dalam Dewan yang Mulia ini, yang menjadi mangsa ini nelayan. Dulu pendapatan nelayan begitu tinggi sekali, selepas LKIM diswastakan, yang menjadi mangsa ini nelayan. Saya sudah bercakap di dalam Dewan ini, Timbalan Menteri sendiri menjawab dia akan melawat tetapi sampai hari ini tidak ada siapa pun melawat. Ini satu masalah Tuan Yang di-Pertua.

Saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Datuk Haji Idris bin Haji Buang, bermakna kita bercakap dalam Dewan tetapi tindakan kita tidak diambil. Jadi saya berharaplah di dalam Dewan yang mulia ini, saya setuju dengan rakan saya kebajikan nelayan ini kena jaga dan

saya mintalah wakil daripada kementerian yang ada pada hari ini siapa sahaja tolong melawat di LKIM di Batu Maung dan lihatlah apa masalah yang berlaku daripada nelayan-nelayan di sana. Terima kasih.

Datuk Haji Idris bin Haji Buang: Yang Berhormat minta laluan sedikit sebelum menjawab. Kita tidak mahu kita di sini syok sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kassim: Yang Berhormat, saya sambung Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu tadi. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Osman cuma hendak tambah sedikit sahaja. Di sini bukan salah pelaksanaan polisi, sikap nelayan sendiri pun kena dibetulkan. Tadi Yang Berhormat Osman kata 13 hari dia ke laut tetapi 17 hari dia main dam di bawah pokok, lepak, tidak buat kerja, minum teh tarik. Jadi buat kerja 13 hari pendapatan 13 hari lah. Ini pun kena betulkan sikap semula jadi yang ada di dalam diri nelayan itu, mentaliti yang harus diubah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Gooi Hoe Hin: Nelayan itu satu kumpulan yang kita perlu bergembleng tenaga. Betul, memang sikap tetapi dengan kebijaksanaan kerajaan dan sumber yang sedia ada, sama ada keputusan dibuat nelayan itu kekal menjadi nelayan kecil, itu satu keputusan yang harus dikaji dan diteliti. Bagi saya, kalau teruskan nelayan kecil mereka akan di dalam putaran kemiskinan. Jadi apakah dasar yang menyeluruh seperti dulunya pekebun kecil yang tidak ada tanah bawa terus ke FELDA, 10 ekar dengan pengurusan yang baik. Bagi didikan anak, satu generasi yang lain mereka akan terkeluar dari cengkaman kemiskinan itu. Apakah dasar sekarang bagi nelayan, mulanya bukan kecil. Nelayan kecil tetapi kumpulannya besar.

Itu yang saya sarankan, memang sikap semua itu kita tahu tetapi itu yang saya sarankan kepada kerajaan masanya untuk memberi tumpuan khas kepada golongan yang agak besar ini. Boleh saya sambung? Dasar pekerja asing. Saya faham bahawa keperluan pekerja asing itu tidak boleh dinafikan, apatah lagi kalau kita imbas kembali asas kemakmuran negara ini juga berlandaskan melalui ribu-ribu pekerja asing di estet getah dan lombong bijih timah tetapi kebergantungan berlebihan negara terhadap pekerja asing seperti Yang Berhormat Dato' Saripah semalam cakap, saya kuarir, saya bimbang adalah tidak akan terlestari. Kini saya dapati kebergantungan ini cukup berleluasa meliputi semua sektor.

Dulu saya tahu perladangan dan pembinaan sahaja, kini masuk hotel, masuk hospital, masuk restoran, jadi penjaja pun ada. Haiyoo! Apa akan jadi? Angkanya cukup menakutkan. Mengikut maklumat yang saya peroleh kini terdapat 2.2 juta pekerja asing. 57.5% Indonesia, 11% Nepalese, 8.8% Bangladesh, 7% daripada India. Tenaga pekerja ialah lebih kurang 11.77 juta. Kalau kita tolak pegawai kerajaan, perkhidmatan awam, badan berkanun semua 1.2 tambah lagi 1.5 juta. Bermakna pekerja tenaga kita bergantung lebih kurang 25%. Kalau tidak boleh mati, saya mati dulu.

Jadi, apa akan jadi kepada jadi ini sudah terjadi. Kadangkala itu AP manusia kah yang jadi hal ini. Saya ingat AP manusia ini perlu kaji semula. Kita perlu kaji semula supaya Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan kementerian-kementerian lain, agar kajian yang lebih menyeluruh. Harus merangkumi semua aspek agar....

Dato' Ismail Kassim: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat apabila Yang Berhormat bangkitkan soal kemasukan pendatang asing di negara kita. Kerajaan telah mengumumkan bahawa asas kemasukan ini berdasarkan kepada 3D, *dangerous, difficulties* dan *dirty*. Kita melihat jawapan yang sering dibagi oleh Kementerian Sumber Manusia dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

▪ 1600

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Apabila kes ini timbul seolah-olah macam tidak ada persefahaman, koordinasi di antara dua kementerian. Saya lihat yang satu menyalahkan yang ini kalau timbul isu dan yang satu menyalahkan, bermakna ada saling salah menyalah. Bila kita timbulkan di awal iaitu soal kemasukan ini adakah di lihat, dibincangkan berdasarkan kepada Dasar Buruh Negara, keperluan sebenar yang diperlukan oleh negara tapi kita lihat ianya terus berleluasa dan itu yang didaftar. Yang tidak berdaftar, yang tinggal lebih tempoh tanpa permit dan saya sambung Yang Berhormat, bukan setakat masuk di hotel, masuk di restoran, masuk bilik air malah yang menjual karpet di kampung-kampung, yang menjual ais krim pun sekarang sudah tidak ada lagi orang tempatan yang sanggup nak buat. Kita bercakap soal kemiskinan, soal nak keluar dari kepompong PPRT tapi kerja-kerja yang sepatutnya menjadi sumber kepada pengurangan, penghapusan kepada kadar kemiskinan ini diambil alih orang luar.

Yang *overstay*, yang apa, kita pun tak faham. Kadang-kadang orang Indonesia contohnya Yang Berhormat, dia datang sini *overstay* sampai peringkat pengampunan dihantar pulang. Kemudian tukar nama daripada Lina jadi apa-apa, Diana. Datang balik ke Malaysia orang yang sama kerana di negara berkenaan boleh ditukar nama dan ditukar pasport yang lain. Jadi, berapa sistem yang telah dibuat tapi masih ada kelemahan dan kebanyakannya levi yang dibayar pada saya lebih teruk daripada belanja di depot dan belanja untuk kita menghantar pendatang-pendatang ini pulang ke negara asal mereka. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Tuan Lee Chee Keong: Minta laluan Yang Berhormat. Sini, sini minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebelum itu boleh saya ganggu perbahasan sebentar? Kita ada 88 minit lagi dan dalam senarai saya ini ada 12 orang lagi yang nak berucap.

Kalau boleh Yang Berhormat kurangkan celahan dan ringkaskan ucapan. Bolehlah kawan-kawan berkongsi masa. *Everyone needs that place 'in' the sun...., under the sun. Sorry!*

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya teringat pada jawapan semalam yang diberi oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri iaitu perkahwinan antara pekerja asing ini dengan wanita Malaysia adalah haram. Keluar dalam surat khabar hari ini, perkahwinan antara lelaki asing dengan wanita Malaysia adalah haram. Saya tidak tahu bagaimana pandangan Yang Berhormat kita dan apakah kemungkinan akibatnya kalau berleluasa perkahwinan jenis ini, adakah kita akan kekurangan wanita di Malaysia? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab kata-kata Yang Berhormat itu masuk dalam *Hansard*, Yang Berhormat katakan ada ahli kerajaan yang kata begitu rupa? Cuma saya nak sahkan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya setuju dengan Yang Berhormat Dato' Ismail dan berkenaan dengan haram halal itu, asal usulnya masalahlah. Pekerja asing sekarang menjadi suatu masalah yang akan menjadi mudarat kepada negara. Itu ringkas, secara ringkas. Purata kalau angka-angka kata 2.2 juta orang datang sini, satu bulan dia hantar RM300, dia pulang kepada rumah dia RM660 juta. Saya dapat angka lagi, siapa-siapa yang *Immigration Act* itu, Akta Imigresen biasanya empat bulan jel dan saya tengok dalam penjara, 19,041 adalah orang asing. Empat bulan dia dalam jel, kerajaan belanja RM35 satu hari, purata RM80 juta. Semua juta-juta! Sesuatu yang tak kena. Jadi, saya tak mahu hurai panjang, ringkaskan iaitu...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh saya sahkan siapa lagi yang ingin bercakap?...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jadi lebih kurang kalau saya bahagikan sama rata seorang 10 minit, kalau Yang Berhormat berhenti secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya memang faham. Jadi saya akan habis dalam satu perkara saja walaupun saya semalam kerja sampai dua pagi. Banyak hal tapi tak apa. Sistem pengangkutan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi Yang Berhormat, saya rasa itu sindiran terhadap saya....
[Ketawa]

Dato' Gooi Hoe Hin: Bukan, bukan.

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin yang 10 orang lagi pun kerja sampai pukul dua pagi untuk sediakan ucapan. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Semuanya kerja untuk Dewan yang mulia ini..... *[Ketawa]* Mengenai pengangkutan bandar, saya dapati strategi yang ditumpukan kepada pembangunan sistem pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan handal harus dilipatgandakan khususnya di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor Bahru yang mana kesesakan lalu lintas amat-amat buruk dan sekali gusnya menimbulkan berbagai-bagai masalah serta jika diperhitungkan masa yang hilang

dan pembakaran bahan api dibazirkan, tekanan dan macam-macam lagi. Kerajaan harus menyegerakan pelaksanaan rangkaian *rail* dengan mengoptimumkan lagi kegunaannya. MAS dan AirAsia kegemaran saya, MAS dan AirAsia yang kini seperti abang dan adik yang menjadi tulang belakang perkhidmatan udara, kadangkala saya kurang faham adik ini diberi laluan dulu ke Singapura dan abang pula marah. Apa ini? Saya tertanya tiba-tiba ruang udara dibuka, saya faham lebih awal pada Februari 2008 walhal apa yang dipersetujui dahulu ialah Januari 2009. Mungkin, mungkin kerajaan lebih arif tetapi Air Asia, adik ini kini sudah lawan abang, MAS.

Namun saya haraplah, saya harap dua-dua ini abang adik dalam satu keluarga perlu bersatu padu demi kepentingan negara. Sama-sama duduk bicara berunding sampai siang hari, malam subuh tak apa supaya suatu persefahaman yang erat dipupuk dan diwujudkan. Sementara itu, saya harap MAS, MAS, MAS, cukup emas! Dalam usaha *turn around* perlu tidak mengabaikan tanggungjawabnya agar tidak mengeksploitasi pekerja-pekerja khususnya pekerja-pekerja sokongan dalam keghairahannya untuk menunjukkan prestasi keuntungan di mana kebajikan pekerja diabaikan.

Sistem secara kontrak pramugari, pramugara harus dikaji semula. Penurunan kos bukan sahaja daripada kurang pekerja, kos-kos makanan nampaknya sate RM1.50, saya difahamkanlah. Makanan lain dan lain-lain boleh dikaji semula. Saya nak cakap kelapa sawit, tak apalah Tuan Yang di-Pertua. Dengan kata-kata itu kerana nak beri ruang kepada rakan-rakan seperjuangan saya, saya pohon menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Omar bin Faudzar. 10 minit boleh?

4.08 ptg.

Dato' Omar bin Faudzar: 10 minit susah sikit Tan Sri ya.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba.

Dato' Omar bin Faudzar: Insya-Allah. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasihlah kepada kerajaan kerana dalam Bajet yang dibentangkan telah banyak memberi berita-berita baik kepada rakyat khususnya kepada guru-guru dan kepada kakitangan kerajaan, pesara, ibu tunggal, warga emas dan lain-lain dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia kerana begitu fokus dalam membangunkan ekonomi negara kerana dalam keadaan inflasi, kerajaan begitu pantas mengubah fokus daripada industri, pertumbuhan ekonomi di sektor industri kepada sektor pelancongan, perkhidmatan dan lain-lain yang tidak bergantung kepada keperluan-keperluan negara asing dan saya terus kepada tajuk yang saya nak bercakap. Saya akan menyentuh, satu ialah mengenai Kementerian Kewangan iaitu isu mengenai Proton. Saya rasa isu ini patut saya sentuh sebab Proton merupakan satu daripada industri yang menjana ekonomi negara. Proton juga mempunyai lebih kurang 47,000

lebih orang pekerja di dalam industri automobil dan fokus harus diberi supaya kita hendak memastikan bahawa Proton ini dapat terus maju.

▪ **1610**

Sekarang ini kalau kita tengok, sekejap dia bincang dengan satu industri automobil luar negara. Lepas itu dia bincang lagi, lepas itu dia tangguh, lepas itu dia bincang. Lepas itu dia buat keputusan, dia hendak berdikari. Dia tidak hendak lagi bersama-sama dengan industri automobil antarabangsa.

Saya lihat, kalau kita tengok dari segi sejarah, daripada tahun 1999 hingga '2200', Proton telah pun membayar cukai kepada kerajaan sebanyak RM13.14 bilion, dan pada tahun 1999, 80% daripada pasaran kereta nasional dipasarkan di dalam negara tetapi setelah tahun 1999, pasaran kereta nasional ini terus menurun. Terus menurun dan kita tidak tahu mengapa, tapi daripada apa yang saya faham, daripada apa yang saya kaji, dan pada ketika itu, kereta-kereta mewah, kereta-kereta yang di import daripada luar agak begitu mahal sedikit dan apabila kereta-kereta ini mahal maka

Tuan Yang di-Pertua: Sementara Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan ada, tidak adakah isu wilayah Yang Berhormat hendak bangkitkan. Kalau ada, sila bangkitkan dahulu.

Dato' Omar bin Faudzar: Ada, ada. Okey saya hendak bangkitkan dahulu Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan isu mengenai pelancongan yang berhubung kait dengan Kementerian Wilayah Persekutuan, sebab tahun ini semua kita tahu bahawa Tahun melawat Malaysia dan fokus, *hot spot* ialah kawasan Kuala Lumpur, kawasan Bandar Raya Kuala Lumpur. Jadi ada dua, tiga kawasan Yang Berhormat, kadang-kadang bila kita pergi mana-mana di Kuala Lumpur ini, kita nampak seolah-olah macam Kuala Lumpur ini dibanjiri oleh orang asing. Di kota raya banyak kita tengok di merata tempatlah. Okey, saya bagi satu contoh di Stesen Bas Klang dan di Pasar Seni.

Di Pasar Seni dan di Stesen Bas Klang penuh dengan orang-orang Indonesia. Warga Indonesia melepak merata tempat, ada juga yang berniaga di tepi jalan. Jadi kita hendak melawat, pelancong hendak pergi melawat, takut. Saya sendiri kalau hendak bawa anak-anak saya takut, saya sendiri kalau hendak bawa anak-anak saya hendak tengok di kawasan itu, saya sendiri pun tidak berani. Satu lagi di kompleks beli belah Kota Raya, di kompleks beli belah Kota Raya kalau saya pergi, di panggil di tempat itu sebagai *mini Philippine*....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tolong hala ucapan kepada sayalah jangan hala kepada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Omar bin Faudzar: *Mini Philippine* Yang Berhormat. Jadi di situ kita tengok ramai gadis-gadis *Philippine* dok ada di situ, dok jual kosmetik. Kosmetik-kosmetik yang tiruannya. Ada yang beli satu dapat satu *free*. Yang satu *free* itu saya tidak tahu apa yang *free*. Mungkin ada benda-benda yang *free* yang ditambahkan dalam itu Yang Berhormat ya? Yang ini di kompleks beli

belah Kota Raya, kalau rakan-rakan saya hendak pi, pi lah. Tengok kot-kot dapat, beli satu dapat *free* satu.

Di *Petaling Street*, di *Petaling Street* Yang Berhormat ya. Dulu kita tengok di *Petaling Street* ini penuh dengan kaum-kaum Cina tapi hari ini kalau kita pergi di *Petaling Street* kita bawa anak-anak kita, kita tengok dengan Bangla, dengan Nepal di situ. Kita hendak masuk hendak beli barang pun tidak berani. Kalau kita minta kurang sikit pun dia dah marah dekat kita. ini sikap-sikap yang dibawa oleh warga asing. Jadi kalau pelancong masuk di kawasan-kawasan ini, kawasan yang jadi kawasan *ghetto*, kawasan hitam. Orang takut masuk hendak beli belah....

Tuan Yang di-Pertua: Sebahagian daripada permasalahan Yang Berhormat bangkit itu adalah isu-isu berkaitan dengan kementerian lain. Jadi walaupun ia sedikit sebanyak adalah....

Dato' Omar bin Faudzar: Ini Kementerian Wilayah Persekutuan. Jadi saya hendak tahu. Sekejap lagi saya bagi soalan. Di *Chow Kit Road*, kalau kita tengok Yang Berhormat ya, saya tidak tahulah undang-undang apa yang kita pakai, sampaikan jual sayur pun orang Indonesia jual. Di pasar-pasar semua pun penuh dengan orang Indonesia. Penguat kuasa di Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya buat apa? Ini soalan dia.

Jadi kalau kita biarkan, kita hendak bawa pelancong di Kuala Lumpur tapi dalam keadaan yang begini ya, yang menakutkan. Kita tidak marah kalau pelancong itu hendak datang ke sini walau pun kita tahu berbilion ringgit pelancong bawa duit kita keluar, tetapi janganlah sampai....

Tuan Yang di-Pertua: Walaupun Yang Berhormat dapat keistimewaan Yang Berhormat Menteri ada, janganlah habis sepuluh minit Yang Berhormat semua kepada perkara-perkara Wilayah.

Dato' Omar bin Faudzar: Okey, cukuplah... *[Ketawa]* Saya ingat boleh ambil peluang itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri pun tidak berkesempatan hendak jawab serta merta. Jadi tidak patutlah kalau saya...

Dato' Omar bin Faudzar: Okey lah. Yang Berhormat ya, saya hendak tahu apakah langkah-langkah Yang Berhormat hendak ambil? Saya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri turun sendiri pergi tengok sebab kalau kita, anak-anak kita sendiri pun takut, emak bapa kita hendak bawa anak pun takut Yang Berhormat Menteri patut turun tengok. Itu sahajalah yang saya hendak minta pada Yang Berhormat Menteri ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu pun timbul seolah-olah Yang Berhormat Menteri tidak pernah turun tengok, tidak boleh tu.

Dato' Omar bin Faudzar: Tapi kalau dari segi apa yang saya lihat itu saya nampak macam Yang Berhormat itu macam tidak pernah turun tengoklah.

Okey, berbalik kepada kereta proton tadi Yang Berhormat ya...

Tuan Yang di-Pertua: Jadi Yang Berhormat Menteri akan sediakan dalam penggulungan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu.

Dato' Omar bin Faudzar: Okey berbalik kepada kereta Proton tadi, pada tahun ..., disebabkan oleh pada ketika tahun 1999 hingga tahun 2000, kereta-kereta import ini masih berkurangan di dalam pasaran, maka pada ketika itu, kita rasa senang untuk menjual Proton tetapi setelah Malaysia komited dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh WTO dan AFTA ya....., saya lihat muka Tuan Yang di-Pertua.. [*Mengarahkan ucapan kepada Tuan Yang di-Pertua*] Maka kita terpaksa bersaing dengan kereta-kereta luar. Kereta-kereta luar masuk ke negara dengan harga yang murah, dengan AP yang begitu banyak kita luluskan, akhirnya kita berhadapan dengan satu ancaman kepada industri automobil negara. Sebab pada tahun 2006 Tuan Yang di-Pertua, kita cuma dapat menjual 25% sahaja kereta nasional di pasaran negara kita.

Bagi saya, ini sesuatu yang cukup rendah jika dibandingkan dengan Thailand yang pada suatu ketika dulu Thailand jauh ke belakang meninggalkan kita tapi pada tahun 2006, Thailand telah mengeluarkan 1.2 juta kereta nasional dan 30% daripada kereta ini adalah di eksport ke luar negara. Jadi kenapa kereta Proton tidak boleh buat macam mana Thailand buat. Jadi bermacam-macam cara dah dibuat dan pada saya, kurang R&D itu satu daripada fakta yang menyebabkan kita susah hendak menembus pasaran antarabangsa dan kita juga kurang keyakinan daripada rakyat sendiri mengenai kualiti kereta negara yang perlu kita ubah.

Jadi ada juga yang mencadangkan supaya kita lupuskan kereta-kereta yang berumur 15 tahun, supaya kita dapat..., bila kita lupuskan kereta-kereta yang berumur 15 tahun ini maka kita akan memberi peluang Proton dan memperbanyakkan jualan kereta-kereta Proton. Dari segi itu memang baik tapi kita dari segi rakyat, ini saya rasa kurang baik ya sebab kalau kita lupuskan kereta-kereta ini dalam tempoh 15 tahun maka kereta *secondhand*, *value* dia akan jatuh dengan cukup teruk dan merugikan atau membebankan pengguna kereta nasional.

■1620

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan. Kenapa kita mesti bebaskan rakyat? Kereta umur 15 tahun, kita nak hapuskan kerana kita nak melariskan Proton. Kenapa tidak Yang Berhormat cadangkan AP-AP ini tak payah, dibatalkan semua AP. Semua rakyat Malaysia gunakan Proton, senang. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Omar bin Faudzar: Kalau AP, yang itu kena tanya Menteriilah, saya tak berani nak jawab tetapi kalau hapus terus itu saya rasa tidak bolehlah Yang Berhormat ya. Mungkin kita boleh kurangkan sikit supaya bagi kelebihan kepada kereta nasional ataupun 15 tahun yang saya maksudkan tadi itu kalau kita ada *buy back guarantee* daripada Proton. Jadi selepas 15 tahun, kalau dia nak jual kereta itu maka Proton kena ambil balik kereta itu pada kadar harga yang tertentu. Jadi dengan secara *buy back guarantee* ini, enjin itu Proton boleh pakai balik dan barang-barang lain, *body-body* kereta itu semua digunakan sebagai *scrap*. Secara tak langsung juga ia akan mengurangkan kos kepada Proton, itu satu cara Yang Berhormat ya.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, kereta Proton ini orang kata dah ...

Tuan Yang di-Pertua: Bukan satu lagi, sekarang masih Proton. Tadi wilayah kemudian sekarang Proton, belum satu lagi.

Dato' Omar bin Faudzar: Satu lagi, ada dua, tiga Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka tak kacau insya-Allah saya habis.

Jadi saya rasa kita harus mengadakan satu penjenamaan semula kereta Proton ini dan penjenamaan semula ini kita boleh buat secara jangka pendek ataupun jangka panjang. Kalau jangka pendek, kita *joint venture* dengan mana-mana syarikat *international*. Penjenamaan semula secara *joint venture* dengan syarikat-syarikat yang lebih maju seperti Volkswagen dan sebagainya, mungkin penjenamaan ini kita boleh pendekkan dan kita boleh memasarkan produk yang lebih berkeyakinan kepada rakyat. Itu mengenai Proton Tuan Yang di-Pertua ya.

Yang ketiga yang ingin saya bangkitkan ialah isu subsidi yang telah dibangkitkan dalam Pertanyaan Lisan daripada kawan saya Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi yang menyatakan bahawa subsidi sebanyak RM35 bilion diberi kepada rakyat. Jadi kalau saya bahagikan balik kepada 27 juta rakyat dalam negara kita, subsidi untuk satu tahun, untuk seorang rakyat cuma RM1,000 lebih sahaja. Ini kalau saya bahagikan ikut sama rata ya, tapi kalau saya bahagikan ikut *ratio* orang kaya dan orang miskin, mungkin orang miskin punya subsidi itu kurang daripada RM1000 sebab orang kaya ini yang mengambil banyak subsidi. Kalau kita katakan pada tahun 2007, 400,000 kereta yang dijual, daripada 400,000 kereta yang dijual 40% adalah kereta-kereta import. Kalau 40% kereta-kereta import kita kenakan *road tax* yang lebih tinggi, kita gantikan ia sebagai subsidi kepada petrol, jadi tidak ada lagi subsidi kepada kereta-kereta import. Jadi kita kurangkan subsidi di situ.

Kita juga harus ingat Yang Berhormat ya, kita bercakap fasal subsidi negara, kalau kita bahagi tadi, saya hanya bahagikan kepada rakyat Malaysia. Kita juga ada duta-duta dalam negara kita yang kita subsidi, orang putih pun kita subsidi, bukan kata orang Malaysia sahaja. Kita bagi kepada semua orang tapi selalu kita mengatakan bahawa subsidi ini seolah-olah macam orang miskin sahaja yang ambil, orang yang berpendapatan rendah sahaja yang ambil subsidi.

Berkaitan dengan subsidi Tuan Yang di-Pertua, saya nak balik kepada isu yang kadang-kadang kita melihat satu sektor subsidi kepada rakyat. Satu sektor lagi yang saya nak bangkit Yang Berhormat ya, ini juga merupakan seolah-olah macam subsidi tapi definisinya lain.

IPP, kita ada lebih kurang 12 IPP kalau tak salah saya. *Independent Power Plan* yang dikontrol oleh satu syarikat, dan dia bayar RM1.5 juta sehari. Kalau satu IPP dia membayar lebih kurang RM540 juta untuk satu IPP dan kalau saya kirakan balik kepada 12 IPP, dia jatuh kepada RM6 bilion. IPP ini bukan semua kita guna, ada yang kita tak guna tetapi kita kena bayar juga. Ini merupakan subsidi kepada satu orang yang kita bagi, satu orang kita bagi subsidi yang begitu tinggi, berbilion ringgit kita bagi kepada satu syarikat. Syarikat ini juga pada hari ini menggunakan keuntungan daripada sini, memonopoli pula syarikat simen dalam negara ini. Cuma dua syarikat

simen sahaja yang tidak dikontrol oleh syarikat yang saya maksudkan tadi. Jadi kalau dia monopoli syarikat simen, simen pun naik harga, rakyat kena bayar.

Jadi kos yang ditanggung oleh rakyat disebabkan ini. Ini yang saya rasa kerajaan patut lihat balik daripada kita bercakap mengenai subsidi yang kita bagi kepada orang miskin sedangkan kita bagi kepada satu syarikat yang begitu besar, dah senang bertambah senang. Jadi kita pertimbangkan balik. Yang saya nak tahu macam sekarang TNB terpaksa bayar RM1.5 *million* kepada syarikat ini sama ada guna atau tidak guna untuk satu IPP. Kalau dia pakai 12 IPP, dia kena bayar 12 dan sampai bila kita nak kena bayar pada syarikat ini? Adakah selagi ada bulan dan bintang, kita nak kena bayar. Siapa pun tak tahu, kalau selagi ada bulan dan bintang, selama itu kita kena bayarlah. Dari segi logik, saya fikir kenapa TNB sendiri tak buat, kalau TNB sendiri buat, dia tak payah keluar duit begitu banyak untuk satu syarikat Tuan Yang di-Pertua.

Baik Tuan Yang di-Pertua, saya nak mempercepatkan sikit. Tadi rakan saya telah pun bangkit mengenai MAS, saya nak sentuh jugalah sedikit secara ringkas syarikat-syarikat GLC. Satu ialah MAS yang mengatakan keuntungan RM600 juta. Saya kagumlah, saya sendiri pun fikir macam mana dia boleh buat RM600 *million profit* daripada satu syarikat yang begitu teruk, tiba-tiba jadi satu syarikat yang begitu maju, untung dalam masa yang begitu singkat RM600 juta. Satu angka yang cukup besar. Persoalannya sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya kepada Menteri yang terbabit adakah keuntungan ini merupakan *operating profit* ataupun keuntungan ini merupakan sebahagiannya adalah *operating profit* dan sebahagiannya adalah *selling of asset*.

Kalau keuntungan ini adalah melalui *selling of asset*, saya rasa tak apalah kita nak megah sebab aset ini adalah aset yang dibeli oleh pengarah-pengarah urusan dan *board of directors* yang lama. Sekarang ini orang baru mai, dia cuma jual habis semua, dia ambil untung dan dia *declared* dalam P&L MAS mengatakan keuntungan begitu besar. Jadi saya minta Menteri supaya kalau boleh beri sedikit penjelasan mengenai keuntungan MAS sama ada keuntungan ini berapa peratus daripada *operating profit* dan berapa peratus daripada penjualan aset. Satu lagi mengenai jambatan Pulau Pinang ...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh habiskan dalam masa lima minit tak? Yang Berhormat dah 25 minit.

Dato' Omar bin Faudzar: Okey, jambatan Pulau Pinang Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya juga difahamkan projek jambatan Pulau Pinang ini nampak dah tersangkut sikit. Saya difahamkan syarikat dari China memohon untuk dapat *variation order* atau kos tambahan, *cost escalation* sebanyak RM1 bilion.

■1630

Jadi saya hendak tanya balik kepada kementerian yang terlibat, sekiranya kos *escalation* sebanyak RM1 bilion ini hendak diteruskan, adakah kita hendak teruskan bagi kepada syarikat-syarikat China ini ataupun kita hendak cari alternatif lain yang mungkin kita dapat lebih murah

daripada kos yang telah diberikan oleh syarikat daripada negeri China. Okey, saya ingat itu cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama Yang Berhormat. Kita akan cuba meminta sedikit masa daripada kerajaan supaya perbahasan dapat disambung pada hari Isnin. Sedikit sahaja masa, Tuan Ahmad Husin.

4.31 ptg.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi izin kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2008. Bajet 2008 telah memberi manfaat kepada rakyat yang berpendapatan rendah. Golongan ataupun kumpulan paling banyak mendapat manfaat ialah rakyat yang berpendapatan rendah, mereka yang berkeluarga dan sektor swasta. Golongan yang mendapat habuan, pertama ialah kanak-kanak tadika, kakitangan awam, petani, warga emas, rakyat miskin, orang kurang upaya dan masyarakat Orang Asli. Syabas, wakil Orang Asli ada di sini, sahabat saya kerana tertulis di dalam bajet. Ini atas pengorbanan yang telah mereka beri dalam membantu kerajaan selama ini untuk membangunkan negara.

Bajet 2008 telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kebetulan genap seminggu selepas negara meraikan ulang tahun Kemerdekaan yang ke-50. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2008, yang bertemakan "Bersama Membina Negara dan Menikmati Kemakmuran". Bajet 2008 adalah bajet yang bertanggungjawab dan ini *responsible budget*. Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk kepentingan negara dan mengetepikan kepentingan jangka pendek.

Tuan Yang di-Pertua, jadi bajet ini bukan bajet pilihan raya. Saya hendak tegaskan di sini supaya rakyat faham. Ini bukan bajet pilihan raya. Kerajaan Malaysia telah dapat mengimbangkan kedudukan kewangan negara dengan meningkatkan keperluan sosioekonomi dan harapan rakyat itu sendiri. Bajet 2008 telah mengambil kira supaya objektif jangka panjang bagi menjadikan Malaysia negara maju tercapai pada tahun 2020, yang kini ada 13 tahun sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Bagi strategi yang pertama, mempertingkatkan daya saing negara. Bajet 2008 yang memberi fokus kepada mempertingkatkan daya saing adalah kena pada masanya memandangkan, berikut adalah laporan tahunan *IMD World Competitiveness Year Book 2007*, kedudukan Malaysia ialah telah pun merosot kepada tangga yang ke-23, jika dibandingkan dengan Singapura – 1 dan Hong Kong – 2. Malaysia juga sedang menghadapi persaingan yang sengit pada masa ini daripada Vietnam, China, Brazil dan India untuk mendapatkan pelaburan. Pengurangan cukai korporat daripada 27% daripada tahun 2007 kepada 26% pada tahun 2008 dan 25% pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian cukai pendapat individu masih pada kadar 25%. Bagi tahun 2008, ini berbanding cuma 26% bagi cukai korporat. Di sini, kadar ini perlu diselaraskan

supaya dapat mengurangkan kadar pengelakan cukai yakni dengan izin, *tax avoiders*. Perbezaan atau jurang kadar tersebut akan menggalakkan ahli-ahli perniagaan yang berpendapatan tinggi menyalurkan pendapatan mereka dengan cara menubuhkan syarikat, oleh kerana cukai korporat yang rendah 26% Tuan Yang di-Pertua. Ini kita harus berjaga-jaga.

The very kindly thought Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Kadar cukai korporat 26% bagi tahun 2008 adalah masih tinggi jika dibandingkan dengan Hong Kong hanya 17.5% dan Singapura 18%. Cukai korporat yang lebih rendah bukan sahaja dapat merangsang pertumbuhan ekonomi sektor swasta yakni *cumulated private sector growth*, tetapi juga akan dapat bersaing untuk mendapatkan pelaburan asing.

Strategi yang kedua, memperkasakan pembangunan modal insan yakni membangun masyarakat berpengetahuan. Cadangan potongan cukai kepada majikan bagi pembayaran langganan jalur lebar ataupun *broadband subscription fees* seperti *Streamyx* bagi kakitangan. Potongan cukai ini patut juga diberi kepada individu bagi mencapai sasaran kerajaan, supaya kadar penebusan jalur lebar 50% daripada isi rumah menjelang tahun 2010 berbanding 12% pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi strategi yang ketiga, iaitu menjamin kesejahteraan rakyat adalah dianggarkan satu per tiga daripada hutang lapuk tidak berbayar di dalam sektor pinjaman perumahan di bank, adalah bagi rumah yang bernilai kurang daripada RM100,000. Cadangan kerajaan bagi membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan baki dalam Akaun Dua setiap bulan untuk tujuan membantu bayaran ansuran pinjaman perumahan adalah satu langkah yang bijak. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Pak Lah dan amat dialu-alukan oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Tuan Yang di-Pertua,...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang Yang Berhormat sudah separuh masa. *Half time*.

Tuan Ahmad bin Husin: Baik, Tuan Yang di-Pertua. KWSP adalah *investment fund* yang terbesar di Malaysia, yang mempunyai RM300 bilion sumbangan daripada 5 juta ahli. Dahulunya KWSP telah kerugian ratusan juta kerana pelaburan yang tidak menguntungkan dulu. Jumlah sebenar kerugian tidak diketahui oleh kerana tidak dinyatakan dengan jelas dalam Laporan Tahunan KWSP. Minta kerajaan terangkan sedikit pada kita. Adalah dianggarkan KWSP telah melabur sebanyak 20% daripada simpanan dalam pasaran saham atau *equity investment* yang melibatkan RM50 bilion dan KWSP adalah pelabur yang terbesar dalam pasaran saham di Malaysia.

▪ **1640**

Subsidi kepada penjana elektrik bebas, *independent power producers* sebagaimana yang saudara saya tadi bawa. *Liquefied Petroleum Gas* atau LPG telah dijual oleh Petronas pada Tenaga Nasional dan IPP pada harga tetap RM6.40 sen *per million British Thermal Units*...., saya

tidak berapa faham tetapi saya baca. Manakala syarikat-syarikat dalam sektor yang lain telah membayar dengan harga RM12.90....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh kata saya baca itu, sebab dalam Dewan bukan dibenarkan baca. Cuma saya buat tidak tahulah.

Tuan Ahmad bin Husin: Ya, kita *silence* kan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harga pasaran antarabangsa sekarang adalah lebih kurang RM24 per MBTU. Di sini apa yang saya hendak bangkitkan di sini ialah, bagi tahun kewangan yang berakhir Tuan Yang di-Pertua, pada 31 Mac 2007, Petronas telah memberi subsidi sebanyak RM15.6 bilion. Yakni RM5 bilion kepada Tenaga Nasional, RM6.7 bilion kepada IPP, dan RM3.9 bilion kepada sektor yang lain. Jadi tidak hairanlah TNB dan IPPs mendapat keuntungan berbilion-bilion ringgit setiap tahun oleh kerana bantuan subsidi tersebut.

Adalah dicadangkan supaya kerajaan menarik balik subsidi tersebut dan berikan kepada rakyat dalam bentuk subsidi harga minyak. Ini bermakna rakyat sokong kerajaan, kerajaan bantu rakyat. Ini bermakna kerajaan berjiwa rakyat.

Yang kedua, saya sentuh sedikit pendidikan iaitu tentang apa yang dikeluarkan oleh CAP iaitu anak-anak kita. Masalah anak-anak kita ialah beg berat. Jejas tulang belakang pelajar secara kekal. Ini CAP telah mengeluarkan satu nota dalam akhbar dan menyebabkan anak-anak kita satu hari nanti, apabila dia besar besok, dia akan jadi bongkok, dia akan bengkok dan dia akan jadi tidak sihat tulang-tulangnya.

Mengikut kajian daripada saya baca Tuan Yang di-Pertua, "Beban beg sekolah dan kesannya ke atas otot, *erector spin*, sakit belakang." Sakit belakang di kalangan kanak-kanak sekolah rendah di Malaysia. Ini diterbitkan dalam *Malaysian Journal of Medicine and Health Sciences, Volume 1, January 2005*. Kita takut risiko anak-anak kita apabila dia besar besok dia akan sakit belakang, dan perkembangan sistem *muscular 'scapitle'* ...

Tuan Yang di-Pertua: *Muscular 'scapitle'*.

Tuan Ahmad bin Husin: Jadi kita dengar, anak-anak kita kecil ini sudah elok, besar nanti elok, apabila agak besar sedikit lagi sudah timbul masalah. Kita kena keluarkan duit dengan banyak, kena pembedahan dan sebagainya. Kita kena jaga dia sekarang supaya kerajaan melihat tentang boleh tidak dia tanggung anak-anak kita yang seberat 25 kilogram atau 50 paun tidak seharusnya membawa beg berat lebih daripada 3.75 kilogram atau 8.25 paun. Yang ini kerajaan kena ambil serius. Kita tidak mahu anak-anak kita esok, bengkok belakang dan masalah kepada ibu bapa, bagaimana untuk memperbaiki anak yang catat walhal lahirnya cukup sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak..., berapa minit lagi?

Tuan Yang di-Pertua: 5 minit.

Tuan Ahmad bin Husin: 5 minit. Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh tentang Konvensional Pertanian 2007. Di sini saya amat tertarik apa yang disebutkan oleh Profesor Ungku Aziz, *Royal Profesor Ungku Aziz*, tentang semangat *kiasu* ini kurang. *Kiasu* ini bahasa Hokkien...

Tuan Yang di-Pertua: *Kiasu*.

Tuan Ahmad bin Husin: *Kiasu*. Ini bahasa Hokkien pun, dia cerita terlalu takut untuk kalah. Dia takut, bermakna kalau kita ada semangat takut kalah, maka baru *we go further*, dengan izin. Kalau kita tidak takut kalah, kalau kita rasa kita ini hebat, ini tidak akan ada cara untuk mengatasi masalah ini. Kita minta apa yang dikatakan *kiasu* ini ialah sentiasa mahu menjadi nombor satu, *number one*, dengan izin, atau terbaik Tuan Yang di-Pertua dalam apa jua bidang yang kita ceburi. Yang kedua, keberanian. *We must be very brave enough*, dengan izin.

Brave enough dalam usaha mencapai kecemerlangan dalam kehidupan kita, dan ketiga ini yang suruh ditekankan oleh Profesor Ungku Aziz iaitu kita mesti ada *siddique*, 'S-I-D-D-I-Q-U-E', berkata benar, beramanah, telus, sifat ingin tahu dan kita minta Kementerian Pertanian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, dan kementerian-kementerian yang berkaitan, didik sama ada petani, nelayan, pekebun kecil, semangat yang ini insya-Allah kita akan maju ke hadapan.

Kemudian, semalam ada sebut tentang teraju perubatan alternatif. Saya 100% memberi perhatian kepada perkara ini. Kalau kita tengok Bajet muka surat 15 Tuan Yang di-Pertua, di samping itu beberapa sumber pertumbuhan baru dalam sektor pertanian telah dikenal pasti untuk dimajukan seperti projek perintis pemprosesan minyak kelapa dara, *virgin coconut oil*.

Di Dewan yang mulia inilah, kita bincang perkara ini, bulan Mei tahun lepas dan kerajaan mempunyai dasar bahawa *virgin coconut oil*, minyak kelapa dara menjadi industri kecil di luar bandar untuk seluruh masyarakat kita untuk dibuat dengan sungguh-sungguh sebab ini memberikan kesihatan kepada masyarakat kita, kalau kita gunakan atau makan minyak kelapa dara. Cuma saya hendak minta pihak MARDI untuk membuat sedikit penyelidikan tentang alat-alat untuk digunakan bagi mengeluarkan minyak kelapa dara tadi kerana saya diminta oleh peladang-peladang di kawasan Bagan Datok, Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi untuk bercakap di sini kerana mereka berasa peralatan tersebut masih tidak mencukupi dan tidak sampai dia punya standard.

Kerana kita sekarang order peralatan ini daripada Korea dan pada hari ini, kalau tahun lepas saya keluarkan satu produk, minyak kelapa dara dan pada hari ini juga kerana anak-anak kita sakit dan sebagainya, ada satu lagi produk yang dibuat oleh koperasi dan telah pun diiktiraf oleh Angkasa, yang ini Profesor Ungku Aziz pun sudah guna, Pak Lah pun guna iaitu *Krim Urut Tanpa Urut*. Jadi benda ini kita tidak pernah dengar dan hari ini semua koperasi telah menjadi agen untuk menyebarkan, kerana kalau kita rasa tidak sihat, badan selalu sengal-sengal, kalau kita tidak ceria, tidak ada kekuatan, tidak ada semangat, kalau kita tidak sihat, sana lenguh sini lenguh,

kita tak boleh buat kerja. *We cannot do our work*. Jadi dengan adanya perkara ini, insya-Allah setiap masa, saya minta Wanita, bendahari...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menghalakan ucapan kepada...

Tuan Ahmad bin Husin: Oh ya. Maaf Tuan Yang di-Pertua. Baik Pemuda, baik Puteri, baik Wanita, ambillah produk ini daripada Angkasa. Saya sudah persembahkan kepada Profesor Ungku Aziz, semua sudah tersebar. Di Universiti Utara Malaysia, sampai ke Kelantan pun sudah ada Yang Berhormat daripada PAS Kelantan pun sudah sampai, Johor pun sudah sampai, benda ini sudah ada di pasaran dan di Mydin ada. Selesai, mana anak-anak kita balik bawa beg yang kita kata tadi, bubuh sahaja *no need* tidak payah dok *massage, just put it on, after 10,15 minutes settled*, insya-Allah. Ada tiga jenis...

▪ 1650

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Yang Berhormat minta laluan sekejap.

Tuan Ahmad bin Husin: Ada tiga...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya nampak, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini tengah jual minyak di Chow Kit Road kah, jual ubat kah? Apa sebenarnya yang Yang Berhormat tengah buat sekarang ini?

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya memang hendak dengar yang itu kerana inilah sebenarnya produk orang kampung. Inilah produk yang orang kampung...

Tuan Yang di-Pertua: Persoalan Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat terlibat dalam perbincangan ataupun dalam promosi pemasaran.

Tuan Ahmad bin Husin: Saya hendak tolong koperasi sebab koperasi ini hak orang kampung, sebab saya menerima saranan kerajaan "*Satu Koperasi Satu Produk*". Ini dasar kerajaan. Saya terpaksa menyokong kerajaan kerana ini disebut oleh Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin sendiri, kerana ini disebut oleh Pak Lah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulunglah.

Tuan Ahmad bin Husin: Jadi maknanya saya terpaksa mengatakan bahawa tiap-tiap koperasi mesti ada satu produk. Ini saya bagi satu contoh sahaja supaya kita tidak mahu cakap sahaja, kita membahaskan sahaja, tetapi akhirnya kita tidak boleh buat satu benda pun untuk kita persembahkan kepada rakyat dan koperasi ini untuk mengerat perpaduan rakyat, untuk menyatukan rakyat, untuk memberi kekuatan, perpaduan kepada masyarakat luar bandar. Itu tujuan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Yang *last* sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cakap tentang...

Tuan Yang di-Pertua: Jangan sampai masa saya suruh duduk ya.

Tuan Ahmad bin Husin: ...Perdagangan iaitu saya hendak sebut sekali Suruhanjaya Harga. Yang ini saya hendak minta sungguh-sungguh. Kalau benar, kita hendak tolong orang kampung, orang susah, orang luar bandar, mereka yang sebenarnya menolong untuk mewujudkan kerajaan, membela kerajaan, maka kita kena buat sekurang-kurangnya suruhanjaya kerana inilah baru kita akan menstabilkan harga. Memang pihak penjual atau pihak kilang-kilang tidak boleh sewenang-wenangnya kerana kita boleh panggil *executive officer* nya atau pengarah urusannya untuk datang kepada kerajaan dan dia mesti jawab soalan-soalan supaya harga stabil – tepung tidak hilang, gula tidak hilang dan kita tidak mahu sorok. Kalau sorok, saya minta supaya kementerian mengenakan hukuman rotan kepada pengeluar-pengeluar yang tidak bertanggungjawab itu.

Dari segi kehakiman, saya sebut dari segi *balance of power* dan tentang *separation of powers*. Yang ini penting kerana apa yang berlaku sekarang, masyarakat sudah kehilangan. Kita tidak melihat bahawa *separation of powers* itu sebagai satu *the supreme* iaitu peranan yang dimainkan oleh kita sebagai perundangan dan *PTD officers* khususnya yang ada di sini yang bersama kita, kita bagi sokongan yang kuat kerana mereka kerja kuat dan juga pihak *judiciary*.

Sebagaimana Menteri kata tadi, beliau mengatakan memang kehakiman kita tidak ada calar dan apa yang dibuat oleh masyarakat di luar hanyalah hendak menghina kerajaan, menjatuhkan kerajaan, dekat dengan pilihan raya ini. Kita bagi ingatan bahawa kita menyokong tentang dasar kerajaan, *the separation of powers*, kedaulatan undang-undang dan Perkara 41 Perlembagaan, kita jangan lupa mana-mana undang-undang yang lulus selepas merdeka yang bercanggah dengan Perlembagaan adalah terbatal setakat dengan percanggahan itu.

Dengan ini, saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Siw Chun.

4.53 ptg.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Passion*.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya tidak akan berbahas dengan cara yang bersemangat macam Yang Berhormat Tuan Ahmad Husin.... *[Ketawa]* Saya akan....

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab saya sebutkan *passion*.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya akan gunakan cara saya tersendiri untuk membahaskan rang undang-undang ini. Terima kasih di atas...

Tuan Yang di-Pertua: Itu disebutkan *charmed*. Satu *passion*, satu lagi *charmed*.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih di atas kebenaran dan juga peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama mengambil bahagian dan turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2008 yang dibentangkan oleh Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Malaysia pada 7 September 2007 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet tahun 2008, kerajaan memperuntukkan RM782 juta untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi melaksanakan program pembangunan kapasiti dan kemahiran wanita, khususnya ibu tunggal. Bajet ini menampakkan bajet yang amat prihatin, mesra rakyat dan seimbang dari segi kemajuan ekonomi dan pembangunan sosial dilihat sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap peranan wanita dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya semua program pembangunan yang akan dijalankan dan juga peruntukan pentadbiran yang akan diagihkan oleh pihak kementerian perlulah merangkumi semua golongan termasuk kaum wanita minoriti seperti orang Siam dan juga Orang Asli serta yang lain-lain lagi bagi memastikan peruntukan itu dapat membangunkan wanita secara lebih bersepadu mengikut cara masing-masing. Rancangan yang lebih teliti dan pemantauan yang berterusan perlu bagi menggalakkan wanita berdikari untuk membina ekonomi sendiri.

Kementerian juga perlu memikirkan kesan jangka panjang dan bukan sekadar membantu pada tahap atau tempoh tertentu sahaja. Bak kata satu pepatah Inggeris yang berbunyi, dengan izin, "*Give me a fish, I eat for a meal. Teach me how to fish, I can eat for a life time.*" Ada satu lagi pepatah Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "*If you do not know where you are going, you will be like a feather, blowing in the wind.*"

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya golongan ibu tunggal ini dikategorikan mengikut peringkat umur dan juga tahap pendidikan ataupun tahap ekonomi bagi yang masih muda. Saya yakin dan percaya bahawa Jabatan Pembangunan Wanita di setiap negeri sudah pun mempunyai statistik ataupun carta bilangan ibu tunggal dengan pecahan mengikut kaum masing-masing. Dengan cara sedemikian, senang pihak kementerian mengagihkan peruntukan atau memberi bantuan mengikut keperluan masing-masing.

Ibu tunggal atau ibu ditinggal yang berumur di antara 20 hingga 45 tahun, golongan ini adalah golongan yang amat agresif dalam semua aspek, terutamanya yang ditinggalkan suami dengan memikul beban yang begitu berat. Golongan ini, pihak kementerian haruslah memberi lebih perhatian dan golongan inilah yang kementerian harus ajar mereka memancing tetapi jangan ajar mereka salah pancing pula. Nanti pergi pancing ikan lain pula.

Di kalangan golongan ini mesti ada yang berpendidikan tinggi, berkaliber dan juga berkarier. Jadi mereka boleh memberi ataupun membimbing golongan yang berada di tahap akademik sederhana dalam golongan ibu tunggal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan memberi contoh mengikut pengalaman saya semasa saya berdamping bersama-sama dengan puak-puak ibu tunggal ini ataupun janda muda. Mereka

kecewa terhadap lelaki setelah diceraikan oleh suami dan juga terpaksa menceraikan suami. Ada dua – satu diceraikan suami, satu lagi terpaksa menceraikan suami. Jadi pemikiran mereka bertukar jadi perasaan balas dendam dan juga berkelakuan atau berperangai ganas dan berani.

Mereka pernah beritahu kepada saya, sekiranya ada mana-mana lelaki yang sanggup kahwin ke ataupun simpan ke, asalkan setiap bulan mereka ada sara hidup dan boleh bela anak dengan tidak perlu kerja kuat, mereka sanggup melakukannya tanpa kira lelaki itu duda ataupun beristeri, terutamanya lelaki yang bergelar Dato' kah, Tan Sri kah, Dato' Seri kah atau lain-lain lagi gelaran yang tinggi-tinggi kerana mereka memikir bahawa lelaki yang ada gelaran yang besar-besar atau tinggi-tinggi ini mampu memberi mereka apa yang mereka hilang. Setelah mereka cuba menodai dan mencuri masa lelaki daripada rumahnya dan seterusnya merampas. Jadi berlakulah dan timbullah masalah kekeluargaan.

■1700

Jadi golongan ini amat memerlukan kasih sayang, wang ringgit dan modal yang mereka ada ialah umur yang muda dan juga badan yang masih langsing. Ada umph lah! Golongan yang tahap akademiknya rendah pula pihak kementerian haruslah fikir dan rancang betul-betul bagi menggalakkan wanita ini berdikari untuk membina ekonomi sendiri dan seterusnya menyara keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapati tukang urut wanita yang mengurus ibu-ibu selepas bersalin semakin berkurangan, memang susah hendak cari pada masa sekarang. Maka saya ingin mencadangkan supaya satu pusat latihan ataupun *training centre*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, untuk urut-urutan harus diwujudkan supaya golongan ibu tunggal yang rendah tahap pendidikannya dapat mengikuti kursus ini dan boleh memberi perkhidmatan urut dari rumah ke rumah apabila tamat kursus nanti. Mereka yang tamat kursus haruslah mendapat sijil yang diiktiraf oleh pihak kerajaan seperti mana yang dilaksanakan di negara jiran kita iaitu di Thailand. Bukan itu sahaja, mereka juga boleh memulakan perniagaan mereka sendiri selepas tamat kursus dengan mendapatkan modal permulaannya dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi....

Tuan Yang di-Pertua: *Pphysiotherapist*

Puan Siw Chun a/p Eam: *...Everything. Reflexology and also the whole body massage.* Bidang perkhidmatan seperti ini semakin hari semakin hilang, maka saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian dalam cadangan ini. Bidang ini bukan sahaja golongan ibu tunggal yang boleh melakukannya malah orang kurang upaya ataupun golongan OKU ataupun golongan istimewa juga dapat dilatih dan menjadikannya satu bidang profesional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dari segi Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Dalam Bajet 2008, sebanyak RM733 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan program kebudayaan, kesenian dan warisan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada

pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia kerana telah mengangkat Pesta Loy Krathong, satu pesta yang amat popular di Malaysia dengan lagu Rambong Loy Krathongnya dan pertandingan Ratu Loy Krathong, pertandingan gendang panjang dan gubahan bunga krathong.

Di mana Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri sudi hadir bagi menyempurnakan perasmiannya pada 1 Disember baru-baru ini sebagai salah satu program dalam Skim Penajaan Seni Budaya berskala sederhana. Ini sekali gus telah memartabatkan kebudayaan kaum minoriti ini. Saya berharap supaya pesta ini akan diiktiraf dan dikekalkan dalam skim merakyatkan seni dan budaya bagi selama-lamanya dan peruntukan juga harus ditambah dari setahun ke setahun. Memandangkan pesta ini dapat diraikan bukan hanya kaum Siam sahaja tetapi pelbagai lapisan masyarakat semua kaum tanpa mengira bangsa, keturunan, agama dan juga warna kulit.

Pada lazimnya pesta ini akan disambut pada pertengahan bulan dua belas mengikut kalendar Siam; di mana masyarakat Siam majoritinya adalah petani baru sahaja tamat musim menuai. Pada hari tersebut air sungai melimpah tebing, bulan penuh dan terang benderang. Kami mengucapkan terima kasih kepada Tuhan yang maha berkuasa kerana telah menganugerahkan air bagi mereka menjalankan usaha sawah padi.

Maka majlis ini diadakan dengan meletakkan bunga ataupun objek yang berbentuk bunga teratai, ataupun bunga telipuk, bahasa kampung di Perlis; *Lotus* dalam bahasa Inggeris, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Dalam bahasa Cina ia dipanggil '*lian hwa*'. Dalam bahasa Tamil, saya baru sahaja dapat iaitu *tamarai poo*. Diletakkan ia ke dalam sungai dan selepas itu berseronoklah kaum Siam dengan berambung. Berambung ini macam joget lambak bagi orang Melayu.

Dalam masa yang sama pelbagai acara seperti yang saya sebutkan tadi turut diadakan bagi memeriahkan pesta ini. Pesta ini juga dijadikan pesta mencari jodoh ataupun pasangan hidup. Contohnya macam Yang Berhormat Tuan Osman Bungsu beli bunga teratai ataupun objek itu. Selepas itu Yang Berhormat akan letakkan gambar beliau, alamat dan nombor telefon termasuk e-mel lipat dalam kertas, letakkan dalam bunga teratai kemudian hanyutkan bunga teratai itu. Pada keesokan harinya bunga teratai Yang Berhormat Osman Bungsu ini melekat di tebing belakang rumah Cik Siti. Jadi, Cik Siti nampak bunga teratai dia pun pergilah ambil dan tengok gambarnya. Wah, orangnya kacak. Adalah di dalam kertas itu bagaimana hendak menghubungi Yang Berhormat Osman. Macam inilah pertemuan itu berlaku dan berakhir dengan perkahwinan. Ini adalah kepercayaan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Mohon laluan. Yang Berhormat, berapakah peratusan kejayaan mendapat jodoh secara ini? Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Dalam hal ini saya ingin memohon maaf kerana saya tidak ada statistik berapa pasangan yang telah berjaya, tetapi memang ada berjaya. Satu lagi kepercayaan...

Tuan Osman bin Bungsu: Mohon laluan.

Puan Siw Chun a/p Eam: Mentang-mentang saya bagi contoh Yang Berhormat Osman.
[Ketawa]

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih. Adakah ini perpaduan atau integrasi kaum pertama di Malaysia ini?

Puan Siw Chun a/p Eam: Ini adalah memang salah satu cara untuk mengeratkan silaturahmi di Malaysia. Sebab itu saya sentiasa mengatakan bahawa cinta itu buta. Dia tidak akan ambil kira sama ada dia itu bangsa apa, keturunan apa, agama apa dan status bini orang atau suami orang, dia sudah tidak kira. Bila dia sudah jatuh cinta itu dia cintalah.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sudah bukan perpaduan lagi tu.

Puan Siw Chun a/p Eam: Apa yang saya hendak maksudkan di sini ialah pandai-pandailah hendak jadi pergaduhan ataupun sebaliknya. Pandai-pandai lelakilah. Kami tidak menggalakkan supaya yang sudah beristeri ataupun sudah ada suami itu untuk melibatkan diri dalam acara mencari jodoh ini. Ia tidak digalakkan. Jadi, yang mempunyai biarlah mempunyai. Ini untuk mencari jodoh bukannya mencari tambah jodoh.

Kepercayaan yang kedua ialah selalunya bunga krathong ini kalau pasangan sedang bercinta kita akan meletakkan bunga dan doa supaya perhubungan kita akan berpanjangan. Jadi, beli dua kuntum bunga letakkan sekali dalam sungai untuk dihanyutkan. Katakanlah bunga itu tidak akan berpisah, maksudnya perhubungan pasangan itu akan berkekalan dan berpanjangan. Katakanlah bunga itu pada mulanya dekat dan kemudian dalam perjalanan dua tiga minit bunga itu berpisah. Itu maksudnya petanda yang tidak baik bagi kepercayaan orang Siam.

Kadang-kadang pasangan yang akan melangsungkan pertunangan pun tidak jadi pertunangan. Tidak berlangsung majlis pertunangan. Inilah kepercayaan Pesta Loy Krathong. Saya cuma hendak menerangkan apa itu Loy Krathong.

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah separuh masa.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya. Sebenarnya pesta ini juga seperti pesta yang disambut di negeri Sarawak iaitu Pesta Gawai. Jadi, saya juga ingin memohon jasa baik pihak kementerian yang diterajui oleh menteri atau timbalan menteri dan juga jenteranya yang merupakan orang seni, percakapan yang lemah lembut dan penuh dengan budi bahasa supaya dapat meluluskan peruntukan kepada persatuan-persatuan yang mewakili kaum etnik terutamanya etnik minoriti seperti Orang Asli, orang Siam serta yang lain-lain lagi di Sabah dan Sarawak bagi membantu kami dalam program latihan dan juga pakaian ataupun kostum tradisional kami.

Contohnya kaum Siam memang popular dengan tarian Menora. Akan tetapi pakaian ataupun kostumnya terutama mahkotanya yang terpaksa diimport dari Thailand begitu mahal harganya sehingga kami sebagai NGO tidak mampu memiliki dan terpaksa menyewa dari Thailand setiap kali mengadakan persembahan.

■ **1710**

Memandangkan kementerian boleh atau sanggup bayar RM20,000 hingga RM30,000 bagi seorang penyanyi popular yang hanya menyanyi dalam lima lagu dalam satu majlis. Maka saya merayulah kepada pihak kementerian mempertimbangkan permohonan saya selaku ketua kaum Siam yang tidak ramai ini iaitu hanya 60,000 orang yang bermastautin di tujuh negeri dalam negara kita, supaya dapat memperuntukkan RM50,000 kostum dan RM40,000 untuk program latihan bagi setahun bukannya sekali persembahan bermula pada tahun 2008.

Memandangkan kami ini kaum minoriti, saya rasa permohonan saya pun tidak melampaui batas. Tembak bunga api bagi sesuatu majlis pun lebih daripada peruntukan yang dipohon oleh saya. Saya percaya dan amat yakin bahawa kementerian tidak ada apa-apa halangan bagi meluluskan permohonan saya ini. Pesta Loy Krathong adalah satu-satunya sambutan yang diiktiraf oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan rakyat Malaysia hanya mengibarkan bendera pada bulan sambutan kemerdekaan dan akan membiarkan bendera itu dimakan hujan dan panas sehinggalah sambutan merdeka tahun berikutnya. Saya amat sedih sekali apabila melihat bendera dikibarkan di merata-rata tempat sudah lusuh dan seolah-olah tiada keprihatinan rakyat kita untuk mengambil berat mengenai bendera negara. Walaupun mungkin ada yang berpendapat itu soal remeh, namun pandangan orang luar akan membuat tafsiran bahawa rakyat negara ini tidak ada semangat patriotik dan cinta terhadap negara. Ia sedikit sebanyak mencalarkan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mohon supaya pihak kerajaan ataupun pihak yang berkuasa harus mengambil tindakan untuk mengeluarkan garis panduan dan rujukan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya kepada jabatan kerajaan, swasta, sekolah dan orang ramai sendiri sebagai bertujuan memberikan kefahaman dan penyeragaman pengibaran Jalur Gemilang. Tujuannya adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotik perasaan bangga, menghormati, memuliakan serta cinta dan taat setia kepada negara. Penghormatan kepada bendera kita seharusnya dijadikan iltizam setiap warganegara untuk mendaulatkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa Surat Pekeliling Am Bil. 3/1994 yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan menetapkan supaya bendera dikibarkan dan diturunkan di bangunan kerajaan mengikut waktu pejabat biasa dan di sekolah mengikut waktu bermula kelas pertama dan menurunkannya selepas kelas terakhir tamat. Namun arahan ini masih ramai yang tidak mematuhi.

Tuan Yang di-Pertua, pemilik premis dan bangunan sama ada pihak kerajaan atau swasta haruslah lebih peka dan bertanggungjawab dalam soal pengibaran Jalur Gemilang ini. Amat buruk pada pandangan mata apabila melihat bendera negara sudah koyak-rabak, lusuh malah cara pengibaran pun tidak betul, tetapi bangunan dan premis berkenaan sangat cantik dan bersih.

Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat telah pun melampaui had masa.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya minta izin untuk sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, lima minit.

Puan Siw Chun a/p Eam: Tuan Yang di-Pertua, saya amat rasa bangga dan seronok dan berterima kasih kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu berperikemanusiaan yang mempunyai sifat penyayang dan penuh dengan keprihatinan dengan memperuntukkan RM120 juta kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk melaksanakan pelbagai program dan projek. Sejumlah RM50 juta lagi diperuntukkan bagi program bantuan rumah dan kemudahan sosial di kawasan penempatan Orang Asli dalam Bajet 2008.

Tuan Yang di-Pertua, apabila dengar pembentangan Bajet 2008 oleh Ahli Yang Berhormat Perdana Menteri pada 7 September lepas, dalam Dewan Rakyat dan juga taklimat yang diberikan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nor pada malamnya. Timbullah perasaan sedih dan juga kecil hati. Kenapalah kerajaan tidak memperuntukkan satu sen pun untuk kaum minoriti seperti kaum Siam ini.

Sehinggalah rakan-rakan saya dari Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara bertanyakan kepada saya kenapa, *You tak minta?* Perkara ini saya rasa tidak perlu minta dan pada masa ketika itu dan pada masa peluang keemasan ini saya hendak minta, hendak minta.

Tuan Yang di-Pertua: Tak pun minta tadi.

Puan Siw Chun a/p Eam: Saya tidak minta pada ketika itu dan saya akan minta sekarang. Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama yang saya ingin suarakan di sini ialah mengenai ajaran dan juga pembelajaran bahasa ibunda saya iaitu bahasa Siam. Institusi Watt Siam ataupun rumah ibadat dengan izin, *Siamese temple* bagi orang Siam yang beragama Buddha adalah satu-satunya institusi di mana kaum Siam bukan sahaja dalam mengadakan aktiviti keagamaan, malah semua aktiviti kemasyarakatan perhimpunan bersama pemimpin, aktiviti belia dan juga sukan termasuklah kelas bahasa Siam iaitu bahasa ibunda saya sendiri.

Saya dengan rasa tidak malu ingin menyatakan di sini bahawa saya selaku ketua yang dipilih oleh masyarakat Siam untuk menerajui kepimpinan kaum Siam seramai 60,000 orang di negara ini, tidak tahu membaca dan menulis bahasa Siam, tetapi kelebihan saya boleh bercakap dengan jelasnya, dengar lancarnya dalam bahasa Siam walaupun bahasa kampung

ataupun bahasa buku. Alasannya adalah semasa saya kecil dahulu, pada lazimnya orang Siam akan belajar bahasa ibunda kami di rumah ibadat di dalam Watt Siam.

Keadaan infrastruktur dan juga kelengkapan yang berada di dalam bangunan di Watt Siam tidak menggalakkan arwah bapa saya untuk hantar dan untuk mengaji di situ kerana kali pertama saya pergi ke kelas, saya melihat bahawa murid-murid bukan duduk atas kerusi dan tulis atas meja, tetapi atas lantai tanah yang di bentang dengan tikar mengkuang. Jadi mereka belajar bahasa Siam bukan cara duduk macam kita sekarang, mereka belajar bahasa Siam separuh tidur atau meniarap.

Jadi masa kali pertama saya pergi saya pakai skirt....

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya biarkan Yang Berhormat berpanjangan, jatuhlah maruah saya. Saya akan dikatakan dinodai oleh *charm* Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat simpulkan sekarang.

Puan Siw Chun a/p Eam: Jadi saya cuma cerita sedikit. Sedikit sahaja. Jadi masa pertama kali saya pergi pakai skirt, jadi tidak sesuai saya untuk meniarap sebegitu dengan pakaian yang tidak bersesuaian. Jadi itulah alasan yang saya cuba hendak memaklumkan di Dewan yang mulia ini bahawa kita amat perlukan infrastruktur bangunan dan juga kelengkapan yang bersesuaian untuk kami belajar bahasa ibunda kami di mana sekolah-sekolah kerajaan ataupun swasta, kita tidak ada kelas bahasa Siam di Malaysia.

Yang keduanya yang saya ingin...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ya, yang keduanya saya ingin menyentuh di sini ialah, saya berasa kecil hati kerana kemudahan asas apabila berlakunya kematian. Saya ingin memohon jasa baik Kerajaan Barisan Nasional yang begitu prihatin kepada rakyatnya supaya menyediakan ataupun memberi peruntukan dalam Bajet 2008 ini. Tidak kiralah kementerian mana supaya membina satu tempat untuk pembakaran mayat *crematorium* di setiap negeri kerana *crematorium* di setiap ini digunakan untuk bukan sahaja untuk kaum Siam, tapi digunakan untuk orang India dan kaum Cina. Cara kita membakar mayat sekarang ialah secara BBQ, macam kambing BBQ, ayam Belanda macam itulah. Jadi kita tidak ada satu sistem yang sempurna dalam hal ini.

▪ 1720

Jadi saya pohonlah jasa baik pihak kerajaan supaya dapat mendengar...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat susunkan ucapan tadi selain dari cerita Loy Krathong dah selesai dah.

Puan Siw Chun a/p Eam: Ni nak selesailah ni, nak selesai dah. Jadi untuk menyelesaikan keseluruhan masalah kaum minoriti ini, saya ingin mencadangkanlah kepada pihak kerajaan supaya wujudkanlah satu kementerian khas di bawah Jabatan Perdana Menteri atau di mana, untuk menjaga semua kaum minoriti di Malaysia. Supaya suara-suara minoriti.....

Tuan Yang di-Pertua: Dan dengan itu...

Puan Siw Chun a/p Eam: Supaya masalah-masalah suara-suara kaum minoriti dapat diperdengarkan dan dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan dan pandangan dan buah fikiran yang telah saya lontarkan dalam ucapan perbahasan Bajet 2008 maka saya juga turut menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2008 ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat atas kerjasama.

5.21 ptg.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan mengambil masa yang sedikit untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh sambung sedikit pada hari Isnin.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau naklah kalau tak nak boleh habiskan dalam masa lapan minit.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara pertama yang saya hendak sentuh ialah sambungan daripada... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Atau jawapan daripada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pengkorporatan tadi.

Berhubung dengan masalah kemalangan dan saya ingin menyebut soal kemalangan yang berlaku pada 11 Disember yang lalu, kerana ia melibatkan lapan kematian rakyat negeri kedah. Saya ingin memetik kata-kata Yang Berhormat Menteri Kerja Raya sebelum ini iaitu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, "*There is nothing wrong with the present location and we can avoid accident if drivers follow the speed limit*", Yang Berhormat Menteri Kerja Raya ketika itu apabila berlaku kemalangan ketika itu, apabila ada pihak minta supaya Tol Jelapang itu dipindah dan itulah jawapannya.

Daripada apa yang dijelaskan oleh pihak lebuh raya PLUS, lebuh raya kita adalah lebuh raya yang bersifat internasional, reka bentuknya dibina pada tahap tertinggi taraf antarabangsa dan kerana itu tidak ada masalah dalam soal reka bentuk lebuh raya mahu pun tol itu sendiri. Namun apabila sehingga 11 Disember yang lalu jumlah kemalangan yang berlaku di tol itu adalah 142 dalam tempoh 10 tahun dan 142 ini adalah jumlah yang besar.

Walaupun jawapan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tadi ada menyebut bahawa seolah-olah menyalahkan pemandu yang kalau tidak silap pemahaman saya, dari jawapan beliau pemandu tertidur. Namun dari apa yang saya baca dalam akhbar, bas yang membawa penumpang ini adalah bas yang selalu membuat pemeriksaan PUSPAKOM, walaupun bas ini usianya tujuh tahun. Terakhir bas ini diperiksa oleh PUSPAKOM ialah pada 11 Oktober 2007. Pemandunya juga adalah pemandu yang tidak pernah dan tidak ada kesalahan trafik ataupun kesalahan-kesalahan lalu lintas yang lain.

Maknanya, kesimpulan saya bukan faktor *design*, lokasi, bukan faktor kemanusiaan, tidakkah ada faktor lain? Berhantukah Tol Jelapang ini? Saya dalam hal ini, saya berpendapat saya bersetuju dengan rencana pengarang *News Straits Times* hari ini bahawa kita perlu pindah Tol Jelapang. Saya berpendapat bahawa Kementerian Kerja Raya perlu memberi peruntukan memindahkan tol ini, kerana tidak mahu melihat lebih banyak kematian di situ.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi kementerian juga mengumumkan bahawa bermula hujung tahun depan perkara itu akan sempurna dipindahkan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih saya dengar itu. Perkara kedua yang saya nak sebut dalam perbahasan saya ini ialah berhubung dengan sifat keterbukaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dari awal beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri sehinggalah ke hari ini. Keterbukaan melalui rundingan menjadi asas beliau dan sifat keterbukaan ini bukan sahaja bermula ketika menjadi Perdana Menteri tetapi juga ketika beliau bertugas di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan kementerian-kementerian yang lain.

Cuma persoalan saya di sini, ialah apabila sifat keterbukaan ini sudah disalah erti oleh setengah-setengah pihak, adakah sifat keterbukaan ini perlu diteruskan lagi ataupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu mengkaji semula? Apa yang pasti hari ini kita mula bercakap soal keadilan dan sebagainya tetapi apabila ada segolongan orang yang mengambil kesempatan di atas keterbukaan ini, saya berpendapat bahawa sudah sampai masanya kerajaan mesti mengambil tindakan tegas untuk tidak lagi terlalu ingin berdemokrasi kerana sekiranya keadaan ini berlanjutan, rakyat bukan marah kepada kerajaan yang tidak mahu memberi demokrasi tetapi rakyat akan marah kepada kerajaan yang telah membiarkan keadaan menggugat kestabilan perpaduan dan keselamatan negara. Malah dua, tiga hari yang lepas, bandar raya Kuala Lumpur *jam* dengan kenderaan apabila polis membuat *road block* ekoran daripada tindakan-tindakan sekumpulan orang yang cuba menunjuk perasaan di Parlimen. Orang mula marah bukan kepada kumpulan Hindraf tetapi marah kerana kerajaan tidak bertindak tegas mengatasi masalah ini.

Maka kerana itulah pihak-pihak tertentu tidak boleh lagi mempermainkan atau mengambil kesempatan dari sikap keterbukaan ini. Di sini pihak-pihak tertentu mesti meletakkan kepentingan politik itu jauh daripada kepentingan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung bila Dewan bersidang semula pada hari Isnin.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Mesyuarat ditangguhkan sekarang, Dewan bersidang semula pada hari Isnin pukul 10 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.